

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 16 JULAI 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 96)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada perancangan untuk membuka dan membenarkan penerbangan terus dari China ke Labuan dalam konteks merancang dan meningkatkan ekonomi terutama dalam sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, aturan hak trafik di antara Malaysia dan China adalah diperuntukkan di bawah Memorandum of Understanding (MoU) On Air Services Between The Government of Malaysia and The Government of The Peoples` Republic of China yang telah ditandatangani pada 18 Oktober 2006. MoU ini membenarkan mana-mana syarikat penerbangan Malaysia atau China untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan hak trafik ketiga dan keempat tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat bagi mana-mana laluan di antara China dan Malaysia.

2. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa membuka dan menggalakkan mana-mana syarikat-syarikat penerbangan negara atau China untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari China untuk ke mana-mana destinasi-destinasi di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh syarikat penerbangan berasaskan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan.

4. Bagi maksud merancakkan ekonomi negara melalui penerbangan terus dari China ke Labuan, Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) melalui Program Airline X-celeration, antara lain, menawarkan insentif kepada mana-mana syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan antarabangsa ke lapangan-lapangan terbang yang dikendalikan oleh MAHB termasuk Lapangan Terbang Labuan. Insentif ini diberi dalam bentuk rebat pendaratan, sewaan pejabat di lapangan terbang, dan sokongan pemasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK (BALIK PULAU)**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk merencanakan lagi minat pelajar sekolah dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyediakan pelbagai program pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam bentuk pembelajaran di luar bilik darjah untuk membantu usaha meningkatkan minat dan pemahaman terhadap STI, di kalangan pelajar-pelajar di peringkat sekolah maupun institusi pengajian tinggi (IPT). Program-program tersebut juga dibuat penyesuaian berdasarkan kurikulum pendidikan kebangsaan dan berpandukan dasar-dasar yang sedia ada di bawah MOSTI, seperti Dasar Sains,

SOALAN NO : 13

Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, dan Rangka Kerja 10-10 MySTIE.

2. Selaras dengan tema "Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi, Mengarusperdanakan Inovasi", dan pendekatan "*Whole of Government Approach*" yang diamalkan di MOSTI, pelaksanaan program-program yang dinyatakan tadi, bukan sahaja dijalankan oleh Bahagian-Bahagian di peringkat Kementerian, tetapi juga oleh Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, Jabatan Tenaga Atom, Jabatan Kimia Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Akademi Sains Malaysia, MRANTI dan Yayasan Inovasi Malaysia, dengan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Pendidikan Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Minggu Sains Negara (MSN) dan Malaysia Techlympic (MT) merupakan program utama dan dianjurkan secara tahunan oleh Kementerian. Objektif utama kedua-dua program tersebut adalah untuk mewujudkan kesedaran, memupuk minat, membudayakan sains, teknologi dan inovasi kepada semua lapisan masyarakat, khususnya pelajar-pelajar sekolah dan IPT, serta golongan belia melalui aktiviti *hands-on experiment*, pertandingan berasaskan STI, webinar, *science talk*, ceramah sains, dan pelbagai aktiviti lain.
4. Bagi setiap modul, program, aktiviti dan pertandingan yang dianjurkan MOSTI bersama pihak sekolah, MOSTI terlebih dahulu merujuk, mendapatkan kebenaran dan disemak oleh pihak KPM bagi memastikan setiap aktiviti yang dijalankan ini berteraskan kurikulum pendidikan yang disediakan oleh KPM.
5. Oleh yang demikian, sebahagian besar aktiviti yang dianjurkan MOSTI dan disertai pelajar sekolah layak untuk mendapat mata merit

SOALAN NO : 13

kokurikulum berdasarkan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program, aktiviti dan pertandingan yang dilaksanakan MOSTI ini adalah sebagai pelengkap kepada kurikulum pendidikan sedia ada negara dan merupakan satu bentuk intervensi dan inisiatif MOSTI dalam memupuk dan mempertingkatkan minat dan kefahaman pelajar sekolah terhadap subjek berasaskan STEM.

6. Saya juga ingin memaklumkan, mulai tahun ini (2024), MOSTI telah menetapkan bahawa aspek 'Pemeriksaan STEM' dijadikan sebagai salah satu agenda keutamaan pihak Kementerian. Selaras dengan itu, Program STEM Camp MOSTI 2024 telah dipergiatkan. Program STEM Camp MOSTI 2024 dirangka sebagai pelengkap kepada kurikulum sedia ada yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menekankan pendekatan aktiviti di luar bilik darjah yang interaktif, praktikal dan demonstratif kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah.
7. Dengan penyediaan dan pelaksanaan pelbagai program pembudayaan STI dalam bentuk yang interaktif, praktikal dan demonstratif sebagaimana yang dinyatakan, MOSTI berharap dapat meningkatkan minat dan pemahaman terhadap STI atau STEM, di kalangan pelajar-pelajar di peringkat sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pendekatan Kementerian terhadap kerangka industri hotel bajet termasuk penginapan berkonsepkan sewaan jangka pendek seperti Airbnb dan agensi pelancongan dalam talian termasuk daripada segi aspek pemantauan mengambil kira kelompongan undang-undang yang sedia ada.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan (GPP) Penginapan Sewaan Jangka Pendek (STRA) yang seragam untuk rujukan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia. Antara perkara yang dinyatakan dalam GPP tersebut adalah kawal selia terhadap hos STRA yang melibatkan bidang kuasa PBT seperti kategori premis kediaman yang dibenarkan, pendaftaran dan pelesenan, keselamatan, tempoh penginapan dan penguatkuasaan.

2. Dalam hal ini, pemakaian GPP STRA akan disokong dengan pemakaian Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (GPP TOBTAB) sedia ada oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). GPP ini antara lain menggariskan tentang syarat-syarat dan tatacara permohonan lesen TOBTAB di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], termasuk platform dalam talian (*Online Travel Agent*, OTA). Sehingga kini, MOTAC telah melesenkan sebanyak enam (6) syarikat OTA yang merangkumi enam (6) platform OTA di Malaysia.

3. Selanjutnya, Kementerian ini akan bekerjasama dengan pihak KPKT, Kerajaan Negeri dan PBT bagi mengadakan pemantauan secara bersama sebaik sahaja GPP STRA tersebut dimuktamadkan dan diterima pakai oleh PBT di seluruh negara kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : **16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan kayu ukur yang diletakkan dalam perancangan menjadikan Malaysia sebagai hub digital antara negara ASEAN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selari dengan peranan Kementerian Digital dalam memacu agenda pendigitalan negara, Kementerian ini turut komited dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hub digital antara negara ASEAN melalui pembangunan dan kemajuan ekonomi digital yang kompetitif dan inovatif.
2. Antara kayu ukur yang telah ditetapkan bagi mengukur prestasi dan memastikan Malaysia terus kekal sebagai hub digital antara negara ASEAN adalah seperti berikut:
 - (a) **Peningkatan pelaburan digital** di Malaysia oleh pemain utama teknologi global dalam beberapa bulan kebelakangan ini seperti berikut:
 - i. Pelaburan **nVIDIA** sebanyak **USD4.3 Bilion** dengan kerjasama YTL untuk membangunkan *AI Cloud* dan infrastruktur superkomputer di Malaysia.

SOALAN NO : 15

- ii. Pelaburan **Microsoft** sebanyak **USD2.2 Bilion** kepada infrastruktur awan dan AI baharu di Malaysia selama empat (4) tahun.
 - iii. Pelaburan **Google** sebanyak **USD2.0 Bilion** untuk pembangunan Pusat Data Google dan Rantau Google Cloud.
 - iv. Syarikat induk TikTok "**ByteDance**" (Pengembangan pusat data di Malaysia) sebanyak **USD2.13 Bilion** dan pembangunan hub AI.
- (b) Malaysia juga telah **disenaraikan secara kompetitif berbanding rakan serantaunya bagi kedudukan digital** berkaitan seperti:
- i. **Indeks Lokasi Perkhidmatan Global Kearney:** Kedudukan pertama di ASEAN dan ketiga di peringkat global;
 - ii. **Indeks Kesiediaan eKerajaan PBB:** Kedudukan kedua dalam ASEAN, ke-42 di peringkat global (meningkat daripada kedudukan ke-53 kepada ke-42 pada tahun 2023);
 - iii. **Indeks Daya Saing Digital IMD:** Kedudukan kedua di ASEAN dan ke-33 di peringkat global; dan
 - iv. **Indeks Inovasi Global** oleh World Intellectual Property Organization (WIPO): Kedudukan ketiga di ASEAN dan ke-36 di peringkat global.

3. Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Komunikasi juga akan terus berusaha untuk meningkatkan **infrastruktur digital** negara dalam menyokong perkembangan ekonomi digital negara dan mengekalkan Malaysia sebagai hub digital antara negara ASEAN. Antara pencapaian dan kejayaan yang telah dicapai adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 15

- i. Pada tahun 2023, Malaysia berada di kedudukan pertama di seluruh dunia untuk konsistensi 5G, memperoleh Skor Konsistensi 5G Ookla sebanyak 97.27 peratus (sumber: Ookla);
- ii. Malaysia juga berada di ranking no. 1 di ASEAN dengan kelajuan muat turun 5G median 485.25 Mbps (sumber: Ookla);
- iii. Liputan 5G di seluruh negara mencapai 80 peratus di kawasan berpenduduk menjelang 2023;
- iv. Pada tahun 2024, penembusan internet Malaysia sebanyak 97.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia) adalah yang tertinggi di ASEAN (sebagai perbandingan: Singapura 96 peratus dan Thailand 88 peratus); dan
- v. Ketersediaan 5G sebanyak 85 peratus adalah yang kedua tertinggi selepas Singapura – 100 peratus (sebagai perbandingan, Thailand dan Vietnam masing-masing merekodkan 80 peratus ketersediaan 5G).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENAI]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan yang lebih tersusun bagi membendung penularan ajaran sesat yang menggunakan platform media sosial bagi menyebarkan ajarannya.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan amat menyedari bahawa kumpulan ajaran sesat kini telah menjadikan media sosial sebagai platform utama untuk menyebarkan ajaran atau fahaman yang menyeleweng kepada masyarakat. Jika dahulu, kumpulan yang menyebarkan ajaran ini bergerak secara bersembunyi di kawasan terpencil dan tertutup, namun kini mereka didapati telah mula menyebarkan ajaran yang

menyeleweng ini secara terbuka melalui pelbagai platform media sosial seperti youtube, tik tok, facebook dan lain-lain.

2. Dalam menangani isu perkembangan ajaran sesat yang cuba disebarkan melalui pelbagai platform media sosial ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM telah mengambil langkah-langkah bagi memperkasakan tindakan penyelarasan dan kolaborasi dengan agensi penguatkuasaan di peringkat persekutuan dan negeri. Penyelarasan ini dibuat melalui beberapa jawatankuasa sedia ada seperti Jawatankuasa Pemandu Menangani Ancaman Akidah Peringkat Kebangsaan (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS) dan mesyuarat task force yang diadakan berdasarkan keperluan tindakan terhadap sesuatu ajaran yang menyeleweng dari masa ke semasa.

3. Pihak Kerajaan melalui JAKIM, SKMM dan PDRM juga sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap sebarang kandungan media sosial yang didapati mengandungi ajaran atau fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Mana-mana individu yang cuba menyebarkan ajaran sesat atau menyeleweng melalui platform media sosial ini boleh diambil tindakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri dan juga akta-akta yang berkaitan, tertakluk kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

4. Pada 30 April 2024, satu Persidangan Meja Bulat antara SKMM, JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seluruh Malaysia dengan fokus kepada penguatkuasaan undang-undang mengenai kesalahan isu-isu agama di platform dalam talian telah diadakan.

5. Di samping itu, JAKIM juga bekerjasama dengan beberapa agensi termasuk Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Majlis keselamatan Negara (MKN), Pejabat Peguam Negara, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri.

6. Kerajaan melalui JAKIM dan agensi hal ehwal Islam sentiasa memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan akidah ummah melalui pembudayaan ilmu dan pendidikan yang komprehensif dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

7. Antara pendekatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh JAKIM untuk menangani isu penyelewengan akidah umat Islam di Malaysia ialah:

- (i) Melaksanakan kajian secara menyeluruh dalam pelbagai aspek terhadap sesuatu ajaran atau doktrin meragukan atau disyaki menyeleweng untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).
- (ii) Bekerjasama dengan MAIN dan JAIN dalam aspek penyelidikan mengenai ajaran dan doktrin yang meragukan atau disyaki menyeleweng daripada agama Islam.
- (iii) Bekerjasama dengan Jabatan Mufti Negeri-Negeri bagi mengeluarkan fatwa terhadap sesuatu ajaran yang menyeleweng berpandukan pandangan hukum.
- (iv) Mengadakan pertemuan dan sesi dialog secara tertutup bersama kumpulan atau individu yang terlibat dengan ajaran yang meragukan.
- (v) Memberi kaunseling dan nasihat agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka kepada kehidupan normal masyarakat.

8. Antara tindakan yang diambil juga ialah pelaksanaan Tauliah Mengajar oleh Jabatan Mufti Negeri-Negeri, contohnya di Wilayah Persekutuan, di bawah Seksyen 11 Akta 559, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan:

“Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 96 Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

9. Pihak JAKIM bersama-sama dengan agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) turut menganjurkan program-program penjelasan dan penerangan kepada masyarakat seperti seminar, kursus, forum, muzakarah dan sebagainya. Penjelasan kepada masyarakat mengenai isu-isu akidah dilaksanakan melalui media penyiaran seperti TV1, TV Al-hijrah, stesen radio serta media sosial.

10. Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat kumpulan ajaran sesat yang menggunakan media sosial untuk menyebarkan fahaman mereka dari luar negara. Justeru penambahbaikan kepada aspek perundangan syariah sedia ada juga sedang diusahakan agar kumpulan seperti ini tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 16 JULAI (SELASA)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan kelebihan penubuhan 1,878 Komuniti Madani yang telah ditubuhkan di seluruh negara serta apakah penambahbaikan yang telah diperkenalkan berbanding Komuniti Keluarga Malaysia dan juga Komuniti 1Malaysia yang pernah diperkenalkan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komuniti MADANI berperanan sebagai penghubung antara Kerajaan dengan rakyat, sekali gus menjadi jentera komunikasi dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat, selain mendapatkan maklum balas rakyat pada peringkat akar umbi. Terdapat beberapa kelebihan dan penambahbaikan dalam penubuhan 1,878 Komuniti MADANI berbanding Komuniti 1Malaysia dan Komuniti Keluarga Malaysia iaitu:

(i) Formula penubuhan

1,500 Komuniti 1Malaysia telah ditubuhkan berdasarkan kepada mukim/kawasan yang dikenal pasti oleh urus setia Komuniti 1Malaysia. Manakala bagi Komuniti Keluarga Malaysia, jumlah penubuhannya telah bertambah kepada 1,878 merangkumi penubuhan tiga komuniti di 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, jumlah komuniti yang ditubuhkan adalah sebanyak enam komuniti di setiap parlimen.

Penjenamaan semula Komuniti Keluarga Malaysia kepada Komuniti MADANI menggunakan formula penubuhan yang sama kerana formula ini berjaya meliputi semua kawasan DUN di seluruh negara. Seterusnya, penambahbaikan Komuniti MADANI berbanding komuniti-komuniti sebelumnya juga berlandaskan kepada peranan/fungsi utama komuniti tersebut. Perbezaan pelaksanaan program-program komuniti mampu memberi impak yang signifikan bagi setiap komuniti yang ditubuhkan.

(ii) Program

Menerusi Komuniti 1Malaysia, sebanyak tiga program utama yang dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan komuniti iaitu:

- (a) Peringkat Negeri – Program Penghayatan 1Malaysia: Komuniti 1Malaysia Peringkat Negeri
- (b) Peringkat Daerah - Program Penghayatan 1Malaysia: Komuniti 1Malaysia Peringkat Daerah
- (c) Peringkat Komuniti - Program Penghayatan 1Malaysia: Komuniti 1Malaysia Peringkat Komuniti

Manakala bagi Komuniti Keluarga Malaysia hanya dua program utama yang dilaksanakan iaitu Sepakat Keluarga Malaysia dan Semarak Keluarga Malaysia.

Bagi program Komuniti MADANI pada tahun 2024 sebanyak empat program utama yang sedang giat dilaksanakan iaitu program Jiwa Komuniti MADANI, Jiwa Komuniti MADANI@Merdeka, Jiwa Komuniti MADANI Peringkat DUN dan Jiwa Komuniti MADANI Peringkat Parlimen. Program-program yang berteraskan Jiwa Komuniti MADANI ini adalah pendekatan turun padang dan sesi libat urus bersama masyarakat setempat dalam suasana yang santai.

Program ini merupakan salah satu platform untuk memasarkan maklumat, isu semasa, dasar dan inisiatif kerajaan. Ianya dilihat sebagai pendekatan terbaik untuk memahami situasi sebenar yang berlaku di peringkat akar umbi. Pada masa yang sama dapat membantu rakyat untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih berhubung dasar dan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan.

Selain itu, JAPEN juga sedang giat menjalin kerjasama dengan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di bawah MCMC yang menyediakan pelbagai jenis latihan keusahawanan, pembelajaran, kesedaran siber, info berkaitan inisiatif kerajaan dan sebagainya kepada Komuniti MADANI.

(iii) Peranan/fungsi utama komuniti

Bagi merealisasikan konsep Malaysia MADANI, penjenamaan semula 1,878 Komuniti Keluarga Malaysia sedia ada kepada Komuniti MADANI yang akan menjadi platform kesinambungan pelaksanaan serta pemboleh daya (*enabler*) kepada konsep dan program-program Malaysia MADANI sehingga ke peringkat akar umbi selaras dengan objektif penubuhan berpandukan kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Menerapkan nilai dan tonggak MADANI dalam kalangan masyarakat melalui komuniti;
- (b) Memantapkan usaha pemasaran maklumat dan hebahan kerajaan kepada rakyat serta menangani berita palsu di peringkat akar umbi;
- (c) Memperkasa komuniti setempat melalui peningkatan literasi dalam bidang ekonomi digital; dan
- (d) Memupuk serta mengukuhkan semangat patriotik, perpaduan, keharmonian dan cintakan negara dalam kalangan komuniti pelbagai kaum berteraskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Penubuhan Komuniti MADANI ini juga bertujuan untuk memasar dan menyebarkan luas konsep Malaysia MADANI agar difahami dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat dan menjadi platform kesinambungan pelaksanaan program Malaysia MADANI sehingga ke peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai status projek sistem penggantian aerotrain KLIA termasuk perjanjian baharu yang dimeterai oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) serta anggaran kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan penggantian aerotrain di Terminal 1, KLIA dijadualkan siap sepenuhnya pada 31 Januari 2025. Perkhidmatan aerotrain dijangka akan memulakan operasinya pada suku pertama tahun 2025.
2. Berhubung dengan perjanjian baharu yang dimeterai berkaitan pelan penggantian aerotrain, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menandatangani *Letter of Agreement* (LOA) dengan ALSTOM Transport Systems (Malaysia) Sdn. Bhd. (Alstom) dan IJM Construction Sdn. Bhd. usahasama bersama Pestech Technology Sdn. Bhd. (IJMC-Pestech JV) pada 12 Januari 2024 dengan jangkaan projek siap pada 31 Mac 2024.
3. Bagi maksud menyegerakan garis masa pelaksanaan penggantian aerotrain, pihak MAHB telah menandatangani suatu perjanjian baharu bersama pihak ALSTOM pada 14 Jun 2024 untuk memastikan projek ini berjaya siap sepenuhnya pada 31 Januari 2025.
4. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) dan MAHB amat komited untuk memastikan pelan penggantian aerotrain ini dapat berjalan dengan lancar mengikut garis masa yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci maklumat mengenai peruntukan kewangan bagi mempromosi dan melaksanakan pakej pelancongan Sarawak Delta Geopark dan Gawai 2024, serta bagaimana peruntukan tersebut dapat memberi impak kepada industri pelancongan di Sarawak dari segi pulangan pendapatan kepada negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Tourism Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan pada 16 hingga 19 Oktober 2023. Sebanyak 37 pakej pelancongan telah dibangunkan dengan kerjasama 13 operator pelancongan dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia.
2. Majlis Pelancaran Pakej Pelancongan Sarawak Delta Geopark dan Gawai 2024 telah dilaksanakan pada 2 April 2024 di Kuching, Sarawak. Jumlah peruntukan bagi melaksanakan bengkel dan majlis pelancaran adalah RM100,000.00.
3. Pekej tersebut telah menarik pelancong domestik seramai 45 orang dan pelancong antarabangsa seramai 231 orang dengan hasil jualan pakej (Januari – April 2024) sebanyak RM180,921.00.
4. Kesemua pakej ini akan terus dipromosikan bersama melalui laman sesawang Tourism Malaysia dan juga oleh agen yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan anggota veteran yang berpencen sebelum 1 Januari 2013 yang berumur 60 tahun ke atas juga diberi bantuan sara hidup bulanan sebanyak RM300 sebulan sebagaimana yang diberikan kepada veteran tidak berpencen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) untuk meringankan beban kewangan dan kelangsungan hidup veteran ATM yang layak berdasarkan syarat-syarat asas pemberian BSH termasuk syarat pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK).

Selaras dengan usaha Kementerian untuk memperluaskan lagi pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada veteran ATM, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju dan mengumumkan pemanjangan Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300 sebulan kepada Veteran Tidak Berpencen yang berumur 60 tahun ke atas secara automatik (tanpa permohonan) mulai September 2023.

Secara dasarnya, veteran berpencen mempunyai pendapatan bulanan secara tetap berbanding veteran tidak berpencen. Oleh itu, Kerajaan belum berhasrat untuk memanjangkan pemberian BSH secara automatik kepada veteran berpencen ATM yang berumur 60 tahun ke atas yang menamatkan perkhidmatan sebelum tahun 2013. Walau bagaimanapun, veteran ATM berpencen masih boleh memohon BSH jika berpendapatan isi rumah di bawah PGK dan menepati syarat-syarat asas yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan penubuhan Lembah Klang Raya yang melibatkan empat Majlis Bandaraya di negeri Selangor. Adakah Kerajaan dapat memberikan kelulusan Zon Ekonomi Khas bagi Lembah Klang Raya sekiranya menepati kriteria yang diperlukan.

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan mengambil maklum dengan cadangan penubuhan Lembah Klang Raya sebagai Zon Ekonomi Khas (*Special Economic Zone – SEZ*). Setakat hari ini, tiada sebarang perancangan khusus berkenaan cadangan penubuhan Lembah Klang Raya sebagai SEZ. Walau bagaimanapun, Kerajaan tiada halangan untuk meneliti dan meneroka penubuhan Lembah Klang Raya sebagai SEZ pada masa akan datang, sekiranya menerima cadangan daripada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada perancangan untuk menambah jumlah perjalanan (*frequency*) harian perkhidmatan feri roro dan memanjangkan masa perkhidmatan feri dari jam 8.00 pm ke 12.00 pm untuk Wilayah Persekutuan Labuan - Menumbuk, Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini jadual operasi feri *Roll-On Roll-Off* (RO-RO) bagi laluan Labuan – Menumbuk adalah sebanyak 12 trip bermula pada jam 6.30 pagi, di mana persediaan untuk beroperasi perlu bermula seawal jam 5.00 pagi. Pengoperasian ini berterusan sehingga pelayaran terakhir pada jam 6.30 petang. Feri yang terakhir tiba di Labuan adalah pada jam 9.30 malam. Purata masa bagi satu pelayaran adalah 90 minit hingga 120 minit disebabkan oleh faktor cuaca dan spesifikasi feri yang berlainan.

2. Pada masa ini, terdapat tiga syarikat feri dengan tujuh buah feri digunakan bagi perkhidmatan feri laluan Labuan – Menumbuk. Setakat ini, ketiga-tiga syarikat tersebut mampu menampung keperluan 12 trip harian termasuk tambahan trip jika terdapat permintaan yang tinggi terutamanya pada musim puncak (masa perayaan/cuti sekolah/hujung minggu).

3. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan (MOT) masih boleh menyokong jika terdapat feri atau operator lain yang berhasrat untuk memberikan perkhidmatan khususnya bagi memenuhi keperluan semasa waktu perayaan dan cuti sekolah. Pertimbangan kelulusan tambahan operasi feri berdasarkan permohonan daripada pihak operator feri akan dibuat oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM).

4. Untuk menambah jumlah perjalanan dan masa perkhidmatan feri, perkara ini perlu dikaji semula dan perbincangan bersama dengan operator feri memandangkan ianya melibatkan aspek perundangan dan spesifikasi feri seperti berikut:

- i. Di bawah *Maritime Labour Convention 2006; Regulation 2.3 - (Hours of work and rest)* telah menetapkan bahawa pegawai/ krew kapal dek dan enjin hendaklah mempunyai minimum waktu rehat seperti berikut:

- a) minimum rehat 10 jam dalam tempoh 24 jam bekerja;
- b) 77 jam waktu rehat dalam tempoh tujuh hari bekerja; dan
- c) waktu rehat boleh dibahagikan kepada dua tempoh (*shift*) tetapi tempoh antara dua *shift* tidak melebihi 14 jam.

Rumusan dari MLC 2006 di atas, seorang pegawai/krew feri hanya boleh bekerja tidak melebihi 14 jam sehari.

- ii. Sekiranya operator feri memanjangkan operasi setiap hari dengan feri sedia ada, maka satu set krew tambahan perlu disediakan berserta dengan tambahan satu set kabin penginapan. Pertambahan satu set krew tidak boleh dilaksanakan kerana spesifikasi feri yang digunakan pada masa ini tidak membolehkan tambahan tersebut dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018-2023 dalam format jadual di mana hasilnya tiada tindakan lanjut (NFA), dalam siasatan, aduan ditarik balik dan dituduh.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

JAWAPAN**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak **7,727 kes** yang telah dibuka Kertas Siasatan berkaitan kes jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018 hingga bulan Mei 2024. Daripada jumlah tersebut, **1,954 kes dalam siasatan, 1,550 kes tiada tindakan lanjut** manakala **4,223 kes dituduh di mahkamah.**

2. Berdasarkan statistik yang diberikan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), jumlah kes yang didaftarkan di mahkamah berkaitan kes jenayah seksual kanak-kanak pada tahun 2018 hingga tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

TAHUN	JUMLAH KES DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH
2018	2,179
2019	1,799
2020	1,869
2021	2,832
2022	2,818
2023	2,545
JUMLAH	14,042

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN
[MUAR]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional di sebalik tindakan Kerajaan memberikan subsidi kereta elektrik kepada golongan T1 yang sememangnya lebih dari mampu untuk membayar cukai jalan pada kadar biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) semenjak tahun 2011 telah memberikan insentif pengurangan kadar fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) sebanyak 50% melibatkan kenderaan berteraskan teknologi hijau (pelepasan rendah karbon) termasuklah kenderaan motor menggunakan bahan bakar diesel hijau serta dengan kuasa elektrik.
2. Insentif ini diteruskan lagi oleh pihak Kerajaan pada tahun 2022 yang memberi pengecualian penuh 100% bagi kadar fi LKM kepada kenderaan motor elektrik (EV) sehingga 31 Disember 2025.

3. Kementerian pada 4 Jun 2024 baru-baru ini telah mengumumkan kadar fi LKM baharu bagi kenderaan motor tanpa pelepasan gas pencemaran atau *Zero Emission Vehicles* (ZEV) yang mana secara puratanya adalah 85% lebih rendah berbanding kadar fi sedia ada yang ditetapkan. Pemilik Kenderaan ZEV akan mula membayar fi LKM mengikut kadar baharu ini apabila tempoh pengecualian fi LKM tamat pada 2026.

4. Kadar fi LKM ZEV dikira berdasarkan kuasa kilowatt motor. Kuasa kilowatt motor untuk kebanyakan jenis ZEV termasuk model pasaran massa telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan kemajuan teknologi. Sekiranya kadar fi LKM lama masih digunakan, pemilik ZEV dijangka akan membayar fi LKM yang jauh lebih mahal berbanding kenderaan Engin Pembakaran Dalam atau Internal Combustion Engine (ICE) untuk kelas atau kategori yang sama.

5. Bagi mengatasi masalah ini dan memberi ketentuan apabila tempoh pengecualian fi LKM berakhir pada 2026, kadar fi LKM baharu telah diumumkan di mana fi LKM ZEV adalah setara atau sedikit lebih murah daripada kenderaan ICE. Langkah ini juga bertepatan dengan rancangan pengeluar kereta tempatan yang dijangka akan mula mengeluarkan ZEV tempatan pada tahun depan.

6. MOT komited untuk menyokong semua inisiatif Kerajaan ke arah perlindungan alam sekitar serta menggalakkan peralihan kepada kenderaan motor menggunakan tenaga bersih.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perbincangan jawatan kuasa teknikal MA63 kepada negeri Sabah kepada perkara pendidikan, kesihatan, imigresen dan pemberian khas 40 peratus.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Madani komited dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah Dan Kerajaan Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu mengenai pendidikan dan kesihatan, Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju dengan penubuhan **Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sabah** yang diurussetiakan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dan **Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Negeri Sabah** yang diurussetiakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM). Jawatankuasa tersebut antara lain bertujuan untuk memantapkan kerjasama strategik Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Sabah dalam pelaksanaan pembangunan dan meningkatkan tadbir urus yang cekap dalam sektor pendidikan dan kesihatan di Negeri Sabah.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini, isu mengenai imigresen di negeri Sabah tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Teknikal ini bersedia untuk meneliti perkara ini sekiranya dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.
4. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, perkara mengenai status pengembalian 40 peratus hasil bersih (di bawah Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 2(1) Bahagian IV Jadual Kesepuluh PP) kepada negeri Sabah masih dalam

semakan kehakiman yang sedang berjalan iaitu kes ***Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia.***

5. Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) - ***“sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan cakupannya sekira-kira harus menggelengcungkan perkara yang sedang dibicarakan oleh Mahkamah dan tidak boleh ditanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam timbangan Mahkamah”***, maka pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat.

6. Semua isu-isu di bawah MA63 yang masih belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHESS, JPM) selaku Sekretariat kepada MTPMA63 dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63, bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh JAKIM dan agensi Kerajaan bagi membendung budaya Hedonisme yang dilihat semakin meningkat di dalam negara.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hedonisme merujuk kepada pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Dalam konteks gaya hidup, ia berorientasikan kepada pencarian kesenangan, kebahagiaan dan kenikmatan fizikal serta material secara berlebihan tanpa mengambil kira kesan negatif atau tanggungjawab moral dan sosial.

2. Budaya hedonisme datang dalam pelbagai bentuk dan corak. Antaranya melalui cabang seni hiburan yang menjadi keseronokan umat pada hari ini. Hiburan yang melampau tanpa batasan ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembentukan peribadi dan minda terutamanya golongan remaja.

NO. SOALAN: 26

3. Bagi membendung budaya Hedonisme dalam kalangan masyarakat, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi hal ehwal Islam sentiasa mengambil langkah-langkah berterusan seperti berikut:

- a) Menjalinkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam aspek pemantauan dan tindakan di bawah peruntukan undang-undang kesalahan jenayah syariah.
- b) memperkukuhkan kerjasama dengan pihak PDRM dan SKMM bagi membanteras kegiatan yang tidak bermoral.
- c) Mendidik dan memberikan kesedaran kepada masyarakat awam melalui khutbah Jumaat di masjid-masjid utama di Malaysia yang menekankan kepentingan tujuan hidup yang seimbang antara kepentingan dunia dan matlamat akhirat sebagaimana yang diajarkan oleh Islam. Tajuk-tajuk khutbah yang disampaikan adalah relevan dengan situasi semasa.
- d) Memperkukuhkan serta membuat semakan terhadap silibus Pendidikan Islam di sekolah-sekolah terutama Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bagi sekurang-kurangnya setiap enam tahun atau berdasarkan keperluan semasa dengan mengambil kira kewajaran dan keperluan yang perlu diutamakan bagi memastikan anak-anak terdidik dengan pendidikan agama yang boleh menjadi benteng terhadap sebarang unsur negatif dalam kehidupan.
- e) Menggunakan platform media penyiaran seperti radio, televisyen dan platform dalam talian untuk menyiarkan program-program keagamaan yang mendidik masyarakat tentang hidup yang seimbang dan beretika.
- f) Menganjurkan pelbagai program dan aktiviti dakwah di peringkat komuniti seperti ceramah, kuliah-kuliah dan program-program

NO. SOALAN: 26

remaja yang mempromosikan nilai-nilai Islam serta menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjalani kehidupan yang seimbang dan beretika.

- g) Menggunakan media sosial dan platform digital untuk menyebarkan mesej keagamaan yang menekankan kepentingan hidup yang seimbang dan menjauhi hedonisme.
 - h) Melaksanakan Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam bagi memupuk nilai-nilai positif di kalangan penjawat awam.
 - i) Menyediakan khidmat nasihat kepada keluarga yang memerlukan bantuan dalam mendidik anak-anak menjauhi budaya hedonisme selain mengadakan program yang memfokuskan kepada pengukuhan institusi keluarga kerana keluarga adalah asas penting dalam membentuk aliran pemikiran individu.
 - j) Menerbitkan buku, risalah, artikel atau bahan bercetak yang menjelaskan bahaya hedonisme dan kepentingan melaksanakan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.
4. Kerajaan sentiasa berusaha secara berterusan bagi membangunkan masyarakat berlandaskan nilai-nilai Islam yang murni dan menjauhi budaya hedonisme yang boleh merosakkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam usaha membantu pembeli rumah dalam projek pembangunan terbengkalai, yang dikenal pasti sebagai 'Projek Sakit' khasnya bagi mereka membeli rumah melalui laman web residensi wilayah di bawah JWP.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan takrifan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sesebuah projek pembangunan dikategorikan sebagai projek sakit apabila kemajuan pembinaan itu mengalami kelewatan melebihi 30% berbanding kemajuan yang sepatutnya atau tamat tempoh tarikh Perjanjian Jual Beli (PJB).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Julai 2024, **belum ada projek Residensi Wilayah yang diisytiharkan sebagai projek terbengkalai** oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JPN, KPKT). Walau bagaimanapun, terdapat **tiga (3) projek Residensi Wilayah ketika ini, yang telah dikategorikan sebagai projek sakit** iaitu:

- (i) **Residensi Hektar;**
- (ii) **Pangsapuri Salak Selatan; dan**
- (iii) **Residensi Hijauan Pantai.**

3. Memandangkan program Residensi Wilayah Program Perumahan Mampu Milik Swasta, maka segala usaha pemantauan projek juga akan dijalankan bersama-sama dengan pihak JPN, KPKT berdasarkan status kemajuan yang dilaporkan oleh pihak pemaju. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh JWP seperti:

- (i) Mengadakan sesi libat urus bersama dengan semua agensi Kerajaan yang terlibat termasuklah agensi penyedia perkhidmatan utiliti serta industri melalui **mesyuarat pemantauan dan lawatan tapak** yang bagi mengenal pasti

isu dan jalan penyelesaian dalam memastikan projek-projek sakit tersebut dapat disiapkan; dan

- (ii) Mengadakan **perbincangan dengan pihak institusi kewangan yang berkaitan** seperti Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi mendapatkan nasihat khususnya kepada penjawat awam yang terkesan dalam projek sakit di bawah Resideni Wilayah. Manakala bagi pembeli lain telah dinasihatkan untuk mendapatkan surat pengesahan daripada JPN, KPKT untuk dimajukan kepada institusi kewangan bagi tujuan memohon pertimbangan daripada pihak institusi kewangan sama ada untuk pengurangan kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman atau penstrukturan semula pinjaman tertakluk kepada kelulusan institusi kewangan berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Malaysia untuk meraih sokongan antarabangsa ke arah pelaksanaan cadangan tiga fasa Presiden Amerika Syarikat untuk menamatkan kekejaman Israel di Gaza. Sejauh mana bantuan kemanusiaan yang telah disalur oleh Malaysia ke Gaza setakat ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Beluran** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pada 31 Mei 2024, Presiden Amerika Syarikat telah mengumumkan cadangan gencatan senjata tiga fasa, atau dengan izin, *three-phase ceasefire* plan yang bertujuan untuk menamatkan krisis di Gaza. Elemen utama pelan tersebut termasuk gencatan senjata sepenuhnya, pengunduran tentera Israel dari semua kawasan berpenduduk di Gaza, pembebasan tawanan dari kedua-dua pihak, usaha ke arah menamatkan permusuhan secara kekal, serta rancangan pembinaan semula yang komprehensif untuk Palestin.

3. Sebagai sebahagian daripada peranan Malaysia untuk meraih sokongan antarabangsa ke arah pelaksanaan cadangan tiga fasa, Malaysia secara konsisten mengeluarkan kenyataan rasmi menggesa gencatan senjata yang kekal dan berkesan untuk menamatkan segera pembunuhan rakyat Palestin dan konflik di Gaza. Kenyataan ini juga disampaikan di setiap platform mesyuarat atau forum antarabangsa yang dihadiri.

4. Dalam konteks ini, cadangan tiga fasa yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat adalah langkah yang tepat. Semasa Persidangan Peringkat Tinggi, dengan izin, "*Call for Action: Urgent Humanitarian Response for Gaza*" pada 11 Jun 2024, saya bertemu dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat. Malaysia menyokong cadangan tiga fasa oleh Presiden Biden dan menggesa Amerika Syarikat memberi tekanan kepada Israel untuk menghentikan serangan terhadap Palestin.

SOALAN NO : 28

5. Malaysia juga diminta oleh Amerika Syarikat dan Jepun untuk menjadi pengantara bagi meyakinkan Hamas supaya bersetuju dengan cadangan dan melaksanakan Resolusi 2735 (2024) yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) pada 10 Jun 2024. Resolusi ini menggariskan cadangan tiga fasa oleh Amerika Syarikat yang menyeru untuk gencatan senjata segera, kekal dan berkesan; pembebasan tebusan; pertukaran tahanan warga Palestin dan pengunduran penuh tentera Israel dari Gaza dilaksanakan. Resolusi tersebut juga menggesa penyaluran bantuan kemanusiaan dengan segera dan tanpa halangan, serta pembinaan semula Gaza. Dalam hal ini, Jepun juga mempelawa Malaysia bekerjasama dalam membangunkan semula Gaza.

6. Pengiktirafan ini menunjukkan usaha konsisten Malaysia dalam menggesa gencatan senjata yang berkesan di Gaza. Melalui segala platform samada dua hala atau pelbagai hala, Malaysia kini berpeluang memainkan peranan utama dalam pembebasan rakyat Palestin dan penubuhan negara Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Menyentuh mengenai bantuan kemanusiaan yang telah disalurkan oleh Malaysia ke Gaza, setakat ini, lebih daripada 5,000 tan bantuan kemanusiaan dari Malaysia telah berjaya memasuki Gaza dan memanfaatkan ribuan rakyat Palestin di sana.

8. Pada awal konflik ini meletus, 100 tan bantuan kemanusiaan dihantar dengan penerbangan kargo melalui pintu lintasan Rafah-Gaza dan diterima oleh Kementerian Kesihatan Gaza serta Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS). Malaysia, melalui Ops Ihsan, telah menghantar sebanyak 46,000 kotak makanan asas harian seberat 651.2 tan yang mengandungi makanan ruji warga tempatan seperti tepung, minyak zaitun, kacang kuda, jem dan teh yang telah diagihkan di sekitar Rafah dan Deir al Balah, Gaza. Seramai 184,000 penduduk Gaza menerima manfaat dari projek ini.

SOALAN NO : 28

9. Barangan keperluan perubatan dan ubat-ubatan, barangan perubatan pakai buang, dan keperluan makmal seberat 65 tan yang bernilai RM1,445,703.28 telah dihantar ke Hospital Al-Shifa. Selain di Gaza, barangan peralatan pembedahan bernilai RM105,741.74 juga dihantar ke Hospital Palestin di Kaherah, Mesir di bawah kendalian PRCS. Penerima manfaat adalah lebih dari 500,000 orang.

10. Perlu diingat, Malaysia tidak pernah berputus asa meneruskan sokongan kemanusiaannya walaupun, Israel telah melancarkan serangan udara di kem Al-Nuseirat yang mengorbankan tujuh rakyat tempatan sukarelawan Malaysia dan memusnahkan 2,000 kotak bantuan.

11. Pada waktu ini, satu-satunya pintu sempadan yang dibuka adalah melalui Jambatan Raja Hussein di Jordan. Ini kerana pintu sempadan Rafah ditutup bermula 7 Mei 2024. Dalam hal ini, Malaysia telah menyerahkan sumbangan berjumlah USD500,000 masing-masing kepada Pertubuhan Amal Hashemite Jordan (JHCO) dan Pusat Kanser Raja Hussein (KHCC) menerusi Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP). Malaysia bekerjasama dengan JHCO dalam menyediakan makanan, ubat-ubatan dan bekalan asas yang diperlukan untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan penduduk di Gaza, manakala KHCC menyediakan rawatan dan penjagaan percuma kepada rakyat Palestin yang menderita akibat kanser.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anggota SPRM dan bilangan pegawai SPRM yang telah direkrut daripada Januari 2023 sehingga Jun 2024. Berapa jumlah pegawai SPRM yang telah diambil tindakan disiplin ataupun dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perjawatan anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Skim Perkhidmatan Pegawai Siasatan/ Penolong Pegawai Siasatan sehingga Jun 2024 adalah seramai 2,310 orang, manakala bilangan pegawai SPRM yang telah direkrut daripada Januari 2023 sehingga Jun 2024 adalah seramai 134 orang merangkumi jawatan dan gred seperti berikut:

Bil.	Jawatan/ Gred	Jumlah
1	Penolong Pegawai Siasatan, Gred 29	58 orang
2	Pegawai Siasatan, Gred P41	76 orang

2. Bagi tempoh yang sama juga, iaitu Januari 2023 sehingga Jun 2024, seramai enam orang pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib bagi pelbagai kesalahan salah laku dan telah dikenakan hukuman turun pangkat, bunga kerja, surcaj dan amaran.

3. SPRM juga mempunyai Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang merupakan salah satu daripada lima badan pemantau bebas yang menjadi mekanisme semak dan imbang kepada SPRM. Jawatankuasa Aduan ini berfungsi untuk memantau pengendalian oleh SPRM akan aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM. Tindakan tatatertib bagi salah laku pegawai SPRM adalah telus dan dipantau oleh jawatankuasa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana kajian dan jangkaan pihak Kementerian terhadap peningkatan harga barangan yang bakal terkesan akibat daripada program rasionalisasi subsidi diesel yang akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memainkan peranan dalam mengumpul, memantau, menganalisis dan melaporkan pergerakan harga runcit barangan bagi membantu Kerajaan merangka polisi, strategi dan tindakan dalam menstabilkan harga barangan adalah sangat penting lebih-lebih lagi setelah program penyasaran subsidi diesel dilaksanakan bagi membendung kenaikan harga barangan.

Kementerian sentiasa memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna bagi memastikan kestabilan harga di pasaran seluruh negara pada setiap hari melibatkan hampir 1,500 premis meliputi pasar basah, *hypermarket*, *supermarket*, pasar mini dan kedai runcit. Sebanyak 480 item barangan dikutip secara menyeluruh di bawah Program Pemantauan Harga KPDN. Pemantauan ini merangkumi 6 kategori barangan iaitu barangan basah, barangan kering, barangan berbungkus, makanan dan barangan bayi, barangan kebersihan serta minuman. Data kutipan harga digunakan oleh Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga di ibu pejabat, negeri dan cawangan bagi tujuan analisis dan pelaporan termasuklah dipaparkan dalam aplikasi PriceCatcher supaya pengguna dapat membuat perbandingan harga sebelum berbelanja.

Berdasarkan semakan data harga pada bulan Mei 2024 berbanding April 2024 iaitu sebelum program penyasaran subsidi diesel dilaksanakan, Kementerian mendapati terdapat dua (2) kategori barangan yang mengalami peningkatan harga iaitu ayam dan sayur-sayuran. Harga bagi kategori sayuran meningkat antara 0.24% hingga 57.91% dan peratus peningkatan tertinggi dicatatkan bagi kubis bulat, sawi dan timun. Kenaikan harga sayuran yang ketara pada bulan Mei 2024 adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu. Harga Ayam Bersih Standard juga didapati meningkat sebanyak 10.28% pada Mei 2024 berbanding pada April 2024.

Namun, terdapat juga barang yang mencatat penurunan harga berbanding sebelum pelaksanaan program penyasaran subsidi diesel sebagai contoh kategori barangan seperti bawang dan makanan laut. Harga bawang turun antara 5.81% hingga 14.91% dan makanan laut antara 0.82% hingga 3.64%. Harga telur ayam pula didapati stabil memandangkan item ini masih di bawah tempoh kawalan harga. Harga bagi kategori barangan lain seperti barangan kering, barangan bayi, barangan berbungkus dan kategori daging adalah stabil pada harga yang munasabah.

Bagi mengekang pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab memainkan sentimen penyasaran subsidi diesel yang menyebabkan peningkatan harga barangan, Kerajaan terlebih dahulu telah mengambil langkah proaktif melalui pemantauan harga ke premis-premis perniagaan terpilih setiap hari.

Hasil data kutipan disalurkan kepada Bahagian Penguat Kuasa Kementerian. Sekiranya terdapat peningkatan harga atau berlaku harga yang tidak munasabah, tindakan akan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011. Malah OPS KESAN 2.0 telah digerakkan dengan fokus pemantauan dan penguatkuasaan terhadap harga barang dan caj bagi perkhidmatan sebelum dan semasa tempoh pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0. bertujuan memastikan peniaga di semua peringkat tidak mengambil kesempatan untuk mencatut atau membuat kenaikan harga yang bertentangan dengan perundangan anti pencatutan. Harga barangan dijual haruslah munasabah dan mampu diperoleh oleh pengguna.

KPDN sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dalam memastikan kestabilan harga di pasaran.

LAMPIRAN

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	AYAM BERSIH - STANDARD (1 KG)	8.71	8.70	9.15	8.56	9.44	-0.11% ▼	5.17% ▲	-6.45% ▼	10.28% ▲
2	AYAM BERSIH - SUPER (1 KG)	11.48	11.54	11.57	11.31	11.41	0.52% ▲	0.26% ▲	-2.25% ▼	0.88% ▲
3	DAGING KAMBING TEMPATAN BERTULANG (1 KG)	57.08	56.00	56.50	58.83	54.27	-1.89% ▼	0.89% ▲	4.12% ▲	-7.75% ▼
4	DAGING LEMBU TEMPATAN (BAHAGIAN 1 DAGING PAHA (1 KG)	38.77	38.61	38.30	38.31	37.99	-0.41% ▼	-0.80% ▼	0.03% ▲	-0.84% ▼
5	DAGING LEMBU TEMPATAN (BAHAGIAN 2 DAGING PEJAL (1 KG)	37.84	37.87	37.26	37.74	37.71	0.08% ▲	-1.61% ▼	1.29% ▲	-0.08% ▼
6	DAGING KERBAU IMPORT (INDIA) (TOPSIDE) (1 KG)	21.86	22.29	22.91	22.64	23.26	1.97% ▲	2.78% ▲	-1.18% ▼	2.74% ▲
7	DAGING BABI (PERUT/BELLY) (1 KG)	45.22	44.24	44.20	45.12	44.80	-2.17% ▼	-0.09% ▼	2.08% ▲	-0.71% ▼
8	DAGING BABI (DAGING & LEMAK/LEAN & FAT) (1 KG)	31.78	31.29	31.49	32.34	31.03	-1.54% ▼	0.64% ▲	2.70% ▲	-4.05% ▼

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	IKAN BAWAL PUTIH (ANTARA 2 HINGGA 5 EKOR SEKILOGRAM) (1 KG)	53.58	50.61	47.61	50.55	49.81	-5.54%▼	-5.93%▼	6.18%▲	-1.46%▼
2	IKAN KEMBUNG (ANTARA 8 HINGGA 12 EKOR SEKILOGRAM) (1 KG)	16.94	16.83	16.31	15.84	15.71	-0.65%▼	-3.09%▼	-2.88%▼	-0.82%▼
3	IKAN MABUNG (ANTARA 6 HINGGA 10 EKOR SEKILOGRAM) (1 KG)	18.24	18.38	17.00	17.36	17.90	0.77%▲	-7.51%▼	2.12%▲	3.11%▲
4	IKAN KEMBUNG KECIL/PELALING (ANTARA 10 HINGGA 18 EKOR SEKILOGRAM) (1 KG)	15.44	14.58	14.19	13.48	12.99	-5.57%▼	-2.67%▼	-5.00%▼	-3.64%▼
5	IKAN SELAYANG/SARDIN (13 EKOR SEKILOGRAM) (1 KG)	12.64	12.32	11.37	11.35	12.11	-2.50%▼	-7.75%▼	-0.15%▼	6.71%▲
6	IKAN TONGKOL/AYA/KAYU HITAM (ANTARA 1 HINGGA 2 EKOR SEKILOGRAM) (1 KG)	13.55	12.91	12.64	12.55	12.61	-4.76%▼	-2.05%▼	-0.70%▼	0.47%▲

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	SAWI (1 KG)	5.87	5.00	4.90	5.65	8.37	-14.82% ▼	-2.00% ▼	15.31% ▲	48.14% ▲
2	KACANG BENDI (1 KG)	10.74	9.97	10.11	9.20	8.22	-7.17% ▼	1.40% ▲	-9.00% ▼	-10.65% ▼
3	KACANG BUNCIS (1 KG)	14.74	13.10	10.69	10.88	12.20	-11.13% ▼	-18.40% ▼	1.78% ▲	12.13% ▲
4	KACANG PANJANG (1 KG)	9.29	8.95	8.32	9.69	9.50	-3.66% ▼	-7.04% ▼	16.47% ▲	-1.96% ▼
5	KUBIS BULAT (TEMPATAN) (1 KG)	4.38	4.15	4.02	3.93	5.88	-5.25% ▼	-3.13% ▼	-2.24% ▼	49.62% ▲
6	KUBIS BULAT IMPORT (CHINA) (1 KG)	2.67	2.76	2.86	2.78	4.39	3.37% ▲	3.62% ▲	-2.80% ▼	57.91% ▲
7	TIMUN (1 KG)	3.34	3.17	3.43	4.16	5.94	-5.09% ▼	8.20% ▲	21.28% ▲	42.79% ▲
8	TOMATO (1 KG)	7.50	8.21	5.16	4.33	4.37	9.47% ▲	-37.15% ▼	-16.09% ▼	0.92% ▲
9	LOBAK MERAH (1 KG)	4.12	4.08	4.23	4.18	4.19	-0.97% ▼	3.68% ▲	-1.18% ▼	0.24% ▲
10	CILI MERAH - KULAI (1 KG)	18.70	18.03	16.12	14.96	14.71	-3.58% ▼	-10.59% ▼	-7.20% ▼	-1.67% ▼
11	CILI MERAH - MINYAK (1 KG)	17.02	16.39	14.97	13.00	13.33	-3.70% ▼	-8.66% ▼	-13.16% ▼	2.54% ▲
12	LADA BENGGALA HIJAU (CAPSICUM) (1 KG)	14.18	15.00	13.20	11.99	14.43	5.78% ▲	-12.00% ▼	-9.17% ▼	20.35% ▲

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
13	HALIA BASAH (TUA) (1 KG)	11.70	11.21	11.06	10.98	12.23	-4.19% ▼	-1.34% ▼	-0.72% ▼	11.38% ▲

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
KATEGORI TELUR		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	TELUR AYAM GRED A (30 BIJI)	13.58	13.60	13.55	13.53	13.53	0.15% ▲	-0.37% ▼	-0.15% ▼	0.00%
2	TELUR AYAM GRED B (30 BIJI)	13.07	13.09	13.03	13.03	13.04	0.15% ▲	-0.46% ▼	0.00%	0.08% ▲
3	TELUR AYAM GRED C (30 BIJI)	12.45	12.47	12.36	12.19	12.29	0.16% ▲	-0.88% ▼	-1.38% ▼	0.82% ▲

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
KATEGORI BARANG KERING		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	CILI KERING KERINTING (BERTANGKAI/TIDAK BERTANGKAI) (1 KG)	26.14	25.53	25.34	23.68	23.61	-2.33% ▼	-0.74% ▼	-6.55% ▼	-0.30% ▼
2	UBI KENTANG IMPORT (CHINA) (1 KG)	3.59	3.51	3.58	3.50	3.63	-2.23% ▼	1.99% ▲	-2.23% ▼	3.71% ▲
3	KACANG DAL (AUSTRALIA) (1 KG)	5.52	5.50	5.55	5.57	5.63	-0.36% ▼	0.91% ▲	0.36% ▲	1.08% ▲

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
4	KACANG HIJAU (IMPORT) (1 KG)	8.51	8.51	8.37	8.46	8.52	0.00%	-1.65% ▼	1.08% ▲	0.71% ▲
5	KACANG TANAH (IMPORT) (1 KG)	10.30	10.30	10.07	9.57	10.04	0.00%	-2.23% ▼	-4.97% ▼	4.91% ▲

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
	KATEGORI BAWANG									
1	BAWANG BESAR KUNING/HOLLAND (1 KG)	5.21	5.27	5.48	5.34	5.36	1.15% ▲	3.98% ▲	-2.55% ▼	0.37% ▲
2	BAWANG BESAR IMPORT (INDIA) (1 KG)	7.16	7.09	8.27	7.23	6.81	-0.98% ▼	16.64% ▲	-12.58% ▼	-5.81% ▼
3	BAWANG BESAR IMPORT (CHINA) (1 KG)	5.78	5.95	7.37	6.37	5.42	2.94% ▲	23.87% ▲	-13.57% ▼	-14.91% ▼
4	BAWANG BESAR IMPORT (PAKISTAN) (1 KG)	6.78	7.06	8.85	7.54	6.80	4.13% ▲	25.35% ▲	-14.80% ▼	-9.81% ▼
5	BAWANG KECIL MERAH BIASA IMPORT (INDIA) (1 KG)	9.20	8.90	8.93	8.64	7.74	-3.26% ▼	0.34% ▲	-3.25% ▼	-10.42% ▼
6	BAWANG KECIL MERAH ROSE IMPORT (INDIA) (1 KG)	10.97	10.12	9.85	9.61	8.93	-7.75% ▼	-2.67% ▼	-2.44% ▼	-7.08% ▼
7	BAWANG KECIL MERAH IMPORT (MYANMAR) (1 KG)	8.61	8.40	8.55	8.29	7.47	-2.44% ▼	1.79% ▲	-3.04% ▼	-9.89% ▼
8	BAWANG PUTIH IMPORT (CHINA) (1 KG)	11.99	11.88	12.38	12.17	12.54	-0.92% ▼	4.21% ▲	-1.70% ▼	3.04% ▲

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
	KATEGORI BERAS									
1	BERAS CAP JASMINE (SST5%) (10 KG)	25.99	26.00	25.99	26.00	25.99	0.04% ▲	-0.04% ▼	0.04% ▲	-0.04% ▼
2	BERAS SUPER CAP RAMBUTAN 5% (IMPORT) (10 KG)	41.49	41.90	40.48	40.05	40.62	0.99% ▲	-3.39% ▼	-1.06% ▼	1.42% ▲
3	BERAS SUPER CAP JATI TWR 5% (IMPORT) (10 KG)	41.35	41.55	41.07	40.41	39.86	0.48% ▲	-1.16% ▼	-1.61% ▼	-1.36% ▼

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
	KATEGORI GULA & TEPUNG									
1	GULA PUTIH BERTAPIS KASAR (PELBAGAI JENAMA) (1 KG)	2.85	2.85	2.85	2.85	2.85	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%
2	GULA PUTIH BERTAPIS HALUS (PELBAGAI JENAMA) (1 KG)	2.95	2.95	2.95	2.95	2.95	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%
3	TEPUNG GANDUM NGP (BERBUNGKUS, CAP SAUH) (1 KG)	3.49	3.50	3.48	3.48	3.48	0.29% ▲	-0.57% ▼	0.00%	0.00%
4	TEPUNG GANDUM NGP (BERBUNGKUS, CAP FAIZA) (1 KG)	3.65	3.65	3.64	3.65	3.65	0.00%	-0.27% ▼	0.27% ▲	0.00%

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	MINYAK MASAK SEBATIAN CAP ADELA GOLD (5 KG)	32.52	33.03	32.43	32.93	33.08	1.57% ▲	-1.82% ▼	1.54% ▲	0.46% ▲
2	MINYAK MASAK SEBATIAN CAP HELANG (5 KG)	33.69	33.85	34.59	34.61	34.41	0.47% ▲	2.19% ▲	0.06% ▲	-0.58% ▼
3	MINYAK MASAK SEBATIAN CAP NEPTUNE (5 KG)	33.95	34.84	34.32	34.65	34.01	2.62% ▲	-1.49% ▼	0.96% ▲	-1.85% ▼
4	MINYAK MASAK SEBATIAN CAP PISAU (5 KG)	32.58	33.13	32.82	33.03	33.16	1.69% ▲	-0.94% ▼	0.64% ▲	0.39% ▲
5	MINYAK MASAK TULEN CAP BURUH (5 KG)	28.74	29.09	28.77	29.17	29.46	1.22% ▲	-1.10% ▼	1.39% ▲	0.99% ▲
6	MINYAK MASAK TULEN CAP SERI MURNI (5 KG)	29.31	29.48	29.20	29.52	29.67	0.58% ▲	-0.95% ▼	1.10% ▲	0.51% ▲
7	MINYAK MASAK TULEN CAP VESAWIT (5 KG)	29.77	29.89	29.35	29.60	30.10	0.40% ▲	-1.81% ▼	0.85% ▲	1.69% ▲
8	MINYAK MASAK TULEN CAP SAJI (5 KG)	29.11	29.22	29.11	29.91	29.96	0.38% ▲	-0.38% ▼	2.75% ▲	0.17% ▲
9	MINYAK MASAK TULEN CAP ALIF (5 KG)	29.20	29.10	28.88	29.69	29.76	-0.34% ▼	-0.76% ▼	2.80% ▲	0.24% ▲
10	MINYAK MASAK PAKET (PELBAGAI JENAMA) (1 KG)	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
1	SARDIN CAP AYAM (SOS TOMATO) (425 G)	10.00	10.14	10.21	10.28	10.31	1.40% ▲	0.69% ▲	0.69% ▲	0.29% ▲

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
2	TUNA CAP AYAM (TUNA MAYONNAISE) (160 G)	7.34	7.42	7.46	7.50	7.52	1.09%▲	0.54%▲	0.54%▲	0.27%▲
3	KICAP LEMAK MANIS CAP KIPAS UDANG (345 ML)	6.13	6.15	6.16	6.17	6.21	0.33%▲	0.16%▲	0.16%▲	0.65%▲
4	SOS CILI MAGGI (500 G)	5.58	5.62	5.57	5.59	5.66	0.72%▲	-0.89%▼	0.36%▲	1.25%▲
5	SOS CILI THAI LIFE (360 G)	4.90	4.92	4.96	4.96	5.00	0.41%▲	0.81%▲	0.00%	0.81%▲
6	SOS TOMATO MAGGI (325 G)	3.75	3.77	3.79	3.80	3.82	0.53%▲	0.53%▲	0.26%▲	0.53%▲
7	MARJERIN PLANTA (480 G)	12.30	12.23	12.20	12.25	12.27	-0.57%▼	-0.25%▼	0.41%▲	0.16%▲
8	KRIMER MANIS PEKAT CAP SAJI (500 G)	3.31	3.32	3.30	3.30	3.30	0.30%▲	-0.60%▼	0.00%	0.00%
9	KRIMER MANIS BERVITAMIN CAP F&N (500 G)	4.29	4.32	4.28	4.29	4.28	0.70%▲	-0.93%▼	0.23%▲	-0.23%▼
10	SUSU TEPUNG SEGERA DUTHLADY (BIASA) (600 G)	19.80	19.87	19.89	19.91	19.89	0.35%▲	0.10%▲	0.10%▲	-0.10%▼

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
		Jan-24	Feb-24	Mar-24	Apr-24	May-24	Jan-24 vs Feb-24	Feb-24 vs Mac-24	Mac-24 vs Apr-24	Apr-24 vs Mei-24
KATEGORI BARANGAN DAN MAKANAN BAYI										
1	DUMEX DUGRO 3 (1-3 TAHUN) PERISA ASLI (850 G)	27.40	27.67	27.43	27.44	27.36	0.99%▲	-0.87%▼	0.04%▲	-0.29%▼
2	LACTOGEN 1 RUMUSAN BAYI (KOTAK) (650 G)	28.82	28.81	28.83	28.84	28.85	-0.03%▼	0.07%▲	0.03%▲	0.03%▲
3	LACTOGEN 2 RUMUSAN SUSULAN (KOTAK) (650 G)	28.82	28.82	28.84	28.85	28.85	0.00%	0.07%▲	0.03%▲	0.00%

NO SOALAN : 30

BIL	NAMA ITEM	HARGA PURATA NASIONAL					PERBANDINGAN			
4	DUTCH LADY 123 (BIASA) (850 G)	24.30	24.37	24.34	24.53	24.45	0.29% ▲	-0.12% ▼	0.78% ▲	-0.33% ▼
5	DUTCH LADY 456 (BIASA) (850 G)	24.22	24.32	24.35	24.46	24.45	0.41% ▲	0.12% ▲	0.45% ▲	-0.04% ▼
6	ANMUM ESSENTIAL LANGKAH 4 PERISA ASLI (TANPA GULA TAMBAHAN) - TIN (1.5 KG)	93.09	92.62	93.54	93.04	96.44	-0.50% ▼	0.99% ▲	-0.53% ▼	3.65% ▲
7	REFILL ANMUM ESSENTIAL LANGKAH 4 PERISA ASLI (TANPA GULA TAMBAHAN) - KOTAK (550 G)	35.68	35.77	35.68	35.67	35.71	0.25% ▲	-0.25% ▼	-0.03% ▼	0.11% ▲
8	SUSTAGEN KID 3+ (VANILA) - KOTAK (600 G)	35.05	35.07	34.93	35.57	35.43	0.06% ▲	-0.40% ▼	1.83% ▲	-0.39% ▼
9	SUSTAGEN JUNIOR 1+ (VANILA) - KOTAK (600 G)	36.87	37.24	37.85	37.80	37.66	1.00% ▲	1.64% ▲	-0.13% ▼	-0.37% ▼
10	NESTLE CERELAC GANDUM DAN MADU - KOTAK (225 G)	9.89	9.91	9.87	9.90	9.96	0.20% ▲	-0.40% ▼	0.30% ▲	0.61% ▲
11	NESTLE CERELAC BERAS MERAH & SUSU - TIN (350 G)	15.27	15.30	15.30	15.33	15.33	0.20% ▲	0.00%	0.20% ▲	0.00%
12	NESTLE CERELAC BERAS - TIN (500 G)	16.90	16.81	16.95	16.95	16.79	-0.53% ▼	0.83% ▲	0.00%	-0.94% ▼
13	MAMYPOKO EXTRA DRY (M54)	43.16	43.42	42.90	42.46	41.38	0.60% ▲	-1.20% ▼	-1.03% ▼	-2.54% ▼

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program perlindungan sosial yang lebih baik yang dilaksanakan Kerajaan untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah yang terdedah di semua perumahan awam di Kuala Lumpur yang sedang bergelut untuk memenuhi keperluan asas mereka walaupun negara kita sudah mencatatkan sedikit sebanyak pemulihan ekonomi selepas dilanda bencana COVID-19.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menyediakan pelbagai program dan bantuan perlindungan sosial kepada rakyat antaranya bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Sumbangan Tunai Rahmah / Sumbangan Asas Rahmah (STR / SARA), Skim Perlindungan Takaful MySalam dan Skim Peduli Kesihatan PeKA B40 serta bantuan-bantuan bukan tunai yang lain.
2. Bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan mendapat perlindungan sosial yang komprehensif untuk mendepani ketidaktentuan ekonomi semasa, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melaksanakan beberapa inisiatif antaranya seperti berikut:
 - i. Menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga. Peruntukan berjumlah RM52,080.00 bagi 434 golongan suri rumah berstatus miskin tegar telah disalurkan kepada PERKESO bagi caruman dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) manakala peruntukan sebanyak RM17,614.80 juga telah disediakan kepada seramai 756 orang penjaja di WPKL di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS);
 - ii. Selain itu, inisiatif MYGrocer@Wilayah merupakan satu (1) inisiatif jangkauan (*outreach*) yang membawa perkhidmatan ini ke kawasan penduduk setempat berkonsepkan pasar bergerak menggunakan trak satu (1) tan ke kawasan perumahan kos rendah menjual barang basah dan keperluan harian pada harga 5% hingga 20% lebih murah daripada harga di pasar awam

tanpa subsidi daripada JWP. Sehingga kini, trak MYGrocer@Wilayah telah beroperasi ke 93 lokasi Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam (PPR / PA) dan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur dengan kapasiti 14 trak;

- iii. MYSchoolBus@Wilayah adalah program bas sekolah percuma yang telah diwujudkan pada tahun 2017. Program ini memfokuskan kepada anak-anak golongan berpendapatan rendah yang tinggal di 140 kawasan melibatkan PPR / PA, kuarters dan perumahan kos rendah swasta. Bagi sesi persekolahan 2024/ 2025, seramai 8,705 orang pelajar daripada 296 buah sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) menggunakan perkhidmatan ini di mana melibatkan 108 pengendali dengan 221 buah kenderaan. Sehingga kini program ini telah memberi manfaat kepada 68,345 orang pelajar. Pada tahun 2024, pihak MAIWP juga turut bekerjasama untuk membiayai sebahagian kos perkhidmatan ini sebanyak RM4,800,000.00 yang melibatkan seramai 4,000 pelajar selama 12 bulan; dan
- iv. MyJob@Wilayah merupakan inisiatif yang dilaksanakan secara kerjasama antara DBKL dan agensi Kerajaan lain seperti PERKESO serta syarikat-syarikat swasta. Program ini telah bermula pada tahun 2021 yang melibatkan kehadiran peserta temuduga secara atas talian manakala pada tahun 2022 sehingga kini, program ini telah dianjurkan secara fizikal sebanyak 24 sesi yang memfokuskan kepada kawasan PPR / PA yang meliputi 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Analisa mendapati bahawa seramai 7,855 peserta telah hadir menjalani temuduga secara atas talian dan fizikal daripada tahun 2021 sehingga tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,290 peserta telah berjaya mendapat pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perincian dan kriteria berkaitan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Pekerja 2024 telah mengumumkan pemberian pelarasan gaji kepada Penjawat Awam. Pemberian pelarasan gaji kali ini juga dijangka lebih tinggi berbanding pelarasan gaji terakhir yang diterima oleh Penjawat Awam pada tahun 2012 iaitu sebanyak 13%. Keputusan ini telah mengambil kira pelbagai aspek sosial dan ekonomi serta kemampuan kewangan Kerajaan.
2. Perincian berkenaan kriteria kenaikan gaji Penjawat Awam akan diumumkan serentak dengan pelancaran Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-XIX yang dijadualkan pada Jumaat, 16 Ogos 2024. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan pelaksanaan SSPA yang menjelaskan mekanisme berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan walaupun Islam adalah agama rasmi Persekutuan, Sabah dan Sarawak bersetuju untuk bergabung membentuk Persekutuan Malaysia berdasarkan kebebasan mengamal agama, namun baru-baru ini insiden mengislamkan pelajar bawah umur secara senyap dan tanpa kebenaran ibu bapa serta salah di sisi Perlembagaan amat membimbangkan. Apa tindakan Kerajaan untuk membawa mereka yang melakukan kesalahan ke mahkamah dan untuk membanteras kegiatan pengislaman yang tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan maklum bahawa pengislaman kanak-kanak tanpa pengetahuan dan kebenaran ibu bapa atau penjaga merupakan isu

NO. SOALAN: 33

sensitif dan kompleks. Ia melibatkan pertembungan antara hak asasi, perlembagaan dan undang-undang. Isu ini sering menimbulkan kontroversi dan perdebatan dalam masyarakat pelbagai agama di Malaysia.

2. Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang hak ibu dan bapa terhadap agama anak di bawah 18 tahun seperti yang berikut:

“12. (4) For the purposes of Clause (3) the religion of a person under the age of eighteen years shall be decided by his parent or guardian.”.

3. Tafsiran perkataan “*parent*” telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam beberapa kes. Dalam kes *Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals [2018] 3 CLJ 145*, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan berkenaan penukaran agama kanak-kanak yang belum mencapai umur 18 tahun kepada agama Islam hendaklah dengan kebenaran ibu **dan** bapa seperti yang berikut:

“Penukaran kepada agama lain adalah keputusan penting yang memberi kesan pada kehidupan seorang kanak-kanak, mengenakan dirinya satu gugusan undang-undang peribadi baharu dan berbeza. Jika keputusan sebesar penukaran agama seorang kanak-kanak dibuat, tanpa ragu-ragu lagi, kebenaran kedua-dua ibu bapa diperlukan demi kepentingan kanak-kanak tersebut. Pendekatan bertentangan yang membenarkan seorang kanak-kanak ditukar agamanya dengan kebenaran sama ada ibu atau bapa sahaja akan membangkitkan kepayahan amalan. Bacaan tujuan per. 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang menggalakkan kebajikan seorang kanak-kanak dan selaras dengan sikap wajar mengkehendaki agar kebenaran kedua-dua ibu bapa (jika mereka masih hidup) bagi penukaran agama kanak-kanak bawah umur. Memandangkan penjagaan anak-anak ini diberi kepada perayu, perayulah yang mempunyai pengaruh besar dalam kehidupan mereka. Untuk membenarkan satu lagi pasangan menukar agama anak-anak secara sebelah pihak tanpa kebenaran perayu terjumlah sebagai campur tangan serius kehidupan keluarga.”.

4. Keputusan yang dibuat dalam kes Indira Gandhi ini telah diikuti dalam kes mahkamah selepas itu, antaranya kes ***Loh Siew Hong v. Pendaftar Muaf Negeri Perlis & Ors.*** Dalam kes ini, Mahkamah

NO. SOALAN: 33

Persekutuan telah menolak permohonan kebenaran rayuan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Pendaftar Mualaf Negeri Perlis, Mufti Perlis dan Kerajaan Negeri Perlis terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengisytiharkan pengislaman 3 anak Loh Siew Hong yang berumur di bawah 18 tahun sebagai berperlembagaan. Susulan penolakan permohonan kebenaran itu, 3 orang anak kepada Loh Siew Hong tersebut adalah kekal beragama Hindu.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada peruntukan undang-undang dalam kes penukaran agama kanak-kanak tanpa kebenaran ibubapa. Namun, berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi dan kes Loh Siew Hong, pengislaman kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun tanpa kebenaran ibu dan bapa diputuskan sebagai tidak sah oleh Mahkamah Persekutuan. Oleh itu, pengislamannya tidak boleh didaftarkan menurut undang-undang.

6. Sehubungan itu, semua pihak hendaklah cakna tentang perkara ini dan sentiasa menghormati Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan. Setiap pihak hendaklah menghormati antara satu sama lain kerana Perlembagaan Persekutuan menjamin hak setiap individu. Setiap individu boleh menggunakan hak yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan selagimana mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah serta mematuhi had dan sekatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Ini bagi menjamin keharmonian negara yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama supaya rakyat saling menghormati antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN
SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal harga barang dengan kenaikan cukai SST sektor logistik daripada 0% ke 8% ditambah lagi dengan subsidi diesel yang ditarik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menyediakan, melindungi hak dan kepentingan rakyat daripada amalan perdagangan yang tidak bertanggungjawab atau menyalahi undang-undang, memastikan harga barangan dan perkhidmatan adalah wajar dan tidak melibatkan peningkatan harga barangan yang tidak munasabah.

Dalam hal ini, kementerian telah melancarkan OPS KESAN 1.0 di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dengan objektif utama memantau dan memeriksa impak peningkatan kadar cukai perkhidmatan dari 6% kepada 8% mengikut sasaran perkhidmatan yang ditetapkan bermula dari 1 Mac 2024 hingga 30 April 2024. Kategori perkhidmatan yang diperiksa adalah seperti yang berikut;

- a) Perhotelan;
- b) Kesihatan dan kesejahteraan;
- c) Pusat penyediaan latihan dan tunjuk ajar (seminar dan bengkel); dan
- d) Perkhidmatan dobi

Sasaran kategori premis yang diperiksa merujuk kepada premis yang berdaftar cukai perkhidmatan dengan nilai jualan perkhidmatan melebihi RM500,000 setahun.

Selain itu, pemeriksaan juga dilaksanakan ke atas sektor-sektor yang tidak terlibat dengan pengenaan caj SST ini supaya tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah.

Sepanjang OPS KESAN ini, sebanyak 1,719 jenis barangan dan perkhidmatan telah diperiksa melibatkan 25,980 premis di seluruh negara. Daripada pemeriksaan ini, sebanyak 619 notis telah dikeluarkan kepada peniaga-peniaga yang didapati menaikkan harga dan hasil analisa, 5 kertas siasatan telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran termasuk elemen kartel bagi memastikan pengguna terus dilindungi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan dan rintangan yang melumpuhkan usaha pembangunan semula Kampong Baru Salak Selatan yang terbiar sejak beberapa dekad lalu dan jalan penyelesaiannya termasuk melibatkan penyertaan pemaju berdaya maju.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius kepentingan dan kesejahteraan warga kota yang tinggal di Kuala Lumpur. Melalui pelaksanaan pembangunan semula, kawasan-kawasan usang yang ketinggalan dari arus pembangunan dapat dibangunkan dengan lebih terancang, *vibrant* dan berdaya maju.
2. Secara umumnya, Kampung Baru Salak Selatan, Cheras terletak di dalam Mukim Petaling, Daerah Kuala Lumpur. Kawasan ini merupakan kawasan lot-lot kediaman yang telah dibangunkan sejak tahun 1952. Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020), secara umumnya menetapkan kawasan ini di bawah zon kediaman 3 (R3).
3. Di antara faktor halangan dan rintangan dalam membangunkan tapak ini adalah seperti berikut:
 - i. Kesukaran mendapatkan komitmen pemilik dari segi persetujuan bersama pemaju untuk membangunkan kawasan ini;
 - ii. Tawaran yang terbaik dari pemaju tidak diterima oleh pemilik. Malah pemilik meminta tawaran yang lebih tinggi dari kos sebenar yang di luar kemampuan pemaju;
 - iii. Isu perpindahan dan penempatan sementara penduduk sekiranya pelaksanaan pembangunan semula dijalankan di kawasan tersebut;

- iv. Isu penawaran dari segi unit kediaman, harga unit kediaman dan pampasan yang tidak dipersetujui oleh pemilik;
 - v. Pembangunan semula akan menambah kepadatan penduduk di kawasan ini yang menyebabkan isu kesesakan akan berlaku;
 - vi. Pinjaman bank untuk membayar harga rumah sukar diperolehi kerana pemilik kebanyakannya bekerja sendiri; dan
 - vii. Pemilik bimbang jika pembangunan semula ini terbengkalai atau mengambil masa yang lama untuk disiapkan akan memberi kesan kepada kehidupan pemilik.
4. Sebagai jalan penyelesaian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merangka garis panduan pembangunan semula yang memberi jaminan kepada pemilik-pemilik tanah. Selain itu, sesi libat urus bersama pemaju berpotensi, pemilik / penduduk serta pihak badan pengurusan akan dilaksanakan untuk memberi pendedahan serta pemahaman berkaitan pelaksanaan Pembangunan Semula Bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedia melaksanakan cadangan menaikkan elaun OKU pada masa kini agar selari dengan kenaikan kos sara hidup rakyat semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penilaian atau semakan semula mengenai kadar bantuan-bantuan kebajikan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa agar kadar tersebut kekal relevan. Terkini, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah disemak semula dan dikemaskini serentak bersama dengan survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (BA) 2022 yang dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DSOM). PGK baharu telah mula digunapakai mulai tahun 2024. Ini telah menjadi syarat asas kelayakan permohonan bantuan JKM yang baharu iaitu PGK 2022 RM1,198.

2. Sementara itu, Kerajaan telah turut menaikkan kadar beberapa bantuan kebajikan untuk manfaat OKU pada tahun 2021. Skim-skim bantuan yang terlibat adalah Elaun Pekerja OKU (EPOKU) yang dinaikkan kepada RM450, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dinaikkan kepada RM300 serta Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) yang dinaikkan kepada maksimum RM500 mengikut keperluan kes.

3. Selain daripada semakan kadar bantuan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga telah menilai semula kadar kelayakan permohonan bantuan. Bermula tahun 2021, penetapan had kelayakan pendapatan baharu bagi pemberian Bantuan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) telah dinaikkan kepada pendapatan kepada pendapatan bulanan maksimum RM1,500 berbanding RM1,200 sebelum itu. Kenaikan syarat ini memberi galakan kepada OKU untuk terus bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

4. Bantuan oleh Kerajaan bukanlah semata-mata menerusi bantuan kebajikan yang disalurkan melalui JKM. Penyelarasan bantuan-bantuan lain yang juga boleh dimanfaatkan rakyat, termasuk penerima bantuan OKU, turut dilaksanakan Kerajaan menerusi Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Contohnya, Kerajaan telah menyalurkan bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada penerima yang layak bagi mendepani cabaran kos sara hidup. Inisiatif ini dilaksanakan menerusi Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN
HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Ahli Parlimen akan dilibatkan dalam Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya dan bilakah proses ini akan dimulakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri dilaksanakan berdasarkan prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan sebagaimana Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

2. Berdasarkan tatacara yang dinyatakan dalam Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, suatu notis berkenaan syor kajian semula persempadanan akan disiarkan atau dipamerkan dan SPR hendaklah mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat dalam tempoh pameran tersebut.

3. Selaras dengan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR juga akan mengadakan suatu siasatan tempatan bagi apa-apa representasi membantah syor yang dikemukakan oleh:

- a) Kerajaan Negeri;
- b) Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- c) Sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya berkenaan.

4. Seksyen 9 dan 10, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Perdana Menteri hendaklah membentangkan laporan Kajian Semula Persempadanan dan

draf Perintah Persempadanan di hadapan Dewan Rakyat untuk mendapat sokongan tidak kurang daripada sesetengah daripada jumlah bilangan Ahli Dewan yang Mulia ini.

5. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini mempunyai peranan yang penting apabila usul Perintah Persempadanan SPR ini dibentangkan kelak, sama ada untuk meluluskan atau menolaknya.

6. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

7. Bagi maksud tersebut, urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah selesai dijalankan pada tahun 2018, manakala bagi Negeri Sarawak dan Sabah pula adalah pada tahun 2015 dan 2017 masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 | SELASA

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang telah dirancang dan dilaksana setakat ini untuk memperoleh semula aset-aset strategik Lembaga Tabung Haji yang telah dipindah milik kepada Syarikat Urus Harta Jemaah Sdn Bhd.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan pada tahun 2018 terpaksa melaksanakan pelan pemulihan dan penstrukturan Lembaga Tabung Haji (TH) kerana pada masa tersebut TH berisiko menghadapi krisis kecairan yang boleh membawa implikasi terhadap kestabilan sistem kewangan negara.
2. Antara punca utama kepada krisis ini ialah terdapat jurang defisit antara aset dan liabiliti TH sebanyak kira-kira RM10 bilion (aset: RM65

bilion & liabiliti: RM75 bilion) di mana keadaan ini menyebabkan TH tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah kepada pendeposit.

3. Oleh yang demikian, melalui pelan pemulihan tersebut, Kerajaan melalui UJSB telah diberi amanah untuk mengoptimumkan nilai realisasi aset melalui penambahbaikan nilai hartanah serta penzahiran nilai saham yang dimiliki TH sebelumnya. Aset TH telah diambil alih pada nilai premium RM19.9 bilion walaupun nilai saksama semasa pada waktu tersebut sebenarnya adalah sebanyak RM9.7 bilion.

4. Memandangkan masih terdapat jurang yang besar di antara nilai perpindahan aset dengan nilai saksama semasa, Kerajaan sedang meneliti penyelesaian terbaik yang akan memelihara semua pihak terutamanya para pendeposit di TH.

5. Dalam urusan pemindahan semula aset yang berada dibawah Urusharta Jamaah Sdn Bhd kepada Tabung Haji, dua perkara ini perlu diambilkira iaitu:

- i. Memastikan kepentingan pihak pendeposit Tabung Haji terpelihara;
- ii. Memastikan kepentingan pihak Kerajaan juga terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SRI DR. WEE JECK SENG**
[TANJUNG PIAI]
TARIKH : **16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional Kerajaan mengetatkan syarat bagi penyaluran peruntukan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di bawah pengurusan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan sejauh manakah pertimbangan Kerajaan bagi melonggar dan mempermudah urusan penyaluran sumbangan kepada RIBI ini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) tidak mengetatkan syarat bagi penyaluran peruntukan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Syarat ini masih kekal seperti sebelum ini dan penyaluran sumbangan peruntukan yang diselaraskan oleh ICU JPM kepada RIBI dilaksanakan seperti biasa, tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
2. Peruntukan boleh dipertimbangkan kepada jawatankuasa / persatuan yang menguruskan rumah ibadat yang berdaftar dengan pihak berautoriti seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pendaftar Pertubuhan (RoS). Sebarang projek fizikal perlu dilaksanakan di atas tapak yang sah, contohnya tanah milik persatuan penganut agama atau tanah Kerajaan yang telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
3. Syarat yang ditetapkan ini adalah sama seperti syarat yang digunakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi permohonan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) KPKT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha dan pendekatan khusus yang akan dilaksanakan untuk mengurangkan kos sara hidup dan menstabilkan harga makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa cakna akan masalah kenaikan harga barang di pasaran yang dihadapi oleh rakyat. Oleh yang demikian, bagi memastikan kestabilan harga barang dan keberadaan bekalan barangan di pasaran, KPDN melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa. Pemeriksaan dan pemantauan yang menyeluruh ke atas semua premis perniagaan ini, termasuklah di kawasan bandar dan luar bandar, pusat-pusat membeli belah, kawasan peranginan dan tempat tumpuan orang ramai.

KPDN mengguna pakai punca kuasa yang diberikan iaitu Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil keuntungan tinggi secara tidak munasabah atau mencatut. Ini dilakukan melalui kaedah pengeluaran notis penjelasan kenaikan harga di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011.

Bagi memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya, pelbagai OPS dilaksanakan oleh KPDN seperti OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mengekang elemen pencatutan di pasaran. Mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga barangan secara melampau, notis bertulis akan dikeluarkan kepada mereka dan sekiranya terbukti bersalah, tindakan dibawah AKHAP 2011 boleh diambil ke atas mereka.

Susulan kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dari 6% ke 8%, KPDN juga telah mengambil inisiatif yang proaktif dengan melaksanakan OPS KESAN bagi memantau kesan pelaksanaan kenaikan kadar cukai tersebut. OPS KESAN ini digerakkan di bawah AKHAP 2011, dengan fokus pemantauan dan penguatkuasaan untuk memastikan peniaga di semua peringkat tidak mengambil kesempatan untuk mencatut atau membuat kenaikan harga yang bertentangan dengan perundangan pencatutan.

Selain itu, KPDN juga telah memulakan OPS KESAN 2.0 sebagai persiapan kepada pelaksanaan penyerasan subsidi diesel bermula pada 8 Jun 2024. KPDN telah membuat persediaan rapi bagi menangani sebarang aduan terhadap mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah terutama kepada mereka yang telah mendapat manfaat dari penyerasan subsidi diesel dan juga kepada peniaga yang sememangnya tidak layak menerima subsidi diesel sebelum pelaksanaannya. Sehingga 12 Jun 2024, sebanyak 23 aduan telah diterima, 3 kertas siasatan telah dibuka serta sejumlah 191 Notis telah dikeluarkan susulan pemeriksaan ke atas 346 premis di seluruh negara.

KPDN juga turut melaksanakan Program Jualan Rahmah MADANI di semua kawasan parlimen dan DUN dengan barangan dijual pada harga antara 10% hingga 30% lebih murah dari harga pasaran setempat. KPDN komited untuk memastikan bahawa harga barangan keperluan asas serta makanan yang dijual termasuklah di luar bandar adalah terkawal dan tidak dinaikkan sesuka hati oleh para peniaga sehingga membebankan kos sara hidup rakyat.

Kendatipun begitu, KPDN juga telah melaksanakan Inisiatif Payung Rahmah MADANI yang meliputi Jualan Rahmah MADANI, Bakul Rahmah MADANI, Pakej Rahmah MADANI dan Menu Rahmah MADANI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong pengusaha Menu Rahmah MADANI, KPDN sedang mengagihkan Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH yang menawarkan diskaun khas secara purata 40% barang keperluan perniagaan melibatkan pasaraya terpilih. Sebanyak lebih 5,000 jenis barangan atau 'stock keeping unit' (SKU). Pemberian diskaun khas ini dapat membantu pengusaha makanan/ restoran membeli barang keperluan perniagaan dan penjimatan kos tersebut membolehkan peniaga terus menawarkan Menu RAHMAH kepada rakyat.

Selain itu juga, KPDN melalui Sekretariat NACCOL juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi memastikan penstabilan harga barang di seluruh negara dan mengekang perbezaan besar harga barang-barang asas di kawasan-kawasan pedalaman berbanding kawasan-kawasan lain

NO SOALAN : 40

terutamanya bagi Sabah dan Sarawak agar selari dengan harga yang dinikmati oleh rakyat di Semenanjung. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam merangka strategi dan mekanisme dalam penstabilan harga yang lebih mampan di wilayah berkenaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada masa yang sama, KPDM akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran. Ini elemen kartel dalam bentuk pakatan harga, pakatan pasaran, pakatan pengeluaran dan tipuan bidaan yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat.

Fokus utama Kerajaan sekarang adalah dengan seimbangkan faktor harga dan keberadaan barangan asas di samping dapat memastikan bekalan dan harga berpatutan yang membolehkan pengeluar dan pengusaha memproduksi dan memasarkan barangan di pasaran secara konsisten. Pihak Kerajaan sentiasa komited mencari alternatif dalam menangani kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bila agaknya isu telekomunikasi di kawasan pedalaman termasuk di kawasan Lawas dapat diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 30 April 2024, inisiatif yang telah dijalankan di bawah Pelan JENDELA di Parlimen Lawas adalah termasuk pembinaan sebanyak enam menara komunikasi baharu yang telah siap dibina daripada 16 yang dirancang. Sebanyak 85 stesen pemancar juga telah turut siap dinaik taraf daripada 86 yang dirancang serta sebanyak 2,501 premis daripada 3,086 yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025.

Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 13 Jun 2024, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 138 PoP daripada 681 PoP bagi Fasa 2 masih dalam pembinaan di negeri Sarawak dan menjadikan 22,058 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, empat PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 15 PoP di Parlimen Lawas dijadualkan siap pada tahun 2025. Ini menjadikan 441 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Lawas.

Selain inisiatif Pelan JENDELA dan PoP, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) juga sedang melaksanakan inisiatif SMART 600 iaitu pembinaan 600 buah menara baharu bagi menambah baik liputan internet di Sarawak. Kerajaan Persekutuan dan syarikat penyedia perkhidmatan mudah alih telah bersetuju berkongsi kos pembiayaan bagi operasi menara di bawah inisiatif tersebut untuk tempoh tiga tahun.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) SMART 600 *Multi Operator Core Network* (MOCN) antara SDEC dan Pengendali Rangkaian Mudah Alih [*Mobile Network Operators* (MNOs)] telah termeterai pada 24 Mei 2024. Setakat ini, dua menara baharu telah

SOALAN NO: 41

siap beroperasi manakala 10 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah inisiatif SMART 600 di Parlimen Lawas.

Secara umumnya antara cabaran yang dihadapi oleh pemberi perkhidmatan dalam melaksanakan pembinaan menara komunikasi adalah seperti berikut:

- (i) proses perolehan tapak yang memakan masa yang lama menyumbang kepada kelewatan projek. Proses rundingan yang tidak berjaya akan melibatkan penempatan semula tapak di lokasi lain dan secara tidak langsung meningkatkan kos dan masa;
- (ii) kekurangan tenaga kerja mahir dan bertauliah serta gangguan bekalan bahan binaan struktur menara komunikasi pada peringkat awal pelaksanaan projek memberikan impak kepada kemajuan dan capaian peratusan kesiapan secara keseluruhan;
- (iii) kerja-kerja pembinaan terbantut akibat faktor cuaca terutama pada musim tengkujuh. Pergerakan jentera untuk penghantaran bekalan bahan binaan juga terjejas akibat air sungai yang terlalu deras atau akses jalan yang rosak, terputus dan tidak selamat digunakan; dan
- (iv) faktor bentuk muka bumi dan kedudukan geografi seperti di kawasan berbukit-bukau juga menjadi cabaran bagi mendapatkan *Line of Sight (LOS)* dalam pembangunan infrastruktur. Usaha menangani pembangunan infrastruktur dalam keadaan bentuk muka bumi dan kedudukan geografi yang mencabar meningkatkan kos yang perlu dilaburkan oleh syarikat pemberi perkhidmatan di sesuatu kawasan.

Kerajaan sentiasa cakna dan prihatin akan perkhidmatan internet jalur lebar di seluruh negara termasuklah di Sarawak yang sering dibangkitkan. Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama beberapa syarikat Penyedia Kemudahan Rangkaian yang dipertanggungjawabkan bagi kerja-kerja pembinaan menara bagi projek menara baharu JENDELA Fasa 1 di Sarawak pada 27 Mei 2024 bagi

SOALAN NO: 41

mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam menyiapkan projek tersebut. Kesemua syarikat Penyedia Kemudahan Rangkaian yang berkaitan telah diberikan amaran akhir dan tindakan tegas akan diambil terhadap kontraktor yang culas, lewat dan gagal menyiapkan pembinaan menara pada masa yang ditetapkan.

MCMC sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei serta Sarawak Multimedia Authority (SMA) dalam pelbagai sesi mesyuarat, bengkel juga lawatan tapak sebagai salah satu kaedah fasilitasi untuk menyelesaikan isu dan cabaran di lapangan bagi memastikan keseluruhan inisiatif JENDELA berjalan dengan lancar dan siap mengikut jadual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB
(GERIK)**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keperluan mengadakan pusat latihan atau pusat pemulihan pesakit autisme dan golongan kurang upaya di dalam Parlimen Gerik agar mereka dapat mengurangkan kadar kebergantungan kepada Kerajaan untuk meneruskan kehidupan secara berdikari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan salah satu daripada kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang sentiasa diberi keutamaan dan diperjuangkan hak untuk mendapatkan perkhidmatan serta keistimewaan yang ditawarkan oleh Kerajaan.

2. Dalam senarai daftar OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Autisme (*Autism Spectrum Disorder*) adalah di bawah sub kategori kurang upaya pembelajaran. Perancangan dan program berkaitan OKU di Malaysia mengambil kira semua kategori OKU dan berteraskan Akta Orang Kurang Upaya 2008, Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022.

3. Sehingga Mei 2024, seramai 712,570 orang telah berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) di seluruh Malaysia. Manakala bagi Daerah Hulu Perak khususnya kawasan Parlimen Gerik, seramai di 491 OKU telah didaftarkan. Daripada 491 OKU tersebut, 89 daripadanya dikategorikan sebagai autisme.

4. Antara inisiatif Kerajaan yang dilaksanakan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak autisme adalah seperti berikut:

i. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

iaitu suatu program yang menekankan pendekatan integrasi komuniti serta intervensi awal OKU yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (NGO). Di Daerah Hulu Perak, Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Rafflesia Gerik mempunyai seramai 24 orang pelatih OKU. Daripada jumlah tersebut, 19 orang adalah OKU masalah pembelajaran dengan pecahan enam (6) orang OKU autisme, enam (6) orang OKU sindrom down, empat (4) orang OKU lewat perkembangan global

(GDD), dua (2) orang OKU *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD) dan satu (1) orang OKU lembam.

ii. **Perkhidmatan TASKA OKU**

laitu perkhidmatan asuhan kanak-kanak yang merangkumi (enam) 6 kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi Sindrom Down, Autisme.

iii. **Perkhidmatan Institusi OKU JKM**

memberikan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak OKU kategori pembelajaran termasuk autisme; dan

iv. **Program PERMATA Kurnia**

Merupakan pusat intervensi awal autisme di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Kerajaan turut menggalakkan mana-mana pihak swasta dan orang awam dan Kerajaan Negeri yang ingin memberikan jagaan dan pemulihan serta perlindungan kepada golongan autisme. Melalui Akta Pusat Jagaan 1993, penubuhan pusat jagaan ini hendaklah didaftarkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan, keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Antara kerjasama bersama Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan adalah Pusat ANIS bersama Kerajaan Negeri Selangor dan juga *One Stop Early Intervention Centre* bersama Kerajaan Negeri Sarawak.

6. Justeru, kerjasama antara kementerian dan agensi yang berkaitan, pihak NGO serta organisasi swasta diharap memberikan hasil terbaik secara keseluruhan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak autisme di negara kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah terdapat rancangan pembangunan yang menyeluruh untuk kawasan sempadan Malaysia-Kalimantan termasuk bagi menambahbaik laluan perhubungan antara kedua-dua negara melalui pembinaan Laluan Kereta Api Trans Borneo dan jajaran jalan sepanjang sempadan tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan pembangunan yang menyeluruh bagi kawasan sempadan Malaysia - Kalimantan harus mempertimbangkan beberapa aspek penting untuk memastikan keberkesanan dan kelestariannya. Antara elemen yang perlu dipertimbangkan dalam rancangan pembangunan ini adalah pembangunan infrastruktur pengangkutan, pembangunan ekonomi, keselamatan dan penambahbaikan laluan perhubungan antara negeri di Borneo.
2. Bagi menambahbaik laluan perhubungan antara kedua-dua negara ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) kini dalam fasa penilaian akhir bagi Kajian Kebolehlaksanaan Projek Trans Borneo Railway.
3. Sekiranya kajian ini berdaya maju untuk dilaksanakan, hasil kajian ini bakal dipanjangkan ke fasa dua menghubungkan Brunei dan Kalimantan. Menerusi kajian ini dijangka mampu merencanakan aktiviti logistik dengan ibu negara Indonesia baharu iaitu Nusantara yang terletak di Kalimantan Timur.
4. Seiring dengan perancangan jaringan keretapi Kalimantan yang direncanakan oleh pemerintah Indonesia masa kini, jaringan kereta api Trans Borneo bakal menjadi pelengkap bagi membolehkan pergerakan barangan dan penumpang ke serata kepulauan Borneo.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :

- (a) keberhasilan kerjasama dengan Vietnam memperbaiki tatakelola dan penguatkuasaan negara mereka terhadap aktiviti perikanan nelayan Vietnam; dan
- (b) langkah memanfaatkan platform serantau seperti *ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries (ASWGFi)* bagi membangkitkan dan menyelesaikan isu pencerobohan nelayan Vietnam.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dungun** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada kedaulatan dan keutuhan wilayah maritim Malaysia. Kerajaan juga terus menggiatkan usaha untuk menghalang dan membanteras pencerobohan kapal nelayan asing ke dalam perairan Malaysia. Dalam hubungan ini, Kementerian Luar Negeri menjalankan kerjasama rapat dengan Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Majlis Keselamatan Negara, serta agensi-agensi penguatkuasaan maritim seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, dan terutama sekali Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang merupakan agensi penguatkuasa utama berhubung isu pencerobohan nelayan asing ini.

3. Kerajaan kekal komited dengan mengambil langkah-langkah menghalang dan membanteras pencerobohan bot-bot nelayan asing termasuk kapal-kapal penguatkuasaan asing, berdasarkan undang-undang negara termasuklah Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1963 dan Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) – sekiranya berlaku kekerasan oleh nelayan asing ke atas penguatkuasa kita.

4. Untuk makluman ahli Dewan yang mulia ini, menurut data yang dikongsikan oleh APMM, statistik jumlah pencerobohan di perairan Malaysia oleh nelayan-nelayan Vietnam dari tahun 2020 sehingga 2023 telah direkodkan sebanyak 265 buah bot nelayan dan 2,683 kru bot telah ditahan oleh APMM atas kesalahan melakukan aktiviti penangkapan ikan yang tidak sah, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia, atau dengan izin,

Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IUU). Untuk tahun 2024 sahaja (dari Januari sehingga April) sebanyak 35 buah bot nelayan Vietnam dan 307 orang kru telah ditahan, menyamai jumlah setahun yang direkodkan pada tahun 2023.

5. Vietnam sering kali membangkitkan isu IUU ini dalam pertemuan dengan barisan kepimpinan tertinggi Malaysia. Dalam persidangan APEC di San Francisco, Amerika Syarikat pada Disember 2023, Vo Van Thuong, Presiden Vietnam pada ketika itu, telah mengemukakan hasrat secara rasmi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjalankan kerjasama dengan Malaysia bagi meningkatkan tatekelola dan sistem penguatkuasaan maritim mereka.

6. Malaysia secara dasarnya tiada halangan untuk membantu Vietnam dalam memenuhi keperluan penambahbaikan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Eropah. Malaysia juga sentiasa menggesa Vietnam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghentikan pencerobohan nelayan-nelayannya di kawasan perairan Malaysia.

7. Malaysia turut menjalankan kerjasama dua hala di bawah konteks Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertanian yang memberi ruang kepada kedua-dua pihak untuk berbincang berkenaan isu perikanan dan IUU. Dari aspek kerjasama serantau, Kumpulan Kerja Sektoral ASEAN dalam Hal Perikanan, atau dengan izin, *ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries* telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas IUU pada tahun 2019 untuk meningkatkan komunikasi dan perkongsian maklumat antara Negara Anggota ASEAN bagi menangani kegiatan aktiviti perikanan IUU di rantau ini.

8. Namun demikian, demi menjamin kestabilan di rantau ini, Malaysia akan terus memberi kerjasama kepada Vietnam menerusi platform-platform dua hala dan serantau sedia ada, bagi membantu Vietnam mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dalam memperbaiki tatakelola dan pengurusan maritim, dan menyelesaikan isu pencerobohan dan aktiviti perikanan IUU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis biasiswa luar negara yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setiap tahun sejak 2017 mengikut pecahan kaum. Berikan kos perbelanjaan dan berapakah ditawarkan kepada warganegara asing. Nyatakan butiran lanjut serupa untuk agensi Kerajaan seperti MARA, GLC, dan GLIC.

JAWAPAN**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2016, penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengalami perubahan dasar di mana penajaan semasa yang ditawarkan adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Berasaskan Merit Tempat Berkhidmat. Bagi pengajian di luar negara, program-program penajaan adalah seperti berikut:

- i. Program Penajaan Nasional (PPN); dan
- ii. Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ).

2. Dari tahun 2017 hingga 2023, Kerajaan telah memberikan penajaan kepada 1,640 orang pelajar yang terdiri daripada 915 orang pelajar kaum Melayu, 421 orang pelajar kaum Cina, 133 orang pelajar kaum India dan 171 orang pelajar lain-lain kaum. Selaras dengan hasrat pembangunan negara melalui dana awam, hanya warganegara Malaysia sahaja yang layak menerima penajaan yang disediakan oleh JPA.

3. Penajaan tahun 2017 hingga 2023 ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM27.6 juta untuk pengajian peringkat persediaan dan RM826.6 juta untuk pengajian peringkat Ijazah Pertama ke luar negara.

4. Selain program di bawah JPA, Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut menawarkan pinjaman dengan perincian bagi tahun 2017 hingga 2023 seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar Dalam Negara	Bilangan Pelajar Luar Negara	Jumlah Bilangan Pelajar	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2017	8,978	1,149	10,127	2,044,030,053
2018	8,429	257	8,686	2,373,602,813
2019	9,530	1,015	10,545	1,356,618,105
2020	17,797	729	18,526	1,155,088,949

2021	12,637	1,434	14,071	1,347,249,113
2022	16,131	1,822	17,953	1,535,532,589
2023	16,043	1,669	17,712	2,223,117,092
Jumlah	89,545	8,075	97,620	12,035,238,714

Nota: MARA menawarkan pinjaman pelajaran boleh ubah kepada Bumiputera yang layak bermula peringkat pengajian Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di institusi pengajian terpilih dalam dan luar negara.

5. Di samping itu, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Investment Companies-GLIC*) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company-GLC*) turut menyokong agenda pembangunan negara dalam sektor pendidikan tinggi melalui penawaran biasiswa kepada pelajar peringkat tertiar. Antara GLIC dan GLC yang menawarkan biasiswa bagi pengajian dalam dan luar negara adalah Permodalan Nasional Berhad (PNB), Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) termasuk anak syarikat di bawahnya dengan jenis-jenis biasiswa seperti berikut:

- i. **PNB:** PNB Global Scholarship, Yayasan Tun Ismail (YTI) Premier Scholarship dan PNB Global Scholarship (Post Foundation);
- ii. **Khazanah:** Khazanah Global Scholarship Programme, Yayasan UEM-Global dan Program Akauntan Siswazah Yayasan UEM;
- iii. **PETRONAS:** Program Penajaan Pendidikan PETRONAS dan Program Penajaan Pendidikan Antarabangsa oleh PETRONAS

6. Dari tahun 2017 hingga 2023, PNB, PETRONAS dan Khazanah serta anak syarikatnya telah menawarkan biasiswa kepada 3,522 orang pelajar dengan anggaran kos pengajian termasuk program persediaan sebanyak RM2.12 bilion. Pecahan biasiswa mengikut kaum adalah 80% kepada Bumiputera dan 20% kepada bukan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian apabila sekumpulan veteran tentera dari persatuan veteran tentera yang tidak berdaftar dengan JHEV telah menyertai dan menubuhkan cawangan parti politik di Kuala Kubu pada bulan Mei yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini mengambil cakna dengan perkembangan politik yang telah berlaku tersebut, yang mana telah menimbulkan salah faham termasuk dakwaan yang mengatakan Kementerian dan JHEV ATM membenarkan persatuan veteran untuk berpolitik.

Untuk makluman, JHEV ATM telah membuat siasatan secara sertaserta apabila mendapat laporan berkenaan pada 10 Mei 2024. Hasil siasatan mendapati, veteran yang dikatakan akan mengetuai satu cawangan baru Parti Democratic Action Party (DAP) iaitu Cawangan Trompet di Bukit Beruntung, adalah Pengerusi Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung merupakan salah satu persatuan induk yang berdaftar di bawah Seksyen 7 Akta 740 dengan bilangan ahli seramai 237 orang yang tinggal di sekitar Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung di Rawang.

Siasatan turut mendapati tindakan Pengerusi Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung yang secara terang-terangan menunjukkan kecenderungan politiknya telah menimbulkan keresahan dalam persatuan itu sendiri. Para ahli yang tidak bersetuju dengan tindakan tersebut merasakan adalah tidak wajar seorang pemegang jawatan utama persatuan menunjukkan kecenderungan politik kerana dikhuatiri boleh mempengaruhi ahli-ahli persatuan yang lain dan jika tidak dikawal, persatuan cenderung menjadi satu jentera politik.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini, Pendaftar telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan satu surat permohonan penjelasan bertarikh 20 Mei 2024, selaras dengan peruntukan Seksyen 18 (2) Akta 740 yang menetapkan supaya persatuan diberi peluang untuk mengemukakan penjelasan sebelum tindakan gantung atau batal persatuan dilaksanakan. Pengerusi Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung serta veteran-veteran yang terlibat telah hadir untuk memberikan penjelasan secara bersemuka pada 28 Mei 2024. Berdasarkan keterangan dan maklumat yang diterima, JHEV ATM mendapati:

- i. Hanya 15 orang veteran sahaja termasuk Pengerusi Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung, yang terlibat dalam pendaftaran keahlian cawangan baru parti politik tersebut. Keahlian lain terdiri daripada orang awam, iaitu pasangan dan ahli keluarga atau kenalan veteran;
- ii. Tiada keahlian daripada veteran Hulu Selangor lain, selain daripada Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung; dan
- iii. Para veteran yang dinyatakan telah menyertai parti politik yang tersebut atas keputusan individu dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Berdasarkan keterangan tersebut, JHEV ATM mendapati Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung tidak melanggar Akta 740 kerana penyertaan dalam parti politik adalah keputusan individu dan berdasarkan hak untuk berpersatuan, selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Malaysia.

Bagi memastikan dakwaan seumpama ini tidak timbul lagi pada masa hadapan, JHEV ATM akan mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Meneruskan pemantauan terhadap tahap penglibatan Kelab Veteran ATM Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung tersebut dalam arena politik;
- ii. Membuat pemantauan secara aktif berkaitan penglibatan persatuan-persatuan veteran lain dalam arena politik; dan
- iii. Meneruskan aktiviti pengeluaran peringatan secara berkala kepada persatuan-persatuan veteran untuk memastikan aktiviti persatuan dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan seperti tiada sebarang diskriminasi jantina, bangsa, agama, asal-usul, bahasa, kecenderungan politik atau apa-apa pandangan lain yang dipegang oleh anggotanya. Selain itu, persatuan veteran ATM hendaklah sepanjang masa mengekalkan pendaftarannya sebagai sebuah organisasi bukan politik dengan matlamat dan tujuan seperti berikut:

- (a) untuk pemajuan kebajikan veteran;
- (b) untuk mengekalkan hubungan dan kedudukan yang baik dengan Jabatan;
- (c) untuk memastikan bahawa perlembagaannya dipatuhi dan diikuti oleh semua anggotanya; dan
- (d) untuk mengawal dan menjalankan bidang kuasa ke atas semua aktiviti berhubung dengan hal ehwal veteran.

Tindakan **penggantungan dan dibatalkan** pendaftaran akan diambil terhadap mana-mana persatuan berdaftar yang telah menjadi satu organisasi politik, selaras dengan Sekyen 18 (1) (c) dan Seksyen 18 (1) (d) kerana telah melanggar peruntukan Akta 740 dan bukan lagi suatu entiti yang sesuai dan layak untuk didaftarkan bagi mewakili veteran di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status berkenaan usaha Kerajaan untuk memisahkan pejabat Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan sama ada usaha ini akan dicapai dalam jangka masa yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 31 Januari 2024 telah bersetuju, antara lain, dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif dan Pasukan Petugas Teknikal bagi melaksanakan kajian empirikal tersebut secara berfasa dengan garis masa selama dua (2) tahun. Kajian Empirikal ini penting kerana kajian desktop berdasarkan sumber terbuka tentang amalan terbaik global yang meliputi sembilan (9) buah negara, iaitu United Kingdom, India, New Zealand, Australia, Kanada, Afrika Selatan, Ireland, Kenya dan Amerika Syarikat telah dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara setakat ini adalah terhad dan terdapat maklumat penting yang tidak dapat diperolehi melalui sumber terbuka.

2. Sehubungan itu, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memilih tiga (3) buah negara untuk mengadakan kajian empirikal, iaitu UK, Australia dan Kanada. Lawatan Kerja ke Kanada yang merangkumi Ottawa dan Toronto telah diadakan dari 6 hingga 9 Mei 2024. Lawatan ke Australia yang merangkumi Melbourne dan Canberra telah diadakan pada 3 hingga 6 Jun 2024. Lawatan Kerja ini diketuai oleh saya sendiri dan disertai oleh:
 - (a) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi;
 - (b) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU, JPM); dan
 - (c) Peguam Negara (AGC).

3. Semasa Kajian Empirikal juga, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memperoleh maklumat dan data yang komprehensif serta menyeluruh termasuk perkara-perkara teknikal dan spesifik serta

perkara-perkara generik yang memberi penekanan kepada dengan izin “*big picture*” dalam pelaksanaan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di negara kita. Negara terakhir yang akan dikaji oleh Pasukan Petugas Khas Komperatif ialah United Kingdom sebagai penutup kepada kajian empirikal.

4. Selain itu, kajian saintifik berdasarkan perspektif sains kemasyarakatan pandangan umum ke atas pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya sedang dijalankan bagi tempoh enam (6) bulan. Bagi tujuan ini Kerajaan akan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia untuk melaksanakan kajian saintifik ini. Kajian ini akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum, agensi penguatkuasaan, pakar-pakar berkaitan dan kerajaan negeri. Kajian ini juga akan merangkumi pengumpulan dan analisis data dan maklumat daripada pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah penyelidikan seperti perbincangan kumpulan tersasar, dengan izin, *focus group discussion*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT
TAIB [PARIT]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menunaikan manifesto Pakatan Harapan pada pilihan raya umum lalu bagi menubuhkan Pejabat Belanjawan di Parlimen Malaysia untuk memastikan setiap Ahli Parlimen mendapat akses maklumat perbelanjaan Kerajaan Persekutuan secara telus.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

1. Cadangan mewujudkan Pejabat Belanjawan Parlimen (BPO) adalah selaras dengan amalan seperti di beberapa negara maju di mana sebuah institusi fiskal yang bebas disokong diwujudkan di bawah peruntukan undang-undang yang bertujuan antara lain untuk menilai kesan cadangan dasar (termasuk cadangan belanjawan) oleh mana-mana Ahli Parlimen tanpa mengira parti secara objektif dan tanpa menyebelahi mana-mana pihak.

2. Kerajaan Perpaduan terbuka dengan apa-apa cadangan namun cadangan adalah tertakluk kepada ketetapan dasar dan polisi Kerajaan pada masa kini. Dalam hal ini, kajian lanjut dan implikasi dari pelbagai aspek perl diambil kira terlebih dahulu terutamanya penelitian daripada aspek perundangan serta implikasi kewangan sebelum sebarang keputusan boleh dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG
[LABIS]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah lebih efektif dan berkesan yang akan diambil oleh Kerajaan memandangkan negara kita kehilangan RM227 bilion dalam 5 tahun akibat rasuah dan Kerajaan dilihat telah gagal menangani masalah rasuah yang masih berleluasa.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agenda kerajaan MADANI adalah untuk memerangi jenayah rasuah termasuklah terhadap mana-mana pesalah yang tidak pernah disiasat sejak dahulu dan perlu diambil tindakan terhadap jenayah yang telah dilakukan. Selain daripada itu, Kerajaan MADANI memberi kebebasan kepada SPRM untuk menjalankan fungsi dan tugasnya tanpa campur tangan mana-mana pihak.

2. Dalam tindakan siasatan, SPRM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi dan turut menyertai *task force* dibawah Jabatan Peguam Negara dalam menangani kes-kes ketirisan dana kerajaan. Kerajaan juga tidak akan berkompromi terhadap mana-mana anggota pentadbiran jika terlibat dalam perkara-perkara salah guna kuasa dan rasuah.

3. Sepertimana sedia maklum, Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dijenamakan dari Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) masih terus menyelaras dan menangani isu-isu berkaitan tatakelola, integriti dan antirasuah secara holistik sejak ditubuhkan pada 1 Jun 2018. Salah satu usaha penting untuk pembangunan negara adalah penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan diteruskan kesinambungannya dengan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang telah diluncurkan pada 7 Mei 2024.

4. BPGN juga turut mengurussetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri yang berperanan untuk menimbang, menilai dan meluluskan dasar-dasar berhubung pemantapan

NO. SOALAN : 49

tatakelola, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan.

5. Secara amnya, pelaksanaan NACP dan NACS melibatkan pindaan kepada dasar dan undang-undang negara iaitu penambahbaikan kepada perundangan sedia ada, pewujudan perundangan baharu dan penambahbaikan kepada peraturan serta pekeliling ke atas keseluruhan perkhidmatan awam dan anggota pentadbiran. Pelaksanaan inisiatif/strategi yang terkandung dalam NACP dan NACS adalah merupakan suatu *tool* yang menjadi ukuran tahap keseriusan semua pihak dalam memastikan elemen tatakelola, integriti dan antirasuah dijadikan agenda utama negara secara komprehensif yang secara langsung akan dapat mengurangkan salah guna kuasa, campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tatakelola bagi meningkatkan tahap kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan Kerajaan.

6. Rasuah adalah hambatan utama kepada kemajuan ekonomi dan sosial Malaysia, yang menghalang perkembangan dan mengikis keyakinan masyarakat kepada institusi Kerajaan. Walaupun Malaysia mempunyai kerangka perundangan, struktur pentadbiran, dan sistem berparlimen yang kukuh, kes-kes rasuah masih terjadi, akibat sikap tamak, serakah, dan kepentingan peribadi. Usaha menangani punca rasuah memerlukan pendekatan pelbagai aspek, termasuk reformasi menyeluruh untuk mengukuhkan mekanisme semak dan imbang sedia ada.

7. Bagi tujuan ini, budaya integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban perlu dipupuk di semua peringkat masyarakat melalui NACS yang telah dibangunkan ini sebagai suatu kesinambungan kepada pencapaian NACP sebelum ini yang telah disusun untuk menzahirkan sasaran yang jelas dan pragmatik bertujuan menangani isu-isu integriti, tatakelola, dan rasuah di Malaysia dalam tempoh 5 tahun dari 2024 hingga 2028.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN
CHEPA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa nilai zakat yang
dibayar oleh Petronas hasil keuntungan perniagaan pada tahun 2023 dan
kepada majlis agama mana serta di manakah agihan bayaran tersebut
dibuat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak pertubuhannya pada tahun 1974 di bawah Akta Syarikat 1965, PETRONAS telah memenuhi segala kewajipan dari segi cukai dan pembayaran.
2. Namun demikian, PETRONAS tidak pernah membuat pembayaran zakat kepada mana-mana badan agama negeri atau pihak yang layak menerima zakat.
3. Sebaliknya, PETRONAS hanya membuat pembayaran cukai syarikat dan cukai pendapatan petroleum kepada Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang memperkenalkan "*water taxi*" di Pulau Pinang bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan semasa waktu puncak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi cadangan penyediaan perkhidmatan pengangkutan air (*water taxi*) di kawasan Pulau Pinang sebagai mod pengangkutan awam bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menggalakkan aktiviti pelancongan di Pulau Pinang. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan bersama pihak Kementerian dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) memandangkan terdapat beberapa cadangan lokasi perkhidmatan teksi air tersebut berada dalam kawasan Had Pelabuhan Pulau Pinang yang dikawal selia oleh SPPP.

2. MOT menyambut baik akan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha untuk mengenal pasti mod pengangkutan alternatif bagi menyurai kesesakan lalu lintas kepada masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun, MBPP perlu memastikan peraturan semasa dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan sebarang perkara berbangkit dari aspek keselamatan pelayaran, spesifikasi kapal atau feri yang digunakan sebagai teksi air dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pembabitan setiap kumpulan penjawat awam dalam kegiatan politik.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pegawai awam sepanjang tempoh perkhidmatannya adalah terikat untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*].

2. Berhubung penglibatan pegawai awam dalam politik, dasar sedia ada diperuntukkan di bawah Peraturan 21 *P.U. (A) 395/1993*. Secara umumnya, pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik, dan secara khususnya pegawai awam tidak boleh melakukan perkara seperti berikut:

- i. membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;
- ii. menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- iii. terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatu pilihan raya umum, pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- iv. bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri; dan

- v. masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- vi. memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

3. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada kumpulan-kumpulan pegawai seperti berikut tertakluk kepada kelulusan secara bertulis yang perlu diperolehi terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan:

i. Pegawai Kumpulan Pelaksana

Subperaturan 21(2) [*P.U. (A) 395/1993*] menjelaskan bahawa seseorang pegawai dalam Kumpulan Pelaksana boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik.

ii. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Subperaturan 21 (2A) [*P.U. (A) 395/1993*] memperuntukkan bahawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga Gred DG48 boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam suatu parti politik kecuali Pengetua atau Guru Besar yang bertugas di Institusi Pendidikan serta pegawai yang memegang apa-apa jawatan sensitif dalam mana-mana agensi Kerajaan.

iii. Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah diluluskan bercuti sehingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan kesemua cuti rehat yang terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk menapis dan melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam bagi memastikan wujudnya ketelusan dan semak imbang dalam proses pelantikan jawatan-jawatan penting. Apakah garis masa telah ditetapkan untuk mencapai tujuan ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Urusan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi termasuk bagi mengisi jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam dilaksanakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2012 [P.U. (A) 1/2012]. Urusan ini dilaksanakan melalui penilaian oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang mana penubuhan, bidang kuasa dan fungsinya diwartakan melalui Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U. (A) 75/2010]. Peraturan-peraturan ini digubal berdasarkan Perkara 132(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hal berkaitan pelantikan dan syarat perkhidmatan pegawai awam dikawal selia oleh Yang di-Pertuan Agong.

2. Kenaikan pangkat seseorang pegawai dibuat berasaskan merit pegawai dan diputuskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang telah ditetapkan keanggotaannya mengikut perkhidmatan. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai untuk tujuan kenaikan pangkat, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mengambil kira kecekapan dan prestasi kerja pegawai, kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai, sifat-sifat peribadi, kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai itu serta sumbangan pegawai kepada negara dan masyarakat.

3. Selain itu, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terkini hasil siasatan berhubung dengan kes pesawat yang terhempas berhampiran kawasan perumahan di Elmina, Seksyen U16, Shah Alam pada tahun lalu yang telah mengorbankan 10 nyawa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan terkini hasil siasatan berhubung dengan kes pesawat N28JV yang terhempas berhampiran dengan kawasan perumahan di Elmina Seksyen U16 Shah Alam pada 17 Ogos 2023 adalah seperti berikut:

- i. Draf laporan akhir telah siap dan dikeluarkan pada **14 Jun 2024**. Draf laporan akhir tersebut telah dihantar untuk semakan / komen kepada *National Transportation Safety Board (NTSB) USA*, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Adrep ICAO, Koperasi Amanah Pelaburan Berhad (KAPB) pemunya pesawat dan Jet Valet Sdn Bhd sebagai operator pengendali pesawat.
- ii. Laporan Akhir akan dikeluarkan selewat lewatnya pada **16 Ogos 2024** selepas 60 hari Draf Laporan Akhir diterima iaitu selepas semakan / komen oleh *National Transportation Safety Board (NTSB) USA*, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Adrep ICAO, Koperasi Amanah Pelaburan Berhad (KAPB) pemunya pesawat dan Jet Valet Sdn Bhd sebagai operator pengendali pesawat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN:

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat usaha untuk meningkatkan keanggotaan dan menambah baik aset-aset Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA) bagi membolehkan kerja penyelamatan dan penyaluran bantuan dijalankan dengan lebih efisien di kawasan luar bandar dan pedalaman yang ditimpa bencana seperti banjir dan tanah runtuh.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan prihatin terhadap isu bencana yang melanda kawasan luar bandar dan pedalaman. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sentiasa mengambil inisiatif untuk memperkasakan kapasiti dan pengukuhan kepakaran pegawai serta anggota di bawah tanggungjawab Jabatan / Agensi masing masing.
2. Peningkatan keupayaan dan kapasiti Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) NADMA melalui kursus-kursus teknikal penyelamatan bertaraf standard antarabangsa dalam dan luar negara terus dipergiatkan dengan kehadiran pegawai dan anggota SMART NADMA dalam setiap program yang telah direncana oleh organisasi awam, swasta mahupun antarabangsa.
3. Persediaan SMART NADMA melalui kelengkapan peralatan penyelamatan khas yang canggih juga telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan Ke-12, bukan sahaja sebagai persediaan pensijilan semula standard keupayaan carilamat antarabangsa – INSARAG (*United Nations International Search and Rescue Advisory Group*) pada tahun 2026, malahan juga agar sejajar dengan pengiktirafan Pasukan SMART sebagai satu-satunya pasukan elit mencari dan menyelamat negara.
4. NADMA juga turut mengambil tindakan proaktif dalam mengukuhkan kesiapsiagaan, kapasiti dan koordinasi pengurusan bencana termasuk menyelaraskan penyediaan khemah koordinasi Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) untuk setiap Negeri yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), penyediaan bot-bot

menyelamat kepada Pejabat-Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri (JPBN), kesiapsiagaan jambatan mudah alih (*bailey bridge*) untuk menyokong kelancaran logistik perhubungan serta penyelarasan penggunaan sistem koordinasi dan pelaporan operasi bencana berasaskan geospatial dalam talian oleh semua pengurus bencana.

5. Selain itu, di pihak APM pula yang bertanggungjawab sebagai Agensi Penyelamat dan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri sentiasa memperkasakan mereka di seluruh Malaysia. Pada tahun 2023, APM telah melaksanakan perolehan bagi penambahan sebanyak 379 buah logistik bagi memperkasakan teras perkhidmatan APM merangkumi 46 unit kenderaan pacuan 4 roda, 100 unit ambulan, 225 unit motosikal, 5 unit bas, 7 unit van (15 seater), dan 2 unit *skylift*.
6. Selaras dengan keperluan semasa, APM juga sentiasa melatih dan mendaftarkan anggota baharu setiap tahun. Bagi tempoh tahun 2024-2025, sebanyak 150,000 anggota baharu telah disasarkan bagi penugasan di seluruh Malaysia. Buat masa ini, terdapat seramai 4,371 anggota APM yang bersedia digerakkan dalam tempoh 24 jam apabila berlakunya kecemasan atau bencana bagi seluruh negeri. Jumlah anggota ini juga boleh dipertingkatkan kepada 5,508 anggota dalam tempoh 72 jam untuk diatur gerak secara keseluruhan di dalam negara.
7. Selain itu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan efisiensi dalam penugasan kerja-kerja penyelamatan, APM telah menubuhkan Pasukan Khas Pertahanan Awam (PASPA) pada 15 Ogos 2008. Jumlah keanggotaan PASPA pada masa ini adalah seramai 161 pegawai dan anggota yang bertujuan untuk melaksanakan tugas-tugas operasi Mencari dan Menyelamat (Search and Rescue - SAR) secara sistematik, teratur dan efisien semasa menghadapi sesuatu bencana besar atau insiden yang kompleks.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah PUSPAKOM dan cawangan yang ada bagi seluruh negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, pihak PUSPAKOM beroperasi di empat lokasi pemeriksaan di seluruh negeri Kelantan yang mana satu lokasi beroperasi secara tetap iaitu di Kota Bharu manakala tiga lagi lokasi adalah secara lawatan tetap (*mobile unit*) iaitu di Jeli, Gua Musang dan Kuala Krai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam perundingan isu berbangkit MA63 oleh Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Madani komited dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah Dan Kerajaan Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai isu-isu di bawah MA63 masih diteruskan. Sehingga kini status kemajuan adalah seperti berikut:

a. Selesai Sepenuhnya (11 Perkara/Tuntutan Asas)

- i. Penyerahan Kuasa Kawal Selia LPG kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
- ii. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- iii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- iv. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- v. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182);
- vi. Pindaan Akta LHDN 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- vii. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas di Negeri Sabah;

- viii. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak;
- ix. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tanah Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
- x. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah; dan
- xi. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan.

b. Selesai Sebahagian/Interim (1 Perkara/Tuntutan Asas)

- i. Kajian Semula Pemberian Khas bagi Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D.

c. Telah Mempunyai Keputusan Dasar (4 Perkara/Tuntutan Asas)

- i. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai alam sekitar;
- ii. Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak;
- iii. Kuasa Mengenai Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Pindaan Perlembagaan Persekutuan); dan
- iv. Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri.

d. Dalam Perbincangan (8 Perkara/Tuntutan Asas)

- i. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
- iv. Pembangunan Sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan;
- v. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat;

- vi. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- vii. Isu kesihatan; dan
- viii. Isu pendidikan.

e. *Agree to Disagree* (5 Perkara/Tuntutan Asas)

- i. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
 - ii. Mineral minyak dan medan minyak;
 - iii. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750];
 - iv. Hak negeri ke atas pelantar benua; dan
 - v. Duti setem dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81).
3. Semua isu-isu di bawah MA63 yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**
TARIKH : **16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain Bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan perancangan bagi menambah bilangan *ride-on-demand* di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar bagi mengoptimumkan lagi konsep *first-mile-last-mile* dalam sektor pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai latar belakang, perkhidmatan *Bus On Demand (BOD)* merupakan satu bentuk perkhidmatan pengangkutan bersifat respon permintaan (*Demand Responsive Transit*) atau *ride on demand*. Secara konsepnya, perkhidmatan BOD beroperasi secara tempahan melalui aplikasi, tidak mempunyai jadual trip dan laluan yang tetap namun terhad dalam zon operasi yang diluluskan sahaja. Lazimnya jenis bas yang digunakan adalah bersaiz kecil seperti bas mini, *coaster* atau van. Ia juga merupakan salah satu perkhidmatan dalam ekosistem pengangkutan awam darat yang menyediakan kemudahan perbatuan pertama dan akhir (*first and last miles*) kepada pengguna.

2. Bagi menyokong perkembangan perkhidmatan *ride on demand* di Malaysia, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sedang melaksana Pengujian Konsep (*Proof of Concept, POC*) bagi perkhidmatan *Bus On-Demand (BOD)*. Tempoh POC BOD ini telah bermula sejak 1 September 2022 selama dua tahun dan akan berakhir pada 31 Ogos 2024. POC BOD ini dilaksana dengan tiga tujuan utama iaitu:

- i. mengkaji keberkesanan perkhidmatan BOD dan impak terhadap perkhidmatan sedia ada;
- ii. menilai tahap penggunaan melalui maklumat yang dikumpul semasa tempoh POC; dan
- iii. menggubal dasar dan polisi baharu sekiranya ianya berkesan dan memberi manfaat kepada pengguna.

3. Penyertaan POC BOD terbuka mana-mana syarikat penyedia perkhidmatan tertakluk kepada 15 syarat am yang telah ditetapkan oleh APAD. Setakat 31 Mei 2024, hanya tiga syarikat yang telah menyertai POC BOD yang dilaksanakan oleh APAD iaitu syarikat Kumpool Sdn. Bhd. (Bandaraya Melaka), Asia Mobiliti Technologies Sdn. Bhd. (Ampang, Bangsar, Puchong) dan Badan Bas Sdn. Bhd. (Subang Jaya).

4. Selain daripada hebahan di laman web dan laman sosial media Kementerian dan agensi, Kementerian juga melalui APAD telah menguar-uarkan pelaksanaan inisiatif BOD ini kepada 10 persatuan bas di Semenanjung Malaysia sebagai galakan untuk penyertaan yang lebih aktif. Selain itu, perbincangan juga diadakan bersama pengendali-pengendali bas untuk mengkaji potensi penyediaan BOD di kawasan-kawasan yang tiada liputan pengangkutan awam, termasuklah di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN:

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) profil insiden bencana di Malaysia bagi tujuh tahun terakhir serta jumlah kerugian langsung dan tidak langsung bagi setiap insiden tersebut; dan
- (b) data penilaian *cost-benefit analysis* (CBA) yang dapat membandingkan kos akibat bencana terhadap kerugian langsung dan tidak langsung, dengan kos perbelanjaan mitigasi mencegah bencana.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Profil insiden bencana di Malaysia bagi tujuh tahun terakhir serta jumlah kerugian langsung dan tidak langsung bagi setiap insiden tersebut

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh 2017 sehingga 2023, jenis bencana yang telah direkodkan berlaku di Malaysia adalah banjir, ribut ataupun taufan, tanah runtuh dan kebakaran berskala besar. Bagi tempoh tersebut seramai 894,609 mangsa telah ditempatkan di 7,279 Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Jumlah mangsa tertinggi dicatatkan adalah pada tahun 2021 yang melibatkan 208,672 mangsa ataupun 23.3% daripada keseluruhan mangsa.
2. Lima (5) negeri yang paling terkesan, iaitu yang mempunyai jumlah mangsa tertinggi ditempatkan di PPS bagi tempoh 2017 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Mangsa	Peratus (%)
1.	Kelantan	202,339	22.6
2.	Terengganu	180,247	20.1
3.	Johor	165,134	18.5
4.	Pahang	149,046	16.7
5.	Sabah	50,858	5.7

3. Banjir merupakan jenis bencana yang paling kerap berlaku dan paling ramai menempatkan mangsa di PPS. Ia melibatkan 889,984 ataupun 99.5% daripada keseluruhan mangsa bencana yang ditempatkan di PPS bagi tempoh 2017 sehingga 2023.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kajian

menyeluruh impak banjir yang berlaku di beberapa buah negeri di Malaysia. Survei pertama telah dijalankan oleh pihak DOSM pada tahun 2021 dan diteruskan sehingga kini.

5. Objektif survei adalah untuk mengira jumlah kerugian dan kerosakan akibat bencana banjir yang melanda negara mengikut kategori seperti kerugian tempat kediaman, kerugian kenderaan, kerugian sektor pembuatan dan kerugian premis perniagaan.
6. DOSM juga menggunakan data anggaran kerugian/kerosakan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan Kementerian Kerja Raya. Daripada data ini, anggaran kerosakan industri pertanian dan aset awam dan infrastruktur diperoleh.
7. Perincian hasil penemuan kerugian banjir tahun 2021-2023 mengikut pecahan kerugian adalah seperti berikut:

i. Kerugian Keseluruhan

Jumlah kerugian keseluruhan akibat banjir pada tahun 2023 bernilai RM0.8 bilion (2021: RM 6.1 bilion; 2022: RM1.0 bilion) yang bersamaan 0.04 peratus berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar nominal tahun 2023. Tempat kediaman mengalami kerugian sebanyak RM0.2 bilion (2021: RM 1.6 bilion; 2022: RM0.2 bilion), kenderaan RM22.3 juta (2021: RM 1.0 bilion; 2022: RM18.8 juta), pembuatan RM10.3 juta (2021: RM 0.9 bilion; 2022: RM8.7 juta) dan premis perniagaan RM53.2 juta (2021: RM 0.5 bilion; 2022: RM50.3 juta). Bagi pertanian, ia mengalami kerugian RM0.1 bilion (2021: RM 90.6 juta; 2022: RM0.2 bilion) dan aset awam dan infrastruktur mengalami kerosakan sebanyak RM0.4 bilion (2021: RM2.0 bilion; 2022: RM0.6 bilion).

ii. Kerugian tempat kediaman

Pada tahun 2021, jumlah kerugian tempat kediaman direkodkan bernilai RM1.6 bilion dengan negeri Selangor merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM1.0 bilion diikuti oleh Pahang (RM0.4 bilion) dan Melaka (RM69.7 juta). Seterusnya pada tahun 2022, kerugian telah berkurang kepada RM0.2 bilion dengan nilai tertinggi dicatatkan oleh negeri Terengganu sebanyak RM84.2 juta, diikuti Kelantan (RM44.4 juta) dan Kedah (RM15.3 juta). Bagi tahun berikutnya, kerugian tempat kediaman mencatatkan RM0.2 bilion dengan Johor merekodkan kerugian tertinggi berjumlah RM0.1 bilion, diikuti Kelantan (RM15.4 juta) dan Sabah (RM11.0 juta).

iii. Kerugian kenderaan

Bagi kenderaan pula, pada tahun 2021, jumlah kerugian direkodkan bernilai RM1.0 bilion dengan negeri Selangor merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM0.9 bilion diikuti Pahang (RM78.2 juta) dan Negeri Sembilan (RM18.3 juta). Pada tahun berikutnya, kerugian direkodkan sebanyak RM18.8 juta dengan nilai tertinggi dicatatkan oleh negeri Kedah (RM11.5 juta), diikuti Terengganu (RM3.4 juta) dan Kelantan (RM2.0 juta). Seterusnya pada tahun 2023, kerugian kenderaan meningkat kepada RM22.3 juta dengan Johor merekodkan kerugian tertinggi yang berjumlah RM15.9 juta, diikuti Selangor (RM1.8 juta) dan Sabah (RM1.6 juta).

iv. Kerugian sektor pembuatan

Dari segi kerosakan sektor pembuatan, pada tahun 2021, jumlah kerugian direkodkan bernilai RM0.9 bilion dengan negeri Selangor merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM0.9 bilion, diikuti oleh Pahang (RM5.6 juta) dan Negeri Sembilan (RM1.2 juta). Manakala pada tahun 2022, kerugian yang direkodkan telah berkurang kepada RM8.7 juta dengan

nilai tertinggi dicatatkan oleh negeri Terengganu (RM7.1 juta), diikuti Kelantan (RM1.2 juta) dan Sabah (RM0.3 juta). Pada tahun berikutnya, kerugian sektor pembuatan mencatatkan RM10.3 juta.

v. Kerugian premis perniagaan

Seterusnya dari segi kerosakan premis perniagaan, jumlah kerugian direkodkan pada tahun 2021 bernilai RM0.5 bilion dengan negeri Selangor merekodkan kerugian tertinggi sebanyak RM0.4 bilion, diikuti Pahang (RM83.8 juta) dan Johor (RM13.8 juta). Pada tahun berikutnya, kerugian direkodkan sebanyak RM50.3 juta dengan nilai tertinggi dicatatkan oleh negeri Terengganu (RM25.3 juta), diikuti Kelantan (RM18.3 juta) dan Kedah (RM2.8 juta). Seterusnya pada tahun 2023, kerugian premis perniagaan meningkat kepada RM53.2 juta dengan Johor merekodkan kerugian tertinggi berjumlah RM29.8 juta, diikuti Kelantan (RM19.8 juta) dan Terengganu (RM2.9 juta).

vi. Kerugian pertanian

Bagi pertanian, pada tahun 2021, jumlah kerugian direkodkan bernilai RM90.6 juta dan RM0.2 bilion pada tahun berikutnya. Pada tahun 2023, kerugian pertanian direkodkan bernilai RM0.1 bilion dengan nilai tertinggi dicatatkan oleh negeri Kelantan (RM52.5 juta), diikuti Terengganu (RM31.3 juta) dan Johor (RM25.2 juta).

vii. Kerugian Infrastruktur

Dari segi infrastruktur, nilai kerugian direkodkan berjumlah RM2.0 bilion pada tahun 2021, diikuti RM0.6 bilion (2022) dan RM0.4 bilion (2023). Pada tahun 2023, kerugian yang tertinggi dicatatkan oleh negeri Johor (RM71.8 juta), Pahang (RM63.4 juta) dan Kelantan (RM51.5 juta).

Data penilaian *cost-benefit analysis* (CBA) yang dapat membandingkan kos akibat bencana terhadap kerugian langsung dan tidak langsung, dengan kos perbelanjaan mitigasi mencegah bencana

Tuan Yang di-Pertua,

8. Berkenaan dengan CBA, NADMA mengambil maklum akan keperluan terhadap analisis kos-faedah terutama bagi melihat sejauh mana keberkesanan pelaburan dalam pencegahan dan mitigasi dapat mengurangkan impak bencana terhadap negara. Dalam hal ini, usaha pengayaan data kerosakan dan kerugian dalam tempoh ini meliputi semua sektor akan membekalkan maklumat untuk analisis CBA yang lebih baik dan tepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha menjadikan Sungai Perlis satu tarikan pelancongan dengan mengadakan aktiviti berkayak dan aktiviti-aktiviti air yang lain sempena Tahun Melawat Perlis 2024 - 2025.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia komited dalam mempromosikan sektor pelancongan domestik secara berterusan bagi memastikan pertumbuhan industri pelancongan domestik terus positif.

2. Antara usaha-usaha yang diambil oleh MOTAC melalui agensinya Tourism Malaysia bagi menjadikan Sungai Perlis sebagai satu tarikan pelancongan sempena Tahun Melawat Perlis 2024 – 2025 adalah seperti berikut:

- 2.1 Mengadakan program lawatan suai kenal '*Perlis, The Untold Story*' pada 16-19 Mei 2024 yang melibatkan agensi-agensi pelancongan dan media dari Wilayah Utara dan Tengah Malaysia dalam mengenali pelbagai kegiatan seni, budaya dan warisan di negeri Perlis. Menerusi program ini, peserta dibawa melawat serta merasai sendiri produk-produk kebudayaan tempatan dan seterusnya menterjemahkan pengalaman mereka dalam bentuk artikel bergambar, video dan kandungan media sosial bagi mempromosikan produk pelancongan kepada umum menerusi platform masing-masing;
- 2.2 Di samping itu, informasi menarik mengenai aktiviti berkayak dan aktiviti-aktiviti air bukan sahaja dimasukkan di dalam risalah pelancongan Tourism Malaysia malah ia juga dimuatkan di dalam laman sesawang Kerajaan Negeri dan media sosial yang boleh diakses oleh semua;
- 2.3 Memasukkan acara-acara aktiviti air negeri yang berpotensi di dalam kalendar digital acara & perayaan Malaysia untuk dipromosikan ke peringkat domestik dan

antarabangsa;

- 2.4 Bekerjasama dengan *Key Social Media Influencers / Key Opinion Leaders* yang aktif di pasaran domestik dan antarabangsa bagi mempromosikan aktiviti air di Perlis melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Youtube, X dan TikTok. Kepentingan *trend* ini dilihat sebagai satu keperluan dalam melonjakkan publisiti produk pelancongan tempatan khususnya Negeri Perlis sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025; dan
- 2.5 Bekerjasama dengan persatuan pemandu pelancong dalam menghasilkan pakej jejak warisan di sekitar Kangar termasuklah Sungai Perlis.
- 2.6 Penyebaran maklumat pelancongan negeri yang lebih meluas terutamanya secara atas talian di laman sesawang www.malaysia.travel, media sosial rasmi Tourism Malaysia, influencers serta e-brochure.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan:**

(a) adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan sebuah data hub percuma bagi kajian yang telah dikeluarkan oleh mana-mana Agensi dan Kementerian di Malaysia; dan

(b) apakah jangka masa sebelum data hub tersebut dapat digunakan oleh umum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, selari dengan revolusi digital dan inovasi teknologi, MOSTI sentiasa mengutamakan kepentingan perkongsian dan akses terbuka kepada data dan maklumat saintifik seperti yang digariskan dalam Dasar Sains, Teknologi, dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, sebagai tunjang dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030. Selaras dengan matlamat DSTIN, MOSTI secara aktif menerapkan inisiatif perkongsian data strategik sains, teknologi dan inovasi (STI) melalui beberapa platform yang telah dibangunkan antaranya adalah platform *Knowledge Resources Science and Technology Excellent, Malaysia* (KRSTE.my).

KRSTE.my direka khusus sebagai *Single Point Access Facilities* (SPAF) yang menyediakan akses terbuka kepada data dan maklumat STI strategik yang merangkumi maklumat organisasi, modal insan, kemudahan dan peralatan, senarai produk STI yang berpotensi untuk dikomersialkan dan data projek penyelidikan STI.

KRSTE.my juga mengandungi data dan statistik daripada kajian-kajian STI yang dijalankan secara berkala oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), MOSTI seperti Kajian R&D Kebangsaan, Kajian Inovasi Kebangsaan, Kajian Kesedaran Awam Mengenai STI, Kajian Bibliometrik dan Laporan Petunjuk STI. Semua data dan maklumat STI yang terkandung dalam pangkalan data ini tersedia kepada orang awam secara terbuka dan percuma.

Sehingga Jun 2024, sebanyak 50,337 rekod data dan maklumat STI dalam KRSTE.my telah dikongsikan kepada pengguna umum dan sejumlah 24,799 individu telah mendaftar sebagai pengguna KRSTE.my.

SOALAN NO : 61

Platform kolaborasi MOSTI juga telah dibangunkan di dalam portal KRSTE.my untuk penyelidik dan industri mendapatkan maklumat komprehensif berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan di Malaysia serta membantu mencipta peluang kolaborasi strategik berhubung bidang yang berpotensi ke arah penciptaan teknologi dan inovasi baharu. Pembangunan platform ini melibatkan adaptasi teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) bagi memastikan perkongsian data dan akses kepada maklumat STI yang bermakna serta komprehensif kepada semua pihak berkepentingan.

Data dan maklumat yang dipaparkan menerusi platform kolaborasi ini merupakan gabungan data strategik STI dari KRSTE.my, pangkalan data MyMOHES di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan juga sistem *Big Data* MOSTI yang merangkumi maklumat tentang pelbagai projek R&D di bawah MOSTI. Sehingga kini, platform kolaborasi ini mengandungi data penyelidikan yang melibatkan sekurang-kurangnya 50,000 projek penyelidikan daripada MOSTI, KPT dan pelbagai institusi penyelidikan lain

Selain itu, Malaysian Open Science Platform (MOSP) juga merupakan salah satu inisiatif utama dalam Pelan Strategik MOSTI 2021-2025 yang bertujuan menjadikan data penyelidikan Malaysia sebagai aset negara dengan membangunkan platform yang mematuhi prinsip FAIR (*findable, accessible, interoperable, reusable*). Platform MOSP menghimpunkan data penyelidikan dari lima (5) universiti penyelidikan tempatan iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Platform ini juga berkongsi data penyelidikan dari sistem RADARS (Raw Data for Research and Sciences), MOSTI dan Portal Data Terbuka Sektor Awam yang dikelola oleh Kementerian Digital melalui penggunaan Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API).

Sehingga kini, sejumlah 2,319 set data penyelidikan telah tersedia dalam MOSP untuk capaian umum secara percuma. Sebagai langkah ke hadapan, MOSP kini sedang bergerak ke arah menghubungkan lebih

SOALAN NO : 61

banyak repositori seperti Sistem Maklumat Biodiversiti Malaysia (MyBIS) dan Sistem Repositori Data Institut Kesihatan Kebangsaan. Platform perkongsian ini dijangka dapat meningkatkan capaian dan aktiviti perkongsian data penyelidikan negara serta meningkatkan kerjasama penyelidik tempatan dalam memberikan penyelesaian berteraskan sains, teknologi, dan inovasi untuk negara.

MOSTI memerlukan jalinan kerjasama erat daripada semua Agensi dan Kementerian yang terlibat dengan aktiviti R&D dan STI untuk berkongsi data dalam platform sedia ada yang telah dibangunkan bagi memastikan kolaborasi dalam penyelidikan dapat diperkukuhkan dan mencipta inovasi yang melonjak kepada pembangunan teknologi di Malaysia pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju jangka masa panjang Kerajaan terhadap FELDA dan apakah status terkini pelaksanaan kertas putih FELDA.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan komited untuk mengambil tindakan susulan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan pemulihan FELDA. Ini termasuk memantau pelaksanaan pelan pemulihan FELDA pada setiap suku tahun melalui Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Keberkesanan Pelan Pemulihan FELDA. Selain itu, pihak Kerajaan sedang meneliti pelan hala tuju jangka masa panjang yang komprehensif untuk memastikan kemampuan dan kelestarian FELDA.

Bagi status terkini pelaksanaan Kertas Putih FELDA, terdapat 24 inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan. Antara inisiatif yang telah selesai dilaksanakan termasuklah:

- i. Pelupusan faedah pinjaman peneroka berjumlah RM2 bilion;

SOALAN NO : 62

- ii. Pelupusan pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil berjumlah RM480 juta;
- iii. Pelantikan pengurusan FELDA dikalangan profesional;
- iv. Penstrukturan semula syarikat dan pelaburan;
- v. Pelupusan aset dan penamatan syarikat tidak aktif
- vi. Model pengurusan ladang melalui pengukuhan koperasi dan FELDA Technoplant (FTP) yang dijenamakan semula kepada Felda Plantation Management (FPM).
- vii. Penggunaan teknologi pertanian terkini seperti aplikasi *Smart Plantation Management Solutions* (SPMS) dan penggunaan mekanisasi.
- viii. Pelaksanaan usahasama dengan agensi pertanian dan pemain industri bagi pembangunan Manual Pengurusan Ladang Lestari dan program latihan *Cadet Planters*.

Selain itu, terdapat beberapa inisiatif lain Kertas Putih FELDA yang sedang dilaksanakan merangkumi :

- i. Meneruskan tindakan terhadap kes salahlaku dan pelanggaran integriti;
- ii. Menyiapkan Projek Perumahan Generasi Baharu (PGBF) yang mempunyai tahap kemajuan kerja melebihi 70%;
- iii. Penstrukturan sistem peneroka dan penambahbaikan data maklumat peneroka melalui Projek RISE;
- iv. Penjanaan pendapatan tambahan peneroka melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP);

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai lonjakan lebih sejuta aktiviti scam menerusi panggilan telefon pada 2023 dan sejauh manakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani isu yang kian berleluasa ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Respons Penipuan Kebangsaan, National Scam Response Centre (NSRC) yang ditubuhkan pada Oktober 2022 berfungsi sebagai satu pusat respons pantas setempat yang boleh dihubungi melalui panggilan pantas 997. NSRC beroperasi dari pukul 8 pagi sehingga 8 malam pada setiap hari.

2. Semenjak penubuhan dan pengoperasian NSRC, sebanyak 95,094 panggilan telah diterima oleh NSRC sehingga Mei 2024. Panggilan yang diterima adalah merangkumi laporan kes-kes penipuan dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Oleh itu, lonjakan lebih sejuta aktiviti scam

menerusi panggilan telefon pada 2023 adalah tidak benar dan tidak direkodkan melalui NSRC.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil serius akan peningkatan kes berkaitan jenayah penipuan sama ada secara talian atau sebaliknya. Oleh itu, dalam memerangi jenayah *scam*, Kerajaan sentiasa komited dan akan mengambil semua tindakan serta langkah yang wajar dan perlu dalam membasmi jenayah ini. Antara tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi menangani isu yang kian berleluasa ini adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan NSRC merupakan gabungan sumber serta kepakaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre – NFCC*), serta disokong oleh pihak institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.
- (ii) Selain itu, pihak PDRM telah mewujudkan laman web *Semak Mule* bagi kemudahan orang awam membuat semakan ke atas akaun bank dan nombor telefon yang pernah ada laporan polis atau terlibat dengan siasatan pihak polis. Dalam pada itu juga, menerusi NSRC, setakat Mei 2024, sebanyak 10,649 kertas siasatan telah dibuka oleh PDRM bagi kesalahan penipuan di bawah seksyen 420 tersebut. Manakala 74 kertas siasatan bagi kesalahan pengubahan wang haram telah dibuka melibatkan pembekuan 637 akaun berjumlah RM72.38 juta;
- (iii) SKMM telah mengambil tindakan sekatan nombor telefon yang digunakan oleh *scammers*. Setakat Mei 2024, sebanyak 131 nombor talian telah ditamatkan kerana terlibat dengan aktiviti penipuan dan 112 nombor talian yang meragukan telah disekat;
- (iv) Dalam menangani isu jenayah *scam* ini juga, pihak BNM turut memainkan peranan dari segi langkah pencegahan dan inisiatif kesedaran awam seperti menetapkan keperluan bank-bank

memastikan kawalan dan standard keselamatan mereka sentiasa berada pada tahap tertinggi pada setiap masa terutamanya bagi perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih. Antara tindakan tersebut termasuklah pengenalan dengan izin *kill switch* dan pendaftaran satu peranti sahaja untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian; dan

- (v) BNM dengan kerjasama PayNet serta sektor kewangan telah mengoperasikan Portal Fraud Kebangsaan (*National Fraud Portal – NFP*) yang berkebolehan untuk memudahkan automasi penjejakan dana, mempercepat tempoh pengesanan pembekuan dan pemulangan dana.
- (vi) BNM dengan kerjasama pihak institusi perbankan, berdasarkan panggilan yang diterima oleh pihak NSRC, dan siasatan lanjut oleh pihak PDRM telah mengenal pasti akaun-akaun bank keldai yang digunakan dalam penyaluran wang haram. Tindakan penyeneraian hitam, sekatan, penyitaan dan penutupan akaun-akaun keldai tersebut dapat dilaksanakan dan pendakwaan dapat dimulakan ke atas pemilik-pemilik akaun keldai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan memberikan garis masa penyelesaian semakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan skop dan penggunaannya melindungi kebebasan bersuara dan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] telah dimuktamadkan dari segi polisi dan akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat kelulusan Kabinet dan Jabatan Peguam Negara dengan sewajarnya. Dalam hal ini, cadangan pindaan kepada Akta 588 telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui sesi libat urus yang telah diadakan.

Berhubung hak kebebasan bersuara yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Artikel 10(2) Perlembagaan Persekutuan membenarkan Parlimen, melalui undang-undang, mengenakan apa-apa sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat, antara lain, demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral.

Demi mendukung prinsip demokrasi, setiap rakyat bebas untuk menyatakan pendapat dan kritikan, namun ia mempunyai had tertentu selagi mana tidak melanggar undang-undang sedia ada. Dalam hal ini Akta 588 tidak pernah menghadkan seperti yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan selagi mana penggunaan media elektronik tersebut tidak melanggar peruntukan perundangan, khususnya di bawah peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233 Akta 588.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 [SELASA]

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan susulan yang akan diambil bagi memastikan isu 300 Jemaah Haji Malaysia yang gagal menunaikan ibadah haji ekoran menggunakan visa pelancong baru-baru ini tidak berulang pada tahun-tahun yang akan datang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, urusan haji adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Tabung Haji, sepertimana yang termaktub di bawah Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535]. Seksyen 27, Akta Tabung Haji menyatakan Pengelola Jemaah Haji (PJH) perlu memegang lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH). Ia merupakan suatu kesalahan bagi mana-mana pihak yang tidak memegang lesen sah mengendalikan Jemaah Haji.

2. Berita yang dikatakan 300 jemaah haji Malaysia yang gagal menunaikan ibadah haji ekoran menggunakan visa pelancong baru-baru ini dilaporkan di arus perdana dan media sosial. Walau bagaimanapun, hanya terdapat satu (1) keluarga yang dikesan MOTAC dengan bantuan Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah setelah anak kepada ibu bapa di Mekah meminta bantuan Kerajaan Malaysia untuk membawa kedua-dua ibu bapanya pulang ke Malaysia. MOTAC sedang menjalankan siasatan dan sekiranya terbukti bersalah, MOTAC akan menggantungkan atau membatalkan lesen agensi pengendali umrah tersebut.
3. Manakala jemaah haji yang lain tidak tampil untuk membuat aduan di MOTAC atau LTH atau membuat laporan polis untuk memaklumkan agensi pengendali umrah yang terlibat.
4. Ops Haji 2024 yang diteraju oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan ini dan disertai oleh MOTAC juga belum mengesan jemaah-jemaah yang dikatakan gagal menunaikan ibadah haji ekoran menggunakan visa pelancong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
[BENTONG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kepentingan reformasi Parlimen untuk memastikan proses legislatif adalah terbuka, telus dan bertanggungjawab. Apakah ada sebarang langkah pengukuhan fungsi pengawasan Parlimen Malaysia terhadap cabang eksekutif.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat Parlimen Ke-15 ini, Dewan Rakyat telah menempa sejarah kerana tahap akauntabiliti Badan Eksekutif kepada Dewan Rakyat berada pada tahap tertinggi menerusi keberkesanan urusan Dewan Rakyat, Kamar Khas dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat. Perincian usaha-usaha penambahbaikan mekanisme akauntabiliti Badan Eksekutif terhadap Dewan Rakyat yang dilaksanakan di Parlimen Ke-15 adalah seperti berikut:

- (a) Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri (MQT) bagi hari Selasa dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
- (b) Mesyuarat Kedua pada tahun 2023 telah membahaskan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2021 Siri 2 dan Laporan SUHAKAM yang melibatkan ramai Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri menjawab isu-isu perbahasan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan SUHAKAM tersebut. Pada tahun ini juga kesemua laporan tersebut telah dibahas di Dewan Rakyat.
- (c) Penerangan daripada YB Menteri-menteri termasuk YAB Perdana Menteri juga telah beberapa kali dibuat di Dewan Rakyat bagi menerangkan sesuatu isu dan perkara penting kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.
- (d) Usaha-usaha untuk memperkasakan urusan Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 17 yang mana setiap ahli boleh kemukakan maksimum 2 usul dan ahli dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan untuk setiap usulnya.
- (e) Peluang telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Backbenchers dan Pembangkang untuk turut mempengerusikan Mesyuarat Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 16(5).

(f) Berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan kini skop terma rujukan ataupun (TOR) Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Parlimen Kelima Belas adalah lebih luas berbanding TOR JKPK Parlimen Keempat Belas di mana JKPK kini mempunyai skop TOR yang lebih luas untuk membincangkan semua perkara yang difikirkan sesuai oleh JKPK dan ini termasuk TOR yang merangkumi penglibatan semua kementerian.

2. Usaha-usaha reformasi Parlimen termasuk meningkatkan lagi akauntabiliti Badan Eksekutif terhadap Dewan Rakyat akan terus dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING
[BEAUFORT]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan melalui perluasan pemberian di bawah Sistem Kawalan Subsidi Diesel 2.0 (SKDS 2.0) berapa jumlah syarikat dan kenderaan yang telah berjaya berdaftar dan berapa jumlah peruntukan yang ditanggung oleh Kementerian melalui program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) telah melalui beberapa keputusan sejak awal peluasannya. Pada 13 Mei 2024, SKDS 2.0 telah ditawarkan kepada tambahan 14 jenis pengangkutan barangan menjadikan keseluruhan 33 jenis pengangkutan yang terlibat. Ini termasuk penerima awal SKDS 1.0 iaitu 10 jenis kenderaan pengangkutan awam.

Sehingga 14 Julai 2024, jumlah keseluruhan syarikat yang diluluskan subsidi diesel di bawah SKDS adalah sebanyak 88,183 melibatkan sejumlah 249,091 kenderaan pengangkutan awam dan barangan.

Melalui program ini, Kerajaan masih menanggung kos subsidi diesel yang diberikan secara bersasar kepada kenderaan yang layak dan Kerajaan mensasarkan penjimatan sebanyak RM 4 billion setahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peranan Pelabuhan Tanjung Beruas di Melaka sebagai "Sea Air Cargo Hub" dan sejauh manakah keberkesanan sebagai "Container Feeder Service" ke Pelabuhan Klang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya 'Sea Cargo' adalah merupakan medium pengangkutan bagi kargo-kargo pukal manakala 'Air Cargo' pula adalah medium pengangkutan bagi kargo - kargo yang khususnya bernilai tinggi (*high value cargo*), sensitif dan memerlukan penghantaran yang lebih pantas. Tidak semua jenis kargo atau komoditi sesuai bagi gabungan kedua-dua medium pengangkutan 'Sea-Air Cargo' dan ianya memerlukan banyak penelitian khusus dari sudut prosedur dan undang-undang untuk mengeksport atau mengimport kargo-kargo yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

2. Dalam hubungan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd (TBPSB) iaitu Operator Pelabuhan di Pelabuhan Tanjung Bruas (TBP) buat masa ini tidak mengendalikan sebarang kargo-kargo import atau eksport menggunakan Lapangan Terbang (KLIA, Subang dan Senai). Oleh itu, pada masa kini, TBPSB tidak mempunyai sebarang perancangan bagi menjadikan TBP sebagai 'Sea Air Cargo Hub'.
3. Sebagai pintu masuk utama (*gateway*) import dan eksport kepada Negeri Melaka, TBP mempunyai potensi besar untuk berkembang dan menjadi pelabuhan pelbagai-guna (*multi-purpose*) utama di Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan kawasan utara Negeri Johor.
4. Dalam hubungan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini TBP telah berjaya melancarkan perkhidmatan '*container feeder service*' bagi laluan TBP-PKL-TBP bermula 3 Januari 2024 bersama syarikat perkapalan CMA CGM dengan mensasarkan pengimport dan pengeksport perabot.
5. Pada masa ini, pelanggan utama perkhidmatan tersebut ialah daripada pengilang perabot yang beroperasi di kawasan perindustrian Pagoh, Muar dan akan diluaskan kepada pengilang-pengilang dalam negeri Melaka.
6. Perkhidmatan '*container feeder service*' berkenaan masih di peringkat percubaan selama 6 bulan dengan singgahan kapal dua kali sebulan dan berpotensi untuk ditingkatkan kepada empat singgahan kapal sebulan dengan kapasiti pengendalian 200 TEUs sebulan. Prestasi pengendalian perkhidmatan '*container feeder service*' tersebut bagi tempoh Januari – Mac 2024 telah merekodkan kendalian eksport sebanyak 194 TEUs dan import sebanyak 220 TEUs.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil rundingan Surat Perjanjian Operasi antara Kuala Lumpur dan Pusat Kawalan Kawasan Singapura Mengenai Ketibaan, Keberangkatan dan Penerbangan Singapura 1974 (OLOA 1974) sebagai langkah untuk mengambil alih ruangan udara yang dikawal selia Singapura di kawasan Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan persetujuan YAB Perdana Menteri Malaysia dan rakan sejawatnya semasa sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia–Singapura pada 30 Oktober 2023 di Singapura, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (*Civil Aviation Authority Malaysia* – CAAM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan teknikal dengan *Civil Aviation Authority Singapore* (CAAS) bagi membincangkan cadangan peningkatan kecekapan operasi penerbangan awam bagi laluan Malaysia Timur dan Malaysia Barat. CAAM dan CAAS akan terus mengadakan perbincangan teknikal bagi mencapai satu pemuafakatan bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan memartabatkan Bahasa Melayu secara rasmi sebagai tafsiran autoritatif, eksklusif dan mutlak dalam menafsirkan Perlembagaan Persekutuan di Malaysia tanpa terikat dengan Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua perkataan dalam bahasa Inggeris mempunyai padanan yang tepat dalam bahasa kebangsaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan amat berhati-hati dengan teks terjemahan yang disediakan oleh Jabatan Peguam Negara bagi memastikan terjemahan yang disediakan tersebut benar-benar memenuhi hasrat penggubalan Akta tersebut dalam bahasa Inggeris.

2. Berdasarkan kekangan inilah Kerajaan mengambil pendekatan yang amat berhati-hati berkenaan teks terjemahan Perlembagaan Persekutuan yang telah disediakan oleh Jabatan Peguam Negara. Memandangkan teks bahasa Inggeris Perlembagaan Persekutuan tersebut telah diteliti dan dimuktamadkan di England oleh Office of the Parliamentary Counsel United Kingdom bagi memastikan tiada "ambiguity" (kekaburan/kesamaran) dan "inconsistencies" (ketidakselarasan) dalam Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara telah menterjemah setiap patah perkataan dalam Perlembagaan Persekutuan sejajar dan selaras dengan teks bahasa Inggeris Perlembagaan Persekutuan. Setiap padanan adalah padanan yang telah dipilih dengan berhati-hati berdasarkan teks asal bahasa Inggeris dan teks terjemahan tersebut kini digunakan secara meluas oleh pengamal undang-undang dan masyarakat secara umumnya.

3. Dengan adanya teks terjemahan tersebut Perlembagaan Persekutuan boleh dibaca oleh semua lapisan masyarakat dan tidak hanya pengamal undang-undang sahaja. Ia merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memastikan undang-undang tertinggi negara tersebut difahami dengan lebih mudah oleh semua rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan:**

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam membangunkan Kepala Batas sebagai pusat eko-pelancongan; dan
- (b) apakah perancangan limpahan sosial dan ekonomi untuk penduduk setempat hasil dari pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha merencanakan segmen ekopelancongan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2.0 di bawah Dasar Pelancongan Negara 2020-2030. Menerusi pelan ini, MOTAC telah mengenalpasti pelancongan desa atau luar bandar (*rural tourism*) sebagai salah satu segmen pelancongan yang menyumbang kepada ekonomi setempat, menerusi aktiviti-aktiviti seperti homestay, kampungstay, perusahaan kraftangan, pemprosesan makanan, agropelancongan, ekopelancongan dan sebagainya.

2. MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan permohonan produk pelancongan baharu terutamanya yang berkonsepkan ekopelancongan. Walau bagaimanapun, saya mohon agar Ahli Yang Berhormat dapat berbincang terlebih dahulu dengan pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan destinasi pelancongan yang dicadangkan adalah seiring dengan keutamaan Kerajaan Negeri.

3. Manakala, bagi Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah yang sedang disiapkan, ia akan menjadi salah satu tarikan utama bagi produk arkeo-pelancongan di negara ini. Galeri tersebut akan mempamerkan kesemua artifak dan rangka Guar Kepah bagi memartabatkan warisan sejarah negeri Pulau Pinang. Antaranya adalah rangka manusia Guar Kepah yang dikenali sebagai "Penang Woman" yang berusia lebih 5,000 tahun akan menjadi bahan pameran utama di galeri ini. Ia juga akan dijadikan sebagai pusat informasi mengenai arkeologi Malaysia yang baharu di kawasan Utara Semenanjung tanah air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status semasa pembelian Rolling Stock KTMB yang diperuntukkan bajet secara tahunan, adakah ianya sudah digunakan di mana-mana ETS ataupun masih lagi dalam proses tender.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perolehan bagi projek *The Design, Manufacture, Delivery And Testing And Commissioning of Ten (10) Sets of 6-Car Intercity Electric Multiple Unit (EMU)* ataupun lebih dikenali sebagai ETS 3 telah dianugerahkan (*award*) kepada kontraktor yang berjaya. Status semasa projek adalah sedang di peringkat pembuatan tren dan dijangka tren pertama dan kedua akan tiba di Malaysia pada suku ketiga tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah cadangan Kementerian bagi menggalakkan pelancong tempatan menikmati keindahan negeri Perlis dan Kedah sebelum mereka meneruskan perjalanan ke negara jiran iaitu Thailand sebab berdasarkan trend terkini kebanyakan pelancong Malaysia terus masuk dan menginap di negara Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia komited dalam mempromosikan sektor pelancongan domestik secara berterusan bagi memastikan pertumbuhan industri pelancongan domestik terus positif.
2. Cadangan Kementerian bagi menggalakkan pelancong tempatan menikmati keindahan negeri Perlis dan Kedah sebelum mereka meneruskan perjalanan ke negara jiran iaitu Thailand ialah:
 - i) Melaksanakan program lawatan suai kenal dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan dari dalam dan luar negara untuk meninjau produk pelancongan yang sedia ada dan terbaru di Negeri Perlis dan Kedah supaya publisiti yang meluas dapat ditonjolkan dan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian dapat dibangunkan;
 - ii) Antara program-program yang dianjurkan ialah *Healing In The Northern Region, Perlis, The Untold Story, Northern Region Fruits Galore, Coffee Trail In Northern Region* serta *Refreshing Langkawi 99 Magical Island* dalam membangunkan pakej yang lebih menarik kepada pelancong yang memberi penekanan kepada destinasi di Wilayah Utara khususnya Kedah dan Perlis;
 - iii) Melaksanakan kempen promosi yang menyasarkan pelancong tempatan melalui platform media sosial, laman web, dan aplikasi pelancongan serta menggunakan *influencer* dan *vlogger* untuk mempromosikan destinasi di Perlis dan Kedah;
 - iv) Merangka kerjasama dengan syarikat pengangkutan awam darat dan penerbangan tempatan serta persatuan-persatuan berkaitan pelancongan melalui rebat baucar dan potongan diskaun yang

bersesuaian;

- v) Menjemput agensi-agensi pelancongan dari Negeri Perlis dan Kedah dalam menyertai pameran pelancongan di seluruh Malaysia seperti MATTA Fair dan Karnival Jom Cuti-Cuti Malaysia di bawah payung Tourism Malaysia untuk mempromosi pakej-pakej pelancongan sekitar Negeri Kedah dan Perlis bagi pasaran domestik; dan
- vi) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dan Kedah dalam mempromosikan acara dan produk pelancongan khususnya sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025 dan Tahun Melawat Kedah 2025

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHIEW CHOON MAN
[MIRI]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kaedah, syarat dan jenis geran atau sokongan yang terdapat daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak bagi sesebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang ingin menubuhkan satu pusat penjagaan OKU dan warga emas terabai di Miri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada menyalurkan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau lebih dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan, dan pemulihan kepada kumpulan sasaran JKM iaitu warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak.
2. PSK yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan boleh membuat permohonan Bantuan Kewangan Kerajaan ini secara terus dengan JKM. Antara bantuan yang boleh dimohon oleh PSK dalam hal ini termasuklah Geran Rangsum (makan minum), Geran Pentadbiran, Elaun Khas Murid OKU, Geran Perkapita dan Geran Pembaikan.
3. Pemberian bantuan ini bukanlah untuk menanggung sepenuhnya kos operasi, tetapi ia adalah untuk meringankan beban PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran JKM. Setiap pertimbangan kelulusan Bantuan Kewangan Kerajaan turut mengambil kira kemampuan kewangan PSK dari segi jumlah aset semasa, pendapatan dan perbelanjaan mereka. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.
4. Di samping itu, JKM telah membangunkan sistem e-Komuniti iaitu satu platform dalam talian yang bertujuan untuk menggalakkan pewujudan masyarakat penyayang dan merealisasikan "Kebajikan Tanggungjawab Bersama" dalam kalangan masyarakat. Ia menyediakan satu platform mengenai maklumat keperluan PSK dan membolehkan mana-mana pihak yang berhasrat melakukan Tanggungjawab Sosial Korporat atau memberi sumbangan untuk membantu golongan yang berkeperluan, mengetahui keperluan sebenar yang disenaraikan oleh PSK, dan seterusnya memberi sumbangan yang bersesuaian dan menepati keperluan PSK melalui kaedah suai padan

(matching). Mana-mana PSK boleh mendaftar sebagai pengguna untuk akses masuk ke dalam sistem e-Komuniti ini.

5. Pada masa yang sama, PSK perlu lebih kreatif dan mengambil inisiatif untuk menjana pendapatan yang lain bagi mengurangkan kadar kebergantungan kepada bantuan daripada Kerajaan semata-mata. Justeru, kebersamaan semua pihak, termasuklah Kerajaan Negeri, pihak swasta, komuniti mahupun individu adalah diseru untuk turut bersama memastikan kesinambungan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh PSK ini dapat terus diakses oleh kumpulan sasaran.

6. KPWKM ingin menegaskan bahawa KPWKM percaya dengan pendirian yang menekankan prinsip “Penjagaan Berasaskan Keluarga” (*Family-Based Care*) dan konsep “Penuaan Setempat” (*Aging-in-Place*), di mana OKU dan warga emas tinggal di rumah mereka sendiri. Melalui Dasar Warga Emas Negara, Kerajaan berusaha menyokong anak-anak atau keluarga dalam menjaga ibu bapa di tempat mereka demi meningkatkan kualiti hidup OKU dan warga emas. Antaranya adalah melalui penyaluran bantuan kewangan kebajikan seperti Bantuan Warga Emas dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini cadangan menaik taraf lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu kepada Lapangan Terbang Antarabangsa sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) kini sedang giat dilaksanakan. Fasa Pertama melibatkan kerja-kerja pembinaan telah siap pada 30 April 2024 diikuti dengan Fasa Kedua yang dijangkakan selesai pada 26 Januari 2025. Apabila projek ini siap sepenuhnya, maka terminal baharu LTSIP akan dapat menampung kapasiti sehingga 4 juta penumpang setiap tahun atau 4 mppa (*million passenger per anum* - mppa).
2. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 2 Mei 2024, Kementerian Pengangkutan (MOT) juga sedang meneliti skop teknikal dan anggaran kos bagi melaksanakan pemanjangan landasan di

LTSIP dengan tambahan sebanyak 400 meter, menjadikan keseluruhan landasan sejauh 2,800 meter. Pemanjangan ini kelak akan membolehkan LTSIP menampung sepenuhnya operasi pesawat dengan Kod 3C seperti Boeing 737-Max dan Airbus 321 Neo dengan jarak perjalanan sehingga lima jam. Projek ini dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan.

4. Dengan pelaksanaan projek naik taraf serta pemanjangan landasan ini kelak akan memberikan keselesaan kepada para penumpang serta membolehkan lapangan terbang ini mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa seperti Lapangan Terbang Kuantan dan Ipoh yang mempunyai penerbangan ke Singapura.

5. Dalam hubungan ini, sebarang cadangan untuk menyedia dan menambah kekerapan jadual penerbangan bagi mana-mana laluan termasuk laluan ke LTSIP bagi penerbangan domestik atau antarabangsa adalah merupakan perancangan yang ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan *commercial viability* sesuatu laluan dan tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), sebelum ia dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status penukaran status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri dan apakah implikasi kewangan terhadap Sarawak dan Kerajaan Persekutuan hasil dari pengambilalihan pengurusan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak telah ditandatangani pada 22 Mac 2024 bagi pelaksanaan tindakan-tindakan sewajarnya untuk menukar status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan Kepada Pelabuhan Negeri Sarawak.

2. Melalui Memorandum tersebut, telah diwujudkan tiga peringkat Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas yang akan dipengerusikan secara bersama oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh itu, melalui jawatankuasa-jawatankuasa tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak pada ketika ini sedang aktif melaksanakan tindakan-tindakan yang sewajarnya dalam meneliti perkara-perkara berkaitan perundangan, kewangan dan pengurusan di Pelabuhan Bintulu untuk tujuan penyerahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pelan khusus Kementerian dalam menangani insiden penyeludupan diesel secara terancang di seluruh negara mengambil kira penyelarasan subsidi bahan api diesel yang bakal dilaksanakan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil serius berhubung insiden penyeludupan diesel secara terancang di negara ini. Ini kerana, jenayah penyeludupan bahan api itu adalah penyakit yang boleh merosakkan ekonomi serta merugikan negara jika tidak dikawal. Antara faktor yang mendorong aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi ini adalah disebabkan permintaan yang tinggi di sektor industri di dalam negara dan juga dari negara jiran di samping penetapan harga bagi diesel bersubsidi yang diberikan secara pukal oleh kerajaan mendorong kearah kegiatan ini.

Sehubungan itu, KPDN sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha menambah baik tatakelola kawalan berterusan ke atas penjualan dan pengedaran barang kawalan bersubsidi bagi membendung

penyelewengan dan memastikan bekalannya sentiasa dapat dinikmati oleh rakyat. Bagi kawalan secara perundangan, KPDM mengambil tindakan dari segi pencegahan dan juga tindakan penguatkuasaan.

Antara tindakan pencegahan bagi melengkapkan kawalan melalui pelesenan adalah Pelaksanaan Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan Penjualan Petrol RON95 dan Diesel Kepada Kenderaan Asing di Stesen Minyak Di Sempadan telah dikuatkuasakan dan sentiasa ditambahbaik berdasarkan situasi semasa.

Pada 17 Jun 2022 juga, Arahan Pengawal Bekalan telah ditambahbaik kepada pemegang lesen runcit bagi pengusaha stesen minyak dengan ketetapan berikut:

1. Dibenarkan menjual diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing tidak melebihi daripada 20 liter dengan sekali transaksi sahaja dalam sehari (pengusaha stesen minyak dalam jarak 50km dari pintu sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia- Singapura/ 30km dari pintu sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei);
2. Dibenarkan menjual diesel kepada kenderaan (komersil) bernombor pendaftaran Malaysia tidak lebih daripada 250 liter dengan sekali transaksi sahaja dalam sehari ke dalam tangki asal kenderaan sahaja; dan
3. Dilarang menjual Petrol dan diesel melebihi 20 liter dengan menggunakan drum, tong plastik atau apa-apa bekas kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan selaras dengan Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021.

Walaupun penyasaran subsidi telah mula dilaksanakan pada 10 Jun 2024 di Semenanjung Malaysia tetapi Arahan Pengawal Bekalan terhadap stesen minyak tetap diteruskan mengambilkira subsidi petrol RON95 masih dikekalkan dan masih ada golongan yang layak mendapat subsidi diesel bersasar melalui Sistem Kawalan Diesel Subsidi 1.0 dan 2.0 serta subsidi e-nelayan.

KPDN mempergiatkan lagi tindakan melalui OPS TIRIS yang dilaksanakan sejak 1 Mac 2023. Ops ini difokuskan kepada usaha untuk membanteras penyelewengan minyak diesel bersubsidi. KPDN juga mengadakan tindakan melalui task force bersama agensi melalui Jawatankuasa Teknikal OPS TIRIS yang dianggotai bersama agensi penguatkuasaan dan agensi yang menguruskan subsidi diesel.

Tindakan mengawalselia operasi stesen-stesen minyak di negeri bersempadan dengan pelaksanaan Buku Lawatan dan Peti Lawatan yang telah dilaksanakan sejak Tahun 2021. Di samping menempatkan pegawai secara statik di stesen minyak terpilih untuk mengekang salah laku ini. Malah, turut diadakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Pasukan Polis Marin, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan serta lain-lain agensi bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan lebih holistik dan efisien.

Kementerian juga mengambil inisiatif dengan melaksanakan penugasan Pegawai Penguat Kuasa KPDN di lapan lokasi pintu masuk sempadan Negara iaitu Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan sehingga penubuhan Malaysia Checkpoints and Border Agency (MCBA) bagi membanteras ketirisan dan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan bersubsidi. Operasi penguatkuasaan ini merangkumi tiga akta yang dikawal selia KPDN iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Penghasilan tindakan kes keatas premis berkenaan juga disusulkan dengan pengesyorkan tindakan penggantungan dan pembatalan lesen CSA stesen minyak yg terbabit dengan aktiviti penyelewengan petrol dan diesel.

Susulan dari hukuman dari kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, tindakan mengenakan undang-undang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) kepada pihak yang terbabit dengan aktiviti penyelewengan khasnya barang kawalan bersubsidi. Sehingga November tahun 2023, sebanyak RM2.1 juta aset syarikat berkaitan telah dibekukan bagi siasatan kes di bawah AMLA.

NO SOALAN : 77

Disamping itu, KPDN juga telah melaksanakan larangan eksport bagi barang bersubsidi seperti tepung gandum, gas petroleum cecair, Petrol RON95, diesel serta minyak masak sawit tulen polibeg bagi mengekang ketirisan barang bersubsidi di sempadan negara.

Kerajaan secara berterusan melakukan pemeriksaan dan mengambil tindakan berkaitan kesalahan penyeludupan barang kawalan bersubsidi di sempadan.

Pelanggaran syarat lesen serta Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peraturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, boleh dikenakan denda bagi individu iaitu tidak melebihi sejuta Ringgit Malaysia atau penjara tidak lebih tiga (3) tahun atau kedua-duanya. Bagi syarikat denda tidak melebihi dua juta ringgit dan bagi kesalahan kedua, denda tidak melebihi lima juta ringgit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' AZMAN BIN NASRUDIN**
[PADANG SERAI]
TARIKH : **16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan Kementerian dalam menangani miskin tegar bandar yang terdapat di Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur dan menyatakan berapa jumlah angka yang sebenar.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah melaksanakan pelbagai langkah menangani kemiskinan tegar melalui pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*) di Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) berpandukan kepada kerangka baharu Program Usaha Jaya Insan Wilayah Persekutuan (PUJI@WP) mulai 22 Februari 2024.

2. Konsep yang melibatkan kerjasama pihak berkepentingan (*stakeholders*) dari kalangan Yayasan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan agensi-agensi lain ini adalah terdiri daripada enam (6) inisiatif utama seperti berikut:-

- i. Upaya@PUJI;
- ii. Ihsan@PUJI;
- iii. Lindung@PUJI;
- iv. Ilmu@PUJI;
- v. Sihat@PUJI; dan
- vi. Infra@PUJI.

3. Di bawah PUJI@WP, fokus utama adalah kepada dua (2) kategori iaitu golongan miskin tegar yang tidak produktif (berumur 60 tahun ke atas dan berumur 18 tahun ke bawah) melalui penyelarasan bantuan yang berkelayakan secara berterusan daripada agensi pemberi bantuan, manakala bagi golongan miskin tegar yang produktif (berumur 19 tahun hingga 59 tahun) akan dikenal pasti untuk dilibatkan di dalam program/aktiviti pendayaupayaan dan penjana pendapatan yang berterusan agar terkeluar daripada status miskin tegar masing-masing.

4. Program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan JWP di WP sebagai pemangkin kepada pencapaian kemampuan sosio ekonomi di masa hadapan adalah seperti:

- i. Program Basmi Miskin Tegar (iBMT) bersama Kementerian Ekonomi (KE) meliputi seramai 132 KIR bagi fasa I dan 531 KIR bagi fasa II;
- ii. Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Wilayah Persekutuan Usahasama antara JWP, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melibatkan seramai 83 KIR
- iii. Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Wilayah Persekutuan melalui Kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Insititut Agro Usahawan (iGROW) melibatkan seramai 350 KIR;
- iv. Program *Community Based Cloud Kitchen* bersama *Pepper Labs* melibatkan permulaan seramai 50 KIR;
- v. Program *Train & Place* bersama PERKESO melibatkan seramai 100 KIR; dan
- vi. Sumbangan sosial korporat bersama syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

5. Berdasarkan usaha ini, data terkini kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan sehingga 31 Mei 2024 menunjukkan penurunan yang amat memberangsangkan daripada data yang dikunci semula (*relocked figure*) pada 31 Januari 2024 yang mana hanya berbaki seramai 195 KIR MT sahaja berbanding 1,524 KIR (penurunan sebanyak 87.2%) yang akan dinoktahkan menjelang bulan Jun 2024. Perincian terkini komposisi miskin tegar di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:-

- i. WP Kuala Lumpur – 187 KIR;
- ii. WP Labuan – 8 KIR; dan
- iii. WP Putrajaya – 0 KIR.

6. Data *relocked figure* bermaksud data yang telah dikunci semula daripada data dinamik pada sesuatu tarikh tertentu seperti dalam jawapan ini adalah pada 31 Januari 2024. Sebagaimana diketahui umum bahawa data kemiskinan eKasih merupakan data yang sentiasa berubah-ubah (dinamik) dan disebabkan itu data ini perlu dikunci (*locked*) kali pertama pada 22 Mac 2022 dan dikunci semula (*relocked*) pada 31 Januari 2024 bagi membolehkan usaha menoktahkan kemiskinan tegar difokuskan kepada suatu angka sasaran semasa yang tetap. Antara faktor-faktor yang menyebabkan data dinamik adalah proses bancian semula yang dibuat secara konsisten dan berkala,

permohonan baharu eKasih, kelewatan proses sambungan bantuan bertempoh dan tahap integriti maklumat yang diperolehi daripada KIR.

7. Sesungguhnya, JWP bersama agensinya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar secara konsisten serta memangkin kemampuan sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan secara inklusif dan terangkum agar agihan kekayaan negara dinikmati secara adil dan saksama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kebajikan dan perlindungan sosial bagi golongan miskin yang terpinggir sama ada di kawasan bandar dan luar bandar; dan
- (b) berapa ramai pegawai kebajikan yang terlibat dan bilangan penerima bantuan JKM yang telah berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan kebajikan dan perlindungan sosial kepada kumpulan sasar yang terpinggir sama ada di kawasan bandar dan luar bandar sentiasa terpelihara.
2. Antara langkah dan inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu golongan tersebut termasuklah menyemak kadar bagi skim-skim bantuan JKM dari semasa ke semasa ke semasa. Kadar untuk beberapa skim bantuan kebajikan telah dinaikkan pada 2021 melibatkan antaranya Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dan Bantuan Warga Emas (BWE). Pada tahun 2024 pula, kadar elaun pelatih OKU yang mengikuti program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah dinaikkan RM150 kepada RM300.
3. Selain kadar bantuan, penetapan hak kelayakan juga disemak bagi memastikan ia kekal relevan. Contohnya, hak kelayakan pendapatan baharu bagi Bantuan Elaun Orang Kurang Upaya (EPOKU) dinaikkan dari RM1,200 kepada pendapatan bulanan RM1,500 dan ke bawah pada tahun 2021. Selain itu, syarat asas kelayakan permohonan bantuan JKM telah dinaikkan pada tahun 2024 dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) PGK 2022 iaitu RM1,198.
4. Selain daripada permohonan bantuan yang dilakukan sendiri oleh pemohon, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut menjalinkan kerjasama dengan masyarakat setempat, termasuklah bekerjasama dengan YB Ahli Parlimen, YB ADUN dan pemimpin setempat di peringkat negeri dan daerah bagi mengenal pasti mereka yang layak dibantu bagi mendapatkan perkhidmatan dan bantuan daripada agensi-agensi di bawah kementerian. Di samping itu, perkhidmatan Talian Kasih 15999 atau melalui Whatsapp 019-2615999 juga menyediakan platform mudah untuk orang ramai mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan dan bantuan yang disediakan dan layak untuk dimohon.

5. Sementara itu, berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Disember 2023, sejumlah 543,811 kes penerima bantuan dicatatkan di seluruh negara. Manakala bilangan pegawai dan kakitangan JKM yang menjadi Pekerja Kes menguruskan bantuan di seluruh negara adalah seramai 1,460 orang.

6. Bantuan kewangan kebajikan ini merupakan bantuan sementara kepada golongan yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup sebelum mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan atau kesukaran pada suatu jangka masa. Terdapat sebilangan penerima bantuan yang telah berjaya keluar daripada situasi tersebut serta tidak lagi menerima dan perlu bergantung kepada bantuan kebajikan Kerajaan. Pada masa yang sama, JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu penerima bantuan kewangan kebajikan menaikkan taraf hidup mereka.

7. Antaranya inisiatif yang dilaksanakan oleh JKM adalah program *2 Years Exit Programme (2YEP)* di bawah Pendekatan "*Productive Welfare*" yang dilaksanakan sejak tahun 2016. Program 2YEP adalah program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan pendapatan klien JKM yang produktif melalui bidang keusahawanan. Sehingga April 2024, peratus kejayaan program 2YEP adalah sebanyak 26 peratus iaitu seramai 1,787 orang peserta telah berjaya hidup berdikari mereka dan tidak lagi memerlukan bantuan bulanan daripada JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kerugian KTMB yang ditanggung oleh Kerajaan bermula tahun 2023 sehingga sekarang dan berapa hasil keuntungan penyewaan tren khas (*Charter Train*) setakat dilancarkan pada 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah mencatatkan keuntungan beraudit sebanyak RM89.6 juta pada tahun 2023. Hal ini kerana, KTMB menerima bantuan berbentuk *Funding Gap* daripada Kerajaan berjumlah RM305.7 juta pada tahun tersebut.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB perlu menanggung kos operasi berjumlah RM689 juta setiap tahun di mana hasil yang dijana tidak dapat menampung keperluan operasi dan lain-lain.
3. Perkhidmatan *Charter Train* KTMB telah diperkenalkan pada tahun 2022. Sejak itu, KTMB telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM501,230.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos yang telah diperuntukkan kepada program "Segalanya Felda" yang berlangsung di setiap Wilayah Felda seluruh Malaysia, dan mohon perincian kepada bajet yang telah dibelanjakan di setiap Wilayah Felda di dalam Pahang.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Karnival Segalanya FELDA (KSF) merupakan program anjuran FELDA yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat di samping merapatkan lagi hubungan Pengurusan dengan warga FELDA di seluruh wilayah. Program ini merupakan cetusan idea YBhg Pengerusi FELDA yang mana merupakan aktiviti promosi ke arah sambutan Hari Peneroka FELDA 2024 yang dijangka diadakan pada 12-14 Julai 2024 di MAEPS, Serdang.

Program KSF ini telah dilaksanakan sejak tahun 2023 lagi iaitu melibatkan Wilayah Raja Alias, Alor Setar dan Mempaga manakala pada tahun ini telah diadakan di Segamat, Trolak dan Jengka (digabungkan bersama Wilayah kuantan) serta Sahabat (akan diadakan pada 29 hingga 30 Jun 2024).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan bagi melaksanakan KSF di enam (6) buah lokasi berjumlah RM1,593,597. Perbelanjaan bagi KSF di Wilayah Raja Alias pada 27 Julai 2023 dan Alor Setar pada 4 Ogos 2023 menggunakan peruntukan daripada Pejabat Pengarah Besar FELDA dan telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Lembaga FELDA Bil 445 Bertarikh 29 Ogos 2023.

Bagi pelaksanaan KSF di Sembilan (9) buah lokasi yang melibatkan Wilayah Mempaga, Trolak, Segamat, Jengka, Kuantan, Gua Musang, Terengganu, Johor Bahru dan Sahabat, Lembaga FELDA melalui Mesyuarat Lembaga FELDA Bil 445 Bertarikh 29 Ogos 2023 juga telah meluluskan pelaksanaan program KSF ini dengan melibatkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM900,000 yang mana ianya menggunakan peruntukan daripada Tabung Jawatankuasa Perunding

Peneroka (JKPP) dan Tabung Permuafakatan Produktiviti dan Kualiti (JPPK) secara perkongsian sama rata.

KSF telah diadakan di Negeri Pahang melibatkan Wilayah Mempaga di FELDA Chemomoi pada 1 hingga 2 Oktober 2023 bertempat di Dataran Niaga dan di Wilayah Jengka diadakan pada 1 hingga 2 Jun 2024 di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka. KSF Jengka telah diadakan secara bersekali dengan Wilayah Kuantan. Secara keseluruhannya, KSF di Negeri Pahang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM316,370 dengan pecahan RM118,070 bagi Wilayah Mempaga dan RM198,300 bagi Wilayah Jengka-Kuantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pendaftaran My Digital ID sehingga Jun 2024 mengikut negeri dan apakah manfaat yang akan diperoleh kepada rakyat yang mendaftarnya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MyDigital ID dibangunkan berdasarkan kepada arkitektur sistem yang tidak mengumpul data peribadi dan tidak memantau sebarang data atau aktiviti pengguna dalam talian. Sehubungan itu, statistik pendaftaran mengikut negeri tidak dapat dijana. Walau bagaimanapun, sehingga 23 Jun 2024 jumlah pendaftaran MyDigital ID adalah sebanyak 385,299.
2. Antara manfaat penggunaan MyDigital ID terletak pada ciri-ciri MyDigital ID yang selamat, mudah, tepat dan utuh. MyDigital ID merupakan yang merupakan kaedah yang selamat untuk mengenal pasti identiti pengguna dalam talian tanpa menyimpan sebarang data peribadi. Dengan MyDigital ID, urusan dalam talian menjadi lebih mudah kerana pengguna tidak perlu log masuk berbilang kali. MyDigital ID juga juga mendapat rujukan dan maklumat terkait yang tepat daripada pangkalan data yang disahkan Kerajaan. My Digital ID menyediakan identiti yang unik bagi pengguna untuk mengakses pelbagai perkhidmatan dalam talian dan dengan dilengkapi dengan lapisan-lapisan keselamatan termasuk penyulitan.
3. Manfaat penggunaan MyDigital ID perlu diukur dan dinilai melalui bilangan aplikasi yang telah diintegrasikan. Sehubungan dengan itu, pengintegrasian dengan lebih banyak aplikasi utama Kerajaan akan memperluaskan penggunaan MyDigital ID seterusnya merencanakan bilangan pendaftaran pengguna. Sehingga kini, integrasi telah dilaksanakan dengan MyHRMIS mobile, MySejahtera dan diperingkat akhir dengan MyJPJ dan PADU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
HAJI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status kajian yang telah dijalankan terhadap kerangka perundangan dan kawal selia yang sedia ada khususnya bagi membendung jenayah atas talian termasuk penggubalan RUU Keselamatan Dalam Talian.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memandang serius usaha untuk membendung jenayah dalam talian antaranya dengan inisiatif melalui pindaan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil tindakan proaktif bagi menangani kes jenayah siber yang semakin meningkat dengan mencadangkan pindaan ke atas Akta 574 dan Akta 593. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan akan memasukkan peruntukan baharu berkaitan kesalahan membenarkan bank akaun digunakan oleh orang lain tanpa kuasa yang sah atau bagi tujuan yang sah ke dalam Akta 574 bagi menangani isu akaun keldai. Manakala pindaan kepada Akta 593 pula adalah dengan memasukkan peruntukan baharu yang memberi kuasa Pegawai Penyiasat untuk mengarahkan penyitaan akaun bank yang disyaki terlibat dengan aktiviti jenayah.
3. Rang Undang-Undang (RUU) Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024 dan RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 ini telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat masing-masing pada 10 dan 11 Julai 2024.
4. Selain daripada usaha ini, Kerajaan MADANI juga tekad dalam usaha untuk menggubal rang undang-undang baharu berkaitan dengan isu-isu ancaman dalam talian di mana usaha ini sedang dilaksanakan dengan kerjasama antara Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan Kementerian Komunikasi termasuk penglibatan merentasi beberapa kementerian/ agensi yang berkenaan. Bagi maksud tindakan ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-Undang Baharu Berkaitan Dengan Kemudaratan Jenayah Dalam Talian telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara

bersama oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB Menteri Komunikasi dan YB Menteri Digital.

5. Rang Undang-Undang yang baharu ini dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen pada sesi yang akan datang iaitu pada bulan Oktober 2024. Penggubalan RUU ini merupakan salah satu inisiatif reformasi pemerkasaan undang-undang keselamatan dalam talian selaras dengan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan janji reformasi institusi Parlimen dan jaminan Kerajaan untuk tidak mengekang hak kebebasan bersuara ahli Parlimen agar autonomi Parlimen kekal dihormati dan bebas daripada campur tangan eksekutif.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat Parlimen Ke-15 ini, Dewan Rakyat telah menempa sejarah kerana tahap akauntabiliti Badan Eksekutif kepada Dewan Rakyat berada pada tahap tertinggi menerusi keberkesanan urusan Dewan Rakyat, Kamar Khas dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat. Perincian usaha-usaha penambahbaikan mekanisme akauntabiliti Badan Eksekutif terhadap Dewan Rakyat yang dilaksanakan di Parlimen Ke-15 adalah seperti berikut:

- (a) Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri (MQT) bagi hari Selasa dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
- (b) Mesyuarat Kedua pada tahun 2023 telah membahaskan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2021 Siri 2 dan Laporan SUHAKAM yang melibatkan ramai Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri menjawab isu-isu perbahasan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan SUHAKAM tersebut. Pada tahun ini juga kesemua laporan tersebut telah dibahas di Dewan Rakyat.
- (c) Penerangan daripada YB Menteri-menteri termasuk YAB Perdana Menteri juga telah beberapa kali dibuat di Dewan Rakyat bagi menerangkan sesuatu isu dan perkara penting kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.
- (d) Usaha-usaha untuk memperkasakan urusan Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 17 yang mana setiap ahli boleh kemukakan maksimum 2 usul dan ahli dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan untuk setiap usulnya.
- (e) Peluang telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Backbenchers dan Pembangkang untuk turut mempengerusikan Mesyuarat Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 16(5).

NO. SOALAN : 84

(f) Berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan kini skop terma rujukan ataupun (TOR) Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Parlimen Kelima Belas adalah lebih luas berbanding TOR JKPK Parlimen Keempat Belas di mana JKPK kini mempunyai skop TOR yang lebih luas untuk membincangkan semua perkara yang difikirkan sesuai oleh JKPK dan ini termasuk TOR yang merangkumi penglibatan semua kementerian.

2. Usaha-usaha reformasi Parlimen termasuk meningkatkan lagi akauntabiliti Badan Eksekutif terhadap Dewan Rakyat akan terus dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN
HASSAN [SRI GADING]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kaedah penilaian prestasi penjawat awam selepas pelaksanaan kenaikan gaji pada tahun hadapan bagi menjamin tahap produktiviti penjawat awam sentiasa berada di tahap yang tinggi setanding dengan kadar kenaikan gaji.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini sedang dalam fasa memuktamadkan inisiatif-inisiatif fasa *Quick Wins* Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) di bawah tiga (3) skop utama iaitu Pembangunan Organisasi, Kemampuan Saraan dan Pengurusan Bakat. Dalam hal ini, penambahbaikan penilaian prestasi dan urusan berhubung pembangunan bakat amat dititikberatkan.

2. Bagi menjamin tahap produktiviti penjawat awam dapat ditingkatkan selaras dengan pelarasan dan kenaikan gaji penjawat awam, modul pengurusan prestasi penjawat awam iaitu *MyPerformance* akan diperkenalkan. Menerusi pelaksanaan *MyPerformance* ini, ia membolehkan penilaian prestasi dibuat dengan lebih sistematik serta membolehkan Ketua Jabatan melaksanakan pengurusan prestasi mengikut fungsi kementerian / jabatan atau kesesuaian perkhidmatan.

3. Di samping itu, *MyPerformance* juga menggalakkan persaingan positif antara pegawai bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan serta memberi ruang kepada pengurusan kementerian / jabatan menggunakan maklumat pengurusan prestasi secara fleksibel bagi pelbagai tujuan pengurusan sumber manusia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah rumah generasi kedua FELDA yang masih tidak siap dan terbengkalai sehingga sekarang di seluruh negara.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) telah dilaksanakan pada tahun 2013 untuk memberi peluang Generasi Kedua FELDA memiliki rumah kediaman yang selesa di dalam kawasan tanah di rancangan.

Secara keseluruhan sebanyak 8,244 unit PGBF mengikut perancangan akan dibina di sebahagian tapak yang telah dikenal pasti di Wilayah-wilayah FELDA. Namun, terdapat kekangan di mana daripada jumlah keseluruhan unit yang di bina hanya sebahagian yang telah berjaya disiapkan. Pecahan adalah seperti berikut:

- a) 2,458 unit telah siap dan diduduki
- b) 2,546 unit masih dalam pembinaan dan jangkaan siap fizikal pada tahun 2025
- c) 890 unit terbengkalai kerana tiada peruntukan
- d) 1,840 unit diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang
- e) 510 unit diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan

Bagi unit yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Negeri Sembilan untuk disiapkan adalah mengikut perolehan dan urus tabir Negeri masing-masing. Kesemua tapak yang diserahkan ini akan disempurnakan kerja penyiapan dengan perbelanjaan kerajaan Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN SAAD
[BALING]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN:

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme serta kriteria pemilihan dalam agihan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) yang telah diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menyediakan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana semasa Monsun Barat Daya bagi disalurkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menghadapi cuaca panas dan kering berdasarkan kepada permohonan mengenai keperluan peruntukan tersebut dan laporan perbelanjaan peruntukan semasa Monsun Barat Daya yang lalu.
2. Kriteria utama penggunaan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana semasa Monsun Barat Daya adalah bagi tujuan menampung perbelanjaan operasi bencana khususnya penyewaan pesawat untuk operasi pembenihan awan (OPA).
3. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan melalui NADMA juga turut menyediakan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana semasa Monsun Timur Laut yang disalurkan oleh NADMA kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi menghadapi kejadian bencana khususnya bencana banjir berdasarkan kepada bilangan daerah dalam sesuatu negeri dan laporan perbelanjaan peruntukan semasa Monsun Timur Laut yang lalu.
4. Kriteria utama penggunaan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana semasa Monsun Timur Laut adalah bagi menampung perbelanjaan operasi bencana khususnya yang berkaitan dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN**
[BANGI]
TARIKH : **16 JULAI 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan: -

- (a) Jumlah serangan siber yang ditempuhi oleh pengkalan data Kerajaan dari 2014 sehingga 2024 setakat ini; dan
- (b) Kos tahunan dan kesiapsiagaan infrastruktur keselamatan siber Kerajaan (termasuk agensi dan jabatan) dalam menempuhi serangan siber seperti yang berlaku di Indonesia baru-baru ini.

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik daripada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) melalui Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara ((*National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4)), yang memantau insiden siber secara berterusan sejak tahun 2018. Sebanyak 5,719 insiden terhadap agensi Kerajaan telah direkodkan dalam tahun 2018, 3,787 insiden dalam tahun

2019 dan 2,156 insiden dalam tahun 2020.

2. Manakala, sebanyak 3,299 insiden telah direkodkan dalam tahun 2021, 4,378 insiden dalam tahun 2022, 1,633 insiden dalam tahun 2023 dan 689 insiden telah direkodkan sehingga Julai 2024 yang melibatkan agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri.

3. NACSA mendapati terdapat empat (4) trend utama ancaman siber terhadap agensi Kerajaan sehingga tahun 2024 iaitu, Percubaan Pencerobohan (*Intrusion Attempt*), Jangkitan Perisian Hasad (*Malware Infection*), Pelanggaran Data (*Data Breach*), dan Perisian Tebusan (*Ransomware*).

4. *Ransomware* merupakan sejenis perisian hasad (*malicious software*) yang digunakan oleh penyerang/ kumpulan penggodam melalui pelbagai taktik, teknik dan prosedur (*Tactic, Technique and Procedure*, TTP) untuk menceroboh masuk ke dalam sesebuah sistem, menyulitkan data (*encrypt*) dan memeras ugut mangsa untuk membuat bayaran. Kebanyakan pelaku ancaman (*threat actor*) menggunakan *ransomware* untuk menggunakan data yang diperolehi bagi mendapatkan keuntungan.

5. Peningkatan serangan *ransomware* terhadap organisasi berkemungkinan disebabkan oleh kekangan dari segi peruntukan serta keupayaan untuk menyediakan infrastruktur rangkaian dan peralatan yang teguh (*robust*) termasuk pengesanan dan pencegahan, tindak balas serta keupayaan pemulihan daripada sesuatu insiden.

6. Berhubung kos bagi penyediaan kesiapsiagaan keselamatan siber dalam menempuh serangan siber seperti yang berlaku di Indonesia baru-baru ini, Kerajaan telah melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (*Malaysia Cyber Security Strategy*, MCSS) 2020-2024 dengan peruntukan sebanyak RM 1.8 billion bagi tempoh lima (5) tahun. MCSS menggariskan tindakan strategik bagi menangani ancaman tersebut melalui pendekatan bersepadu meliputi pelbagai aspek keselamatan siber secara holistik dan terselaras. Pelaksanaan MCSS juga digariskan sebagai strategi yang dirujuk dalam RMKe-12 2021-2025 aspek pengukuhan keselamatan siber dalam Strategi A1: Menyediakan

Persekitaran Yang Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Digital.

7. Dalam mempertingkatkan perlindungan daripada serangan siber dalam menempuh serangan seperti yang berlaku di Indonesia, pelaksanaan MCSS turut menumpukan kepada peningkatan keupayaan NC4 yang sedang diperluaskan *visibility* pemantauan dengan merangkaikan dengan pusat pemantauan dalam negara termasuk pusat pemantauan yang dikendalikan oleh syarikat swasta dan sistem pemantauan rapi terhadap sistem kritikal negara. Sistem NC4 sedang dalam proses menaik taraf dan akan dilengkapi dengan sistem pengurusan insiden yang lebih berkesan.

8. Sebagai langkah kesiapsiagaan agensi Kerajaan, NC4 selaku Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) Negara sentiasa membantu agensi dari segi pemakluman amaran ancaman siber supaya agensi Kerajaan dapat melaksanakan tindak balas dengan segera dan juga untuk meminimakan risiko serta mengekang berulangnya insiden keselamatan siber kepada agensi Kerajaan.

9. NACSA sebagai agensi peneraju keselamatan siber negara, memainkan peranan proaktif untuk meningkatkan keupayaan bagi mengenal pasti ancaman siber yang berimpak kritikal kepada negara terutama yang bersifat *sophisticated*. Jaringan kerjasama serantau dan antarabangsa dengan pelbagai pihak juga membantu NACSA dalam melaksanakan peranan ini. NACSA juga memberikan kesedaran, khidmat nasihat dan bantuan kepada organisasi bagi melaksanakan amalan terbaik dan mengendalikan sebarang insiden yang berlaku.

10. Dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan Siber 2024 kelak, NACSA dan NC4 akan terus diperkukuhkan daripada aspek perjawatan dan peruntukan bagi memastikan ekosistem keselamatan siber dipertingkatkan kesiapsiagaan termasuk agensi dan jabatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SARAVANAN A/L
MURUGAN [TAPAH]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN [TAPAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kajian dan cadangan penangguhan pelaksanaan inisiatif lantikan baru bercarum dan meneruskan polisi sedia ada iaitu memberi pilihan kepada penjawat awam memilih sendiri skim persaraan yang mereka mahu iaitu sama ada skim pencen sektor awam ataupun skim caruman KWSP.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, skim pencen sedia ada bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara masih diteruskan. Namun begitu, implikasi kewangan terhadap tanggungan faedah persaraan semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan faedah persaraan adalah sebanyak RM32 bilion dan dijangka akan mencecah sebanyak RM46.36 bilion pada tahun 2030.
2. Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan kewangan negara yang lebih mampan, Kerajaan sedang meneliti kaedah baharu lantikan tetap dan akan membentangkan hasil kajian kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.
3. Justeru, cadangan pelaksanaan inisiatif lantikan tetap dan bercarum pada masa ini masih di peringkat kajian bagi menentukan strategi-strategi terbaik dan menepati prinsip tidak kurang baik (*no less favourable*) daripada skim pencen sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan boleh memastikan bahawa harga barang tidak naik apabila pemotongan subsidi diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkuat ekosistem perdagangan dalam negeri, mendayaupayakan pengguna dan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melindungi kepentingan rakyat.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menyediakan, melindungi hak dan kepentingan rakyat daripada amalan perdagangan yang tidak bertanggungjawab atau menyalahi undang-undang, memastikan harga barangan dan perkhidmatan adalah wajar dan tidak melibatkan peningkatan harga barangan yang tidak munasabah.

Kerajaan tidak pernah menarik pemberian subsidi namun melaksanakan penyasaran semula subsidi kepada golongan yang benar-benar layak dan memerlukan. Ekoran langkah kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel baru-baru ini, Kerajaan melalui Kementerian telah mengambil langkah-langkah khusus bagi membendung aktiviti mencatut atau mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan menggunakan penyasaran subsidi sebagai alasan.

Kementerian telah melaksanakan OPS KESAN 2.0 bermula 8 Jun 2024 bagi membendung aktiviti menaikkan harga barangan atau perkhidmatan ekoran penyasaran subsidi. Penguatkuasaan Ops Kesan 2.0 ini bertujuan untuk memastikan mana-mana pihak tidak mengambil kesempatan menaikkan caj perkhidmatan atau harga barangan dengan sewenang-wenangnya ekoran perubahan harga diesel kepada kadar RM3.35 seliter berbanding harga RM2.15 seliter sebelum ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara proaktif di bawah Ops Kesan 2.0 Fasa 1 mulai pada 20 Mei 2024 yang lepas bagi memastikan maklumat awal penawaran perkhidmatan atau pembekalan barangan oleh peniaga yang terlibat di bawah penyasaran

semula subsidi diesel tersebut dapat dikenal pasti. Sehingga 17 Jun 2024, sebanyak 1,391 jenis perkhidmatan dan barangan telah diperiksa di seluruh Semenanjung Malaysia. Kesemua perniagaan yang terbabit dengan pemeriksaan ini telah diminta untuk mengemukakan perincian maklumat- maklumat dan caj-caj yang dikenakan mereka.

KPDN sedang melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan ke premis- premis yang dikenal pasti bagi **Fasa 2** di bawah Ops Kesan 2.0 ini. Fasa 2 akan memfokuskan usaha bagi mengesan sama ada berlaku sebarang aktiviti peningkatan caj atau harga barangan yang tidak selaras dengan Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati cuba mengambil kesempatan mencatut di bawah Akta Kawalan Harga Pada masa yang sama, Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran termasuk elemen kartel bagi memastikan pengguna terus dilindungi.

Pemeriksaan harian oleh Bahagian Penguat Kuasa akan terus dipertingkatkan dan pemerhatian melalui kutipan data harga oleh Pegawai Pemantau Harga akan digunakan bagi melihat kesan perubahan harga barangan keperluan susulan program penyasaran subsidi yang dilaksanakan.

Tanggungjawab untuk memastikan kebajikan rakyat haruslah melibatkan pendekatan keseluruhan kerajaan dengan penglibatan dan kerjasama erat yang berterusan daripada pelbagai pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam melaksanakan reformasi terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan jelaskan status cadangan untuk SPRM diletakkan di bawah bidang kuasa Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang berlaku dengan cara dan pendekatan berbeza berbanding tempoh lima tahun yang lepas. SPRM pada masa kini sentiasa meneroka kaedah-kaedah baru dalam penyiasatan, aktiviti-aktiviti pencegahan rasuah serta pendidikan antirasuah dengan penggunaan tenaga yang optimum. Dalam tindakan operasi pula, SPRM menfokuskan kepada isu-isu ketirisan dan juga kes-kes berprofil tinggi dan berskala besar.

2. Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024 – 2028 telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 7 Mei 2024. Sebanyak lima (5) strategi utama pembanterasannya rasuah yang digariskan di dalam NACS termasuklah Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam yang menetapkan substrategi “Meneliti semula pensyarahan dalam pelantikan dan pemecatan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM” sebagai antara langkah reformasi SPRM bagi jangka masa panjang.

3. Antara mekanisme penambahbaikan yang sedang diteliti adalah berkaitan pemecatan perkhidmatan Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagaimana Hakim Mahkamah Persekutuan. Inisiatif ini masih dalam tindakan SPRM dan libat urus bersama agensi-agensi pemegang taruh seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun dimulakan.

4. Berhubung dengan SPRM diletakkan di bawah parlimen pula, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan fungsi SPRM turut dipantau oleh lima badan pemantau bebas yang mana tiga dilantik

NO. SOALAN : 91

melalui peruntukan ini termasuklah seksyen 14 Akta SPRM 2009 telah memperuntukkan pembentukan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang terdiri daripada ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang dalam penunaian fungsi SPRM.

5. Kerajaan juga akan meneliti implikasi berhubung cadangan untuk meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah bidang kuasa Parlimen. Konsep pengasingan kuasa legislatif dan eksekutif dalam sistem pentadbiran negara perlu terus dipelihara. SPRM juga harus terus menguatkuasakan undang-undang dengan telus dan bebas, tanpa dikawal dan campur tangan oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JIMMY PUAH WEE TSE
[TEBRAU]
TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelang 2040 Kerajaan dijangka akan menampung kos pencen sebanyak RM120 bilion setahun. Bilakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakan reformasi skim pencen sedia digantikan dengan sistem EPF sepenuhnya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, skim pencen sedia ada bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara masih diteruskan. Implikasi kewangan terhadap tanggungan faedah persaraan semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan faedah persaraan adalah sebanyak RM32 bilion dan dijangka akan mencecah sebanyak RM120 bilion pada tahun 2040.
2. Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan kewangan negara yang lebih mampan, Kerajaan sedang meneliti cadangan pelaksanaan inisiatif lantikan tetap dan bercarum.
3. Kajian berhubung inisiatif ini sedang berjalan dengan mengambil kira strategi yang menepati prinsip tidak kurang baik (*no less favourable*) daripada skim pencen sedia ada. Seterusnya, hasil kajian akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini rundingan dan perbincangan oleh Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKTMTTPMA63) mengenai status pengembalian 40 peratus hasil bersih kepada negeri Sabah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Madani komited dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah Dan Kerajaan Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara mengenai Kajian Semula Pemberian Khas kepada negeri Sabah di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan (PP) ini merupakan salah satu isu di bawah MA63 yang dibincang dan dipantau dalam Majlis Tindakan Penyelesaian Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63.
3. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, isu mengenai status pengembalian 40 peratus hasil bersih (di bawah Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 2(1) Bahagian IV Jadual Kesepuluh PP) kepada negeri Sabah masih dalam semakan kehakiman yang sedang berjalan iaitu kes ***Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia***.
4. Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) - ***“sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan cakupnya sekira-kira harus menggelengcungkan perkara yang sedang dibicarakan oleh Mahkamah dan tidak boleh ditanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam timbangan Mahkamah”***, maka pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat.
5. Semua isu-isu di bawah MA63 yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak,

NO. SOALAN: 93

Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Penyelesaian Perjanjian Malaysia (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Akta Laut Wilayah 2012 telah membatalkan atau boleh membatalkan Akta 144, Surat Cara Pemberian Hak, Kuasa, Kebebasan dan Keistimewaan Berkenaan Petroleum 1975 dan Perjanjian Tambahan PETRONAS dan Negeri Terengganu 1987 dalam memberikan hak royalti petroleum kepada Negeri Terengganu.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada Kenyataan Media oleh Pejabat Perdana Menteri berhubung dengan Kerajaan Negeri Terengganu menolak pemakaian Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*] bertarikh 27 April 2024, adalah menjadi pendirian Kerajaan Persekutuan bahawa Akta 750 telah dibuat oleh Parlimen secara sah di sisi Perlembagaan Persekutuan dan masih terpakai di seluruh Malaysia termasuk di Negeri Terengganu, melainkan ia diisytiharkan sebaliknya oleh mahkamah.

2. Berdasarkan seksyen 2 Akta Kemajuan Petroleum [*Akta 144*] ("PDA"), PETRONAS telah diletakhakkan seluruh pemunyaan mengenai petroleum, dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif untuk mengeksplorasi, mengeksploit, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai (onshore) atau di luar pantai (offshore) Malaysia. Pemunyaan dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif yang diletakhakkan sedemikian tidak boleh dibatalkan dan hendaklah berjalan kuat kuasanya (shall be irrevocable and shall enure) bagi faedah Perbadanan itu dan penggantinya.

3. Sebagai balasan bagi pemunyaan dan hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan yang diletakhakkan padanya, PETRONAS telah menandatangani antara lain perjanjian pembayaran wang tunai (Cash Payment Agreement) dengan Kerajaan Negeri Terengganu pada 22 Mac 1975 selaras dengan seksyen 4 PDA. Berdasarkan perjanjian tersebut, pembayaran wang tunai sebanyak 5% hanya akan dibuat oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Terengganu sekiranya petroleum didapati dan diperoleh (won and saved) di Negeri Terengganu.

4. Peruntukan PDA hendaklah dibaca bersama Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*] ("TSA") yang menetapkan had laut wilayah Negeri pada

takat 3 batu nautika dari garis air surut. Oleh itu, sekiranya tiada petroleum didapati dan diperoleh dalam sempadan lebar laut wilayah Negeri Terengganu setakat 3 batu nautika, tiada pembayaran wang tunai berdasarkan PDA dan perjanjian wang tunai perlu dibuat oleh PETRONAS.

5. Persoalan sama ada TSA menjejaskan pemakaian PDA atau mana-mana surat cara dan perjanjian yang telah dibuat di bawahnya adalah tidak berbangkit.

6. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan peruntukan pembangunan kepada semua negeri termasuk Negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 16 JULAI 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha terkini Kementerian dalam mengambil peluang terhadap penyusutan nilai ringgit dengan menarik lebih ramai pelancong ke dalam negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai Ringgit Malaysia semestinya dijangka merangsangkan peningkatan ketibaan pelancong ke Malaysia kerana pelancong mempunyai nilai tambahan (*value for money*) untuk berbelanja apabila bercuti di Malaysia.

2. Pada masa yang sama, penyusutan nilai Ringgit juga memberikan impak dan kelebihan dalam mempergiatkan aktiviti pelancongan domestik memandangkan kos melancong di luar negara telah meningkat melalui pertukaran mata wang asing. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan aktiviti pelancongan lebih tertumpu kepada destinasi dalam negara di mana ianya akan lebih menjimatkan.

3. Dalam hal ini, Kementerian melalui Tourism Malaysia telah mempertingkatkan aktiviti promosi dan pemasaran bagi segmen pelancongan *affordable luxury* dan sentiasa bekerjasama dengan agensi pelancongan, hotel dan pemilik produk pelancongan dalam mempelbagaikan pakej-pakej pelancongan menarik dan istimewa bagi menggalakkan pelancong asing dan domestik berbelanja lebih serta menginap lebih lama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 16 JULAI 2024 (KHAMIS)

SOALAN :

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos Kerajaan untuk membayar kenaikan gaji penjawat awam lebih 13% yang telah diumumkan boleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini dan dari mana Kerajaan mendapat dana yang begitu besar itu.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Pekerja 2024 telah mengumumkan pemberian pelarasan gaji kepada Penjawat Awam. Pemberian pelarasan gaji kali ini juga dijangka lebih tinggi berbanding pelarasan gaji terakhir yang diterima oleh Penjawat Awam pada tahun 2012 iaitu sebanyak 13%. Keputusan ini telah mengambil kira pelbagai aspek sosial dan ekonomi serta kemampuan kewangan Kerajaan.
2. Cadangan pelarasan gaji ini telah dibincangkan antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF). Kerajaan telah membuat unjuran ke hadapan antara peningkatan belanja mengurus yang disebabkan oleh pelarasan ini dengan pertambahan hasil yang akan dikutip oleh Kerajaan kesan daripada peningkatan produktiviti penjawat awam. Beberapa langkah rasionalisasi dalam pengurusan kewangan Kerajaan juga akan menyumbang kepada lebihan dana bagi menampung pelarasan ini. Dalam masa yang sama, Kerajaan tidak akan lupa untuk melaksanakan program-program kebajikan lain kepada orang awam secara amnya menggunakan peruntukan daripada peningkatan hasil ini.

Sekian, terima kasih.